
Junior Dua Jilid Kedua

BAHASA MALAYSIA



Buku Teks

Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Jawatankuasa Kurikulum Bersama
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Junior Dua Jilid Kedua

BAHASA MALAYSIA



Buku Teks
Sekolah Menengah
Persendirian
Cina Malaysia

Jawatankuasa Kurikulum Bersama
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Sesuai Untuk Peringkat Junior

Bahasa Malaysia

Junior Dua Jilid Kedua

Penyelaras Editor: Chia Chey Siong
Reka Bentuk Kulit: Lee Bee Buan
Reka Bentuk Grafik: Lee Bee Buan
Penyusunan Teks: Lee Bee Buan
Ilustrasi: Koo Wen Bin

© Dong Zong
Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahan atau bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau ditukar kepada apa-apa bentuk atau apa-apa cara, baik dengan elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, pengalihan bahasa dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran secara menulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

© Dong Zong
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, translated in any other languages, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior written permission of the publisher.

Disusun oleh:
董教总华文独中工委会统一课程委员会
Jawatankuasa Kurikulum Bersama,
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Diterbitkan & diedarkan oleh:
马来西亚华校董事联合会总会（董总）
Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel :603-87362337
Fax:603-87362779
Laman Web: www.dongzong.my
E-mel: support@dongzong.my

Dicetak oleh:
Percetakan Advanco Sdn Bhd.

Edisi:
Terbitan pertama Mei 2008

Cetakan:
Cetakan keempatbelas September 2020

Sidang Pengarang Junior Dua Jilid Kedua:

Penasihat:
Mendiang Lew Teck Onn
Dr. Lim Swee Tin
Dr. Chong Fah Hing
Tan Poh Boo
Goh Hin San
Yang Quee Yee

Editor-editor Kanan:
Chong Yok Fong
Kek Goon Huay
Mohd. Rosli Bin Nordin
Mohd. Yusoff Bin Che Ibrahim
Nor Jaffry Shah Bin Hashim
Sek Choon Chiang
Teo Hooi Ming
Tin Lee Hong
Wong Kwong Hui
Yen Sui Len

Editor:
Lee Bee Kean

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini telah melibatkan pelbagai pihak. Dengan ini, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka kerana mengizinkan kami menggunakan bahan terbitan mereka dan berterima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan.

PRAKATA

Buku Teks Bahasa Malaysia Peringkat Junior ditulis mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia Tahun 2002.

Buku teks peringkat junior ini dibahagikan kepada enam jilid. Terdapat dua jilid bagi setiap satu sesi persekolahan selama tiga tahun. Setiap jilid buku teks mengandungi tujuh unit.

Sebagai satu pakej, siri buku ini dilengkap dengan bahan-bahan pengajaran lain yang dirakam dalam cakera padat. Hal ini bertujuan untuk membolehkan guru mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan berkesan.

Matlamat kandungan buku teks junior ini bertujuan mempertingkatkan penguasaan dan pemahaman bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina yang merupakan pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Kandungan bagi setiap pelajaran dirancang ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai asas kemahiran berbahasa. Oleh yang demikian, keempat-empat kemahiran utama, iaitu Kemahiran Mendengar, Kemahiran Membaca, Kemahiran Bertutur, dan Kemahiran Menulis diberi penekanan dalam setiap unit supaya penguasaan yang menyeluruh dapat tercapai.


Di samping itu, penulisan buku teks peringkat junior juga meliputi pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia mutakhir dan diterap melalui pendekatan yang berunsurkan tema-tema tertentu. Selain itu, nilai-nilai pendidikan moral dan kebudayaan Asia juga diterapkan melalui tema-tema tersebut. Semoga siri teks ini akan meningkatkan pencapaian bahasa pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia.

KANDUNGAN

Muka Surat


UNIT 8: KEMUDAHAN AWAM

Membaca dan Memahami
Rentetan Hidup Sebuah Pondok Telefon 2
Mendengar dan Bertutur 6
Menulis
Surat Kiriman Rasmi 8
Tatabahasa
Kata Hubung 13
Imbuhan Apitan Rangkap mempeR-...-i dan mempeR-...-kan 22
Pola Ayat Frasa Nama + Frasa Nama 26
Teknik Pembelajaran
Keistimewaan Otak 30
Bahagian Sastera
Syair: Semenanjung Emas 32



UNIT 9: KESABARAN

Membaca dan Memahami
Kesabaran Membawa Keuntungan 36
Mendengar dan Bertutur 41
Menulis
Karangan Jenis Fakta 43
Pepatah 44
Tatabahasa
Kata Arah 45
Pola Ayat Frasa Nama + Frasa Adjektif 47
Teknik Pembelajaran
Menggunakan Bahan Grafik untuk Memahami Petikan Cerpen yang Dibaca 49
Merumuskan Bahan Grafik-Rajah 53
Bahagian Sastera
Cerpen: Aku Masih Tak Mengerti 56



KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 10: MENDAPAT PERTOLONGAN

Membaca dan Memahami
- Kebakaran Belukar 64

Mendengar dan Bertutur 68

Menulis
- Karangan Perbincangan 71
- Surat Kiriman Rasmi 71

Tatabahasa
- Kata Pemeri 72
- Imbuhan Apitan di-...-i dan di-...-kan 74
- Pola Ayat Frasa Nama + Frasa Sendi 75

Teknik Pembelajaran
- Panduan Menulis Karangan Perbincangan 78

Bahagian Sastera
- Pantun Budi 80



UNIT 11: KEYAKINAN DIRI

Membaca dan Memahami
- Keyakinan Kunci Kejayaan 84


Mendengar dan Bertutur 88

Menulis
- Karangan Peribahasa 91

Tatabahasa
- Imbuhan Apitan peN-...-an 92
- Imbuhan Apitan peR-...-an 94
- Penjodoh Bilangan 96
- Pola Ayat Frasa Nama + Frasa Kerja 98

Teknik Pembelajaran
- Panduan Menulis Karangan Peribahasa 100

Bahagian Sastera
- Sajak: Menuju Puncak Jaya 103



KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 12: KENEGARAAN

Membaca dan Memahami
- Lambang Kenegaraan 108

Mendengar dan Bertutur 112

Menulis
- Karangan Laporan 113

Tatabahasa
- Kata Ganda 114
- Ulangan Imbuhan Awalan 117
- Kesalahan Umum Ayat 119

Teknik Pembelajaran
- Panduan Menulis Karangan Laporan 122

Bahagian Sastera
- Syair: Bendera Kita 126



UNIT 13: PENGARUH BAHASA ASING

Membaca dan Memahami
- Sejarah Peminjaman Bahasa 130

Mendengar dan Bertutur 134

Menulis
- Bina Ayat 136
- Melengkapkan Teks 137
- Perumpamaan 138

Tatabahasa
- Imbuhan Pinjaman 140
- Kesalahan Umum Penggunaan Kata 144
- Penjodoh Bilangan 145

Teknik Pembelajaran
- Panduan Merumuskan Carta Pai 147



KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 14: ADAT RESAM BUDAYA BANGSA

Membaca dan Memahami
- Budaya Rewang 154


Mendengar dan Bertutur 160

Menulis
- Surat Kiriman Tidak Rasmi 162

Tatabahasa
- Pengukuhan Tatabahasa 164
- Menganalisis Teks 165
- Membetulkan Kesalahan Umum 167

Teknik Pembelajaran
- Melayari Internet 173




UNIT 8:
KEMUDAHAN AWAM






Rentetan Hidup Sebuah Pondok Telefon

Aku diproses dan **diacukan**[1] daripada campuran pelbagai bahan **gentian**[2] dengan bantuan teknologi canggih agar bentuk yang direka dapat **terserlah**[3].

"Ah, **perit**[4] benar badanku. Aku sakit kerana besi waja yang bercorak menekan dan menekap badanku," bisik hatiku apabila tidak tahan menanggung semua itu.

Setelah tiga bulan di kilang itu, wajah sebenar aku muncul. Aku **membelek-belek**[5] akan **keanggunan**[6] diriku. Oh, aku sebuah pondok telefon awam rupa-rupanya. Rupa paras badanku besar. Kulitku diperbuat daripada gentian berwarna biru. Warna biruku sungguh menawan. Aku melihat ke sekeliling gudang itu, cuma aku yang berwarna biru manakala yang lain berwarna lain.



Pada 31 Ogos 2010, aku dibawa ke suatu tempat. Aku tidak pasti tujuan dan tempat akan aku diletakkan. Cuma khabar angin daripada kawan-kawan sejenisku, mereka mengatakan bahawa aku akan dihantar ke sebuah tempat yang sibuk dengan aktiviti manusia. Penghantaran aku pada hari itu telah membuka minda dan mataku. Di sini terdapat sebuah alam yang sungguh luas dan sibuk **berpanjangan**[7]; **hilir mudik**[8] dengan gentian yang bergerak.

Setelah bergoyang-goyang ke kiri dan ke kanan beberapa kali, tiba-tiba kenderaan besi yang membawaku pun berhenti. Seorang manusia yang berpakaian biru sama dengan warnaku, menurunkan aku ke tanah. Aku melihat dia berpeluh juga mengangkat diriku. Memang benar kata rakan-rakanku, bahawa aku akan **dipancangkan**[9] di sebatang tiang di pinggir jalan di tengah-tengah kesibukan manusia.

Kosa Kata

1. **diacukan:** dibentukkan 形成
2. **gentian:** campuran bahan keras / serabut 纤维
3. **terselah:** kelihatan nyata 看得清楚
4. **perit:** rasa sakit 痛苦
5. **membelek-belek:** memerhati dengan teliti 细察
6. **keanggunan:** keelokan 幽美
7. **berpanjangan:** berterusan 不断的
8. **hilir mudik:** lalu-lalang 来往
9. **dipancangkan:** dipacakkan 被插入





Barulah aku sedari bahawa aku direka khas untuk memudahkan manusia berhubung dengan keluarga atau dengan rakan-rakan mereka. Kini, aku memainkan **watak**[10] sebagai sebuah pondok telefon. Aku boleh digunakan sama ada dengan duit syiling ataupun dengan kad. Aku diletakkan di depan sebuah sekolah bersama-sama sebuah pondok telefon yang lain. Aku mula **bertapak**[11] di situ dan mula digunakan dengan **rakus**[12].

Selang[13] setahun kemudian, aku **didatangi**[14] oleh seorang pelajar lelaki dari sekolah yang berdekatan. Merah padam wajahnya kulihat umpama udang sedang dibakar. Dia datang dengan perasaan marah menyala. Dengan kasar, dia menekan gigiku secara bertalu-talu. Sakit dan geram sungguh aku melihatnya. Namun, kesabaran sahaja yang dapat aku tunjukkan. Sungguh kasar bahasa yang digunakan oleh budak itu ketika menyalurkan bahasa lisannya ke **corong**[15] mulutku. Terasa muak aku memakan kata-katanya.

Sejurus kemudian, budak itu menendang, menumbuk, dan mencalar diriku. Habis kulitku diconteng dengan kata-kata kesat yang **menjijikkan**[16]. Hatiku hampa dan remuk kerana perbuatan budak itu dan **hempasan**[17] gagang ke badanku telah melenyapkan bunyi deringanku. Kini, aku sepi dan tidak mampu berkata-kata lagi.




Dua minggu kemudian, sebuah kenderaan besi berhenti tepat di depanku. Aku **terpinga-pinga**[18] melihat kenderaan besi itu. Aku melihat orang yang berbaju biru yang menghantarku dahulu kembali ke lokasiku semula. Dengan rakusnya dia mengangkut aku. Dicampaknya aku dengan kasar ke dalam kenderaan itu. Aduh, sakitnya badanku! Tidak seperti aku sampai tempoh hari, aku dilayan dengan baik. Kini, keadaan aku sebaliknya; habis manis sepah dibuang.

Di kawasan lapang yang penuh dengan batang-batang besi berwarna coklat, dan bekas-bekas kawan lama; di situlah aku ditempatkan. Rupa-rupanya tempat itu ialah kedai menjual barangan **lusuh**[19]. Tinggallah aku meneruskan kehidupan yang sepi dan sunyi daripada kata-kata manusia.

Kosa Kata

10. **watak:** peranan 角色
11. **bertapak:** berumah 立足
12. **rakus:** gelojoh 贪婪
13. **selang:** antara 间歇
14. **didatangi:** dikunjungi 被...光顾
15. **corong:** saluran mendengar 电话听筒
16. **menjijikkan:** memualkan 令人厌恶的
17. **hempasan:** hentakan 猛掷
18. **terpinga-pinga:** tercengang-cengang 目瞪口呆
19. **lusuh:** lama 旧







A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Mengapakah badan 'aku' terasa sakit apabila dibentuk?
   A. direka daripada pelbagai gentian
   B. berada selama tiga bulan di kilang itu
   C. acuan besi waja menekan dan menekap wajah 'aku'
   D. 'aku' berlainan warna daripada yang lain

2. Apakah perkara yang membuka minda dan mata 'aku'?
   A. seorang manusia yang berpakaian biru
   B. dipasangkan di sebatang tiang di pinggir jalan
   C. khabar angin daripada kawan-kawan
   D. sebuah alam yang sungguh luas dan sibuk

3. Apakah kegunaan 'aku' kepada manusia?
   A. tempat manusia bertapak
   B. memudahkan hubungan sesama manusia
   C. menyampaikan khabar angin sesama kawan-kawan 'aku'
   D. menyimpan wang untuk manusia

4. Siapakah yang telah memuakkan 'aku'?
   A. seorang manusia berbaju biru
   B. kesibukan manusia
   C. lokasi 'aku' di pinggir jalan
   D. seorang pelajar sekolah

5. Antara berikut yang manakah **bukan** merupakan tindakan yang 'aku' alami?
   A. tekanan daripada besi waja
   B. gigi 'aku' ditekan dengan keras
   C. digunakan oleh golongan pelajar sahaja
   D. muka 'aku' dicalar oleh budak itu



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Bagaimanakah rupa paras 'aku'?

2. Di manakah 'aku' diletakkan?

3. Apakah kesan tindakan pelajar itu terhadap 'aku'?

4. Siapakah yang datang selepas dua minggu berlakunya peristiwa malang yang menimpa 'aku'?


5. Pada pendapat anda, adakah wajar tindakan pelajar tersebut kepada pengguna yang lain?



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

rentetan: ren + te + tan	didatangi: di + da + ta + ngi
keanggunan: ke + ang + gu + nan	rakus: ra + kus
menjijikkan: men + ji + jik + kan	corong: co + rong
muak: muak	remuk: re + muk
hempasan: hem + pa + san	terpinga-pinga: ter + pi + nga + pi + nga





MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Dengar petikan yang dimainkan dengan teliti. Setelah itu laksanakan gerak kerja yang telah disediakan.



LATIHAN

A. Isi setiap ruangan kosong dengan lima perkataan yang telah diminta.

Bil.	Kata Berawalan	Kata Berapitan	Kata Dasar
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

B. Perkataan-perkataan di bawah merupakan kata pinjaman daripada Bahasa Inggeris. Tuliskan ejaan Bahasa Malaysia bagi perkataan-perkataan tersebut.

Bil.	Ejaan dalam Bahasa Inggeris	Ejaan dalam Bahasa Malaysia
1.	programme	
2.	application	
3.	technology	
4.	internet	
5.	electronic	
6.	community	





2. Dengar dan lakonkan perbualan di bawah.

Situasi 1: Perbualan di kaunter pembayaran pejabat pos.

Tidak beberapa lama kemudian nombor giliran anda dipanggil. Anda bergegas ke kaunter bernombor tiga untuk menyelesaikan urusan anda.



Anda : Selamat pagi, puan.
Kerani : Selamat pagi. Bolehkah saya bantu kamu?
Anda : Ya, puan. Saya hendak membuat bayaran bil. Ini bil-bil saya.
Kerani : Sila tunggu sebentar.
(Kerani itu mengira jumlah keseluruhan bayaran bil.)
Encik, jumlah semua bayaran ialah RM245.00.
Anda : Ya, betul puan. Ini wangnya, puan.
(Anda menunggu sebentar sambil meninjau-ninjau suasana di dalam pejabat pos.)
Kerani : Encik. Ini saya kembalikan bil-bil encik. Terima kasih.
Anda : Terima kasih kembali.

3. Dengar dan lakonkan perbualan di bawah.

Situasi 2: Perbualan di tempat menunggu bas.

Anda sedang menunggu bas untuk pergi ke sekolah. Seorang perempuan tua menegur anda lalu menanyakan sesuatu.

Perempuan Tua : Anak, boleh mak cik bertanya?
Anda : Ya, mak cik.
Perempuan Tua : Mak cik hendak pergi ke Medan Gopeng. Bas nombor apakah ke sana?
Anda : Mak cik boleh menaiki bas bernombor 30 ke sana. Untuk apa mak cik hendak ke sana?
Perempuan Tua : Mak cik hendak balik ke kampung. Kampung mak cik di Taiping.
Anda : Oh, begitu! Saya pun hendak pergi ke sana. Sekolah saya terletak di sana juga. Bolehlah kita menaiki bas bersama-sama.
Perempuan Tua : Terima kasih atas bantuan anak.
Anda : Sama-sama.
(Mereka pun mula menaiki bas menuju ke Medan Gopeng.)







1. Surat Kiriman Rasmi

Surat Kiriman Rasmi merupakan salah satu bentuk surat yang kerap digunakan secara formal dalam masyarakat. Namun untuk menggunakannya, seseorang itu perlu mengetahui ciri-ciri surat tersebut terlebih dahulu. Perhatikan peta minda di bawah.

SURAT KIRIMAN RASMI

↓

BERSIFAT FORMAL
- ISI MUDAH, PADAT, DAN TEPAT

↓

JENIS-JENIS SURAT KIRIMAN RASMI

- Surat Permohonan
- Surat Pesanan
- Surat Bantahan
- Surat Aduan
- Surat Edaran
- Surat Rayuan
- Surat Jemputan

Pada kali ini, penekanan diberikan kepada surat kiriman rasmi jenis surat aduan dan surat edaran. Di sebelah ditunjukkan draf surat kiriman rasmi sebagai panduan.



alamat pengirim:
________,
________,
________,
________.

{selang sebaris}
________________________________ — satu garisan lurus
{selang sebaris}

jawatan & alamat penerima:
________,
________,
________. ________ — tarikh ditulis dalam huruf besar

{selang sebaris}

kata panggilan: ____,

{selang sebaris}

tajuk surat: ________________ — tajuk surat ditulis dalam huruf besar bagi pangkal perkataan kecuali Kata Sendi dan Kata Hubung serta bergaris

{selang sebaris}

tujuan surat:
____
________.

isi-isi surat:

2. ________________________
________________________.

3. ________________________
________________________.
i. ____________
ii. ____________

harapan pemohon:

4. ________________________
________________________.

{selang sebaris}

penutup surat: ________


Yang benar, — akuan pengirim

________, — tandatangan pengirim

nama pengirim (huruf besar): (ALIAS BIN Ali)

....
.... — jawatan pengirim (jika ada)

Draf Surat Kiriman Rasmi



2. Contoh Surat Kiriman Rasmi

A. Surat Aduan

Sejak kebelakangan ini, kejadian yang tidak diingini kerap berlaku di kawasan anda. Anda mewakili penduduk setempat diminta untuk menulis sepucuk surat kepada pihak berkuasa untuk memaklumkan perkara itu.

286, Lorong Permai Satu,
Taman Permai,
30020 Ipoh,
Perak Darul Redzuan.

Ketua Balai Polis,
Balai Polis Jelapang,
30020 Ipoh,
Perak Darul Redzuan. 25 JUN 2007.

Tuan,

Aduan Kekerapan Kejadian yang Tidak Diingini

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya sebagai wakil penduduk di Taman Permai ingin mengadu tentang kekerapan berlakunya kejadian yang tidak diingini di kawasan ini.

2. Tujuan saya membuat aduan ini adalah untuk meminta pihak tuan mengatasi masalah yang kami hadapi. Andai kata keadaan yang sedia ada tidak diatasi dengan segera, kemungkinan peristiwa-peristiwa yang lebih buruk akan berleluasa di sekitar kawasan kami.

3. Untuk makluman pihak tuan, peristiwa-peristiwa buruk yang pernah berlaku di kawasan ini, iaitu;

i. Kejadian pecah rumah telah berlaku sebanyak empat kali sejak tiga bulan yang lalu. Peristiwa ini berlaku semasa tuan punya rumah pergi bekerja pada siang hari.
ii. Kehilangan barang-barang besi yang dimiliki oleh beberapa orang penduduk setempat. Barang-barang itu seperti besi ampaian, kaki bekas bunga, dan pagar dawai.
iii. Rumah dilempari batu oleh remaja-remaja nakal pada lewat malam semasa penduduk Taman Permai sedang tidur. Peristiwa ini semakin kerap berlaku sejak lima bulan yang lalu.





4. Kami berharap agar pihak tuan dapat menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membetulkan keadaan yang tidak menyenangkan ini. Pihak kami mengucapkan terima kasih atas segala kerjasama yang akan diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Mohd Aimin

(MOHD. AIMIN MOHD. ALI)

B. Surat Edaran

Persatuan Sains dan Matematik di sekolah anda akan mengadakan lawatan ke Pusat Sains Negara. Buat satu surat edaran kepada ibu bapa pelajar untuk memaklumkan aktiviti tersebut.

SEKOLAH MENENGAH TINGGI CHUNG LING
27, JALAN PERMAISURI, 30020 IPOH, PERAK.

Persatuan Sains dan Matematik,
Sekolah Menengah Tinggi Chung Ling,

Ibu bapa/penjaga


Lawatan Sehari ke Kuala Lumpur

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Persatuan Sains dan Matematik akan mengadakan lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk meluaskan ilmu pengetahuan pelajar tentang peranan sains dalam kehidupan kita.

Tempat-tempat yang akan dilawati ialah;

i. Pusat Sains Negara
ii. Taman Rama-rama





Lawatan ini akan diadakan pada 23 November 2007 bersamaan hari Khamis. Setiap pelajar dikenakan bayaran pengangkutan dan makanan sebanyak RM35.00 seorang.

Andai kata pihak tuan/puan/penjaga membenarkan anak/anak asuhan tuan/puan/penjaga untuk mengikuti lawatan ini, sila isikan ruangan di bawah dan hantar semula kepada pihak kami secepat mungkin.

Segala kerjasama yang diberikan, pihak kami mengucapkan terima kasih.

Yang benar, 9 JULAI 2007.

Mohalim

(MOHALIM IDRUS)
Setiausaha
Persatuan Sains dan Matematik

----------------------- **sila potong di sini** -----------------------

Saya ………………dengan ini membenarkan/ tidak membenarkan anak saya/ anak jagaan saya ………………….. untuk menyertai lawatan tersebut. Bersama-sama ini disertakan wang bayaran penyertaan sebanyak RM35.00.

Yang benar, Tarikh:…………………

…………………
( )







LATIHAN

Tulis sepucuk surat yang membincangkan salah satu perkara di bawah. Jumlah perkataan surat anda haruslah antara 120 hingga 150 patah perkataan.

1. Surat aduan tentang kelajuan kenderaan pengguna yang menggunakan laluan di taman perumahan anda.

2. Surat aduan tentang berleluasanya pembukaan kafe siber di rumah kedai yang berhampiran.

3. Surat edaran mengadakan Program Merentas Desa.

4. Surat edaran mengadakan aktiviti kitar semula.




Para pelajar, berjumpa lagi kita dalam subunit Tatabahasa. Pada kali ini, para pelajar akan didedahkan pula salah satu Kata Tugas yang dikenali sebagai Kata Hubung. Seperti mana Kata Tugas yang lain, Kata Hubung juga memainkan peranan yang sama penting demi melancarkan penggunaan harian Bahasa Malaysia kita. Selamat belajar.

1. Kata Hubung

A. Definisi

Kata Hubung ialah sejenis Kata Tugas yang digunakan untuk menghubungkan dua binaan ayat atau lebih. Apabila Kata Hubung digunakan dalam binaan ayat, maka terbentuklah Ayat Majmuk.



B. Bahagian Kata Hubung

Jenis-jenis Kata Hubung

A. Kata Hubung Pancangan

Kata Hubung Pancangan Relatif

yang

Kata Hubung Komplemen

bahawa agar supaya

Kata Hubung Keterangan

kerana semoga sementara setelah sungguhpun sekiranya walaupun andai kata tatkala kendatipun kalau ketika jika supaya meskipun hingga agar jikalau semasa sewaktu selagi sebelum

B. Kata Hubung Berpasangan

bukan sahaja ~ bahkan juga

sama ada ~ atau

daripada ~ lebih baik

baik ~ mahupun

bukan sahaja ~ tetapi juga

sungguhpun ~ tetapi

bagaimana ~ begitulah

entah ~ entah

kian ~ kian

makin ~ makin

semakin~ semakin

sedangkan ~ inikan pula

jangankan ~ pun

C. Kata Hubung Gabungan

dan atau tetapi serta lalu maka malahan sambil kemudian kecuali lantas





C. Fungsi dan Contoh Penggunaan Kata Hubung dalam Ayat


i. Kata Hubung Gabungan

Fungsi Kata Hubung Gabungan adalah untuk menggabungkan kata, frasa, atau ayat yang setaraf kedudukannya. Akhirnya terbentuklah Ayat Majmuk Gabungan.

Contoh Ayat:

Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
1. Maria suka mengumpul setem. 2. Kakak Maria suka mengumpul setem.	Maria **dan** kakaknya suka mengumpul setem.
1. Mariam ke pasar sebentar lagi. 2. Emak Mariam ke pasar sebentar lagi.	Mariam **dan** emaknya ke pasar sebentar lagi.
1. Semua orang sedang berkemas. 2. Pak Mus tidak berkemas.	Semua orang sedang berkemas **kecuali** Pak Mus.
1. Aiman bersalam. 2. Aiman menyerahkan sekeping sampul kepada neneknya.	1. Aiman bersalam **lalu** menyerahkan sekeping sampul kepada neneknya. 2. Aiman bersalam **kemudian** menyerahkan sekeping sampul kepada neneknya.





ii. Kata Hubung Pancangan

Fungsi Kata Hubung Pancangan adalah untuk menggabungkan ayat kecil pada ayat induk untuk membentuk Ayat Majmuk Pancangan.

Ayat Kecil ialah sejenis ayat yang tidak dapat berdiri sendiri. Ayat jenis ini memerlukan ayat yang lain untuk membantunya supaya menjadi ayat yang lengkap.

Ayat Induk ialah sejenis ayat yang mempunyai subjek dan predikat. Ayat jenis ini mampu berdiri sendiri dan sempurna maksudnya.

Contoh Ayat:

1. Budak **yang** berpakaian comot itu anak Mak Tun.
   a. Budak itu anak Mak Tun. (Ayat Induk)
   b. berpakaian comot (Ayat Kecil)

2. Guna pen ini sebaik mungkin **supaya** dapat digunakan oleh orang lain.
   a. Guna pen ini sebaik mungkin. (Ayat Induk)
   b. dapat digunakan oleh orang lain (Ayat Kecil)

3. Kami berharap **agar** dia selamat sampai.
   a. kami berharap (Ayat Kecil)
   b. Dia selamat sampai. (Ayat Induk)

4. Agak payah **bagi** kami menuruti kata-katanya.
   a. Kami menuruti kata-katanya. (Ayat Induk)
   b. agak payah (Ayat Kecil)



iii. Kata Hubung Berpasangan

Fungsi Kata Hubung Berpasangan adalah untuk menghubungkan dua ayat yang lengkap untuk membentuk Ayat Majmuk Berpasangan.

Contoh Ayat:


1. Maznah **bukan sahaja** pandai menyanyi **bahkan juga** seorang pelakon yang terkenal.
   a. Maznah pandai menyanyi.
   b. Maznah seorang pelakon terkenal.

2. **Daripada** duduk termenung di sini, **lebih baik** aku pergi menolong emak di dapur.
   a. Aku duduk termenung di sini.
   b. Aku pergi menolong emak di dapur.

3. **Sedangkan** kusut gumpalan tali plastik itu tidak terbuka olehnya, **inikan pula** kusut tongkol benang.
   a. Kusut gumpalan tali plastik itu tidak terbuka olehnya.
   b. Kusut tongkol benang tidak terbuka olehnya.

4. **Jangankan** ubat nyamuk, bayang ubat nyamuk **pun** tidak kelihatan.
   a. Ubat nyamuk tidak kelihatan.
   b. Bayang ubat nyamuk tidak kelihatan.





LATIHAN

A. Perhatikan penggunaan Kata Hubung yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut kemudian nyatakan jenisnya.


Bil.	Ayat	Jenis Kata Hubung
1.	Orang itu daif sangat tetapi wajahnya selalu riang.	
2.	Selagi dia tidak datang, saya tidak akan beredar dari sini.	
3.	Sebelum dapat mencecah kaki di puncak, kami tidak akan berpatah balik.	
4.	Semakin banyak dinasihati, semakin bebal pula dia hendak mendengar nasihat.	
5.	Dia dan Roslan menyertai rombongan ke Pulau Manukan, Sabah.	
6.	"Sementelahan menanti kedatangan Yang Berhormat, eloklah kita kemaskan apa-apa yang patut," kata Cikgu Tan.	
7.	Sudah menjadi resam dunia, sebagaimana sesuatu benda itu muncul, begitulah juga akan kembali ke asalnya.	
8.	Sungguhpun bangunan itu sudah siap dibina tetapi pihak yang terbabit tetap tidak dibenarkan berpindah ke sana.	
9.	Kita tidak perlu menunggu kedatangannya lagi, entah datang entah tidak.	
10.	Baik bapa mahupun ibu tidak membenarkan Alias menyertai rombongan lawatan itu.	





B. Masukkan Kata Hubung Gabungan yang sesuai dalam ruangan kosong yang telah disediakan.

Bil.	Frasa	Kata Hubung	Frasa
1.	Cikgu Mariam		Cikgu Siti akan menyambung pelajaran ke United Kingdom.
2.	Buah longan		buah rambutankah pilihan kamu?
3.	Aiman dan Ainun		Ainan akan bersekolah di sekolah yang sama.
4.	Atuk minum kopi		membaca surat khabar di anjung rumah.
5.	Burung itu hinggap sebentar		terbang semula.
6.	Kakak selalu menasihatinya berubah sikap		dia tetap berdegil.
7.	Si Tompok		Si Belang sedang pergi ke sungai.
8.	Runsing mendengar tangisan anaknya,		dia menyuapkan puting ke dalam mulut anaknya.



C. Masukkan Kata Hubung Pancangan yang sesuai dalam ruangan kosong yang telah disediakan.

Bil.	Frasa	Kata Hubung	Frasa
1.	Ting Ting kesiangan		terlupa mengunci jam locengnya.
2.	Pak Pandir terus menunggu anaknya di perhentian bas		malam.
3.	Pak Cik Long terus bersabar		dia kerap dicaci oleh penduduk desa.
4.	Kakak siap mencuci kain		matahari meninggi.
5.	Abang membaca novel 'Di Hujung Puncak Menara'		menanti kedatangan bas sekolahnya.
6.	Anak bongsu Pak Ali telah pun bersunat		berumur sembilan tahun.
7.	Kami akan menolong kamu		kamu benar-benar berminat dalam pekerjaan tersebut.
8.	Dia bertugas di luar negara		isterinya pula ditinggalkan di rumah mertuanya di kampung.






D. Masukkan Kata Hubung Berpasangan yang sesuai dalam ruangan kosong yang telah disediakan.

Bil.	Kata Hubung	Frasa	Kata Hubung	Frasa
1.		Mustaza tidak dapat melangkau parit ini,		adiknya.
2.		mahu		tidak mereka pergi bersama-sama kita.
3.		pekerja yang rajin		pekerja berdisiplin juga menjadi syarat pengambilan pekerja di kilang itu.
4.		besar rumahnya		banyak lagaknya di hadapan orang ramai.
5.		Aziah		Zufarah, mereka berdua anak kemanakan saya.
6.		bermotosikal, berbasikal		dia tidak mampu.
7.		hari		susut badannya setelah berbulan-bulan sakit.
8.		Munusamy		Linggam akan terpilih untuk mewakili sekolah dalam acara merejam lembing.





2. Imbuhan Apitan Rangkap mempeR-...-i dan mempeR-...-kan

A. Definisi

Apitan **mempeR-...-i dan mempeR-...-kan** merupakan apitan Kata Kerja. Kedua-dua apitan ini akan membentuk Kata Kerja Transitif yang mesti diikuti Kata Nama (Objek).

B. Binaan Apitan Rangkap

i. Apitan Rangkap mempeR-... -i

1. Apitan mempeR-…-i terbentuk daripada proses morfologi awalan beR- yang merupakan Kata Kerja Tak Transitif.

2. Akhiran -i pada apitan mempeR-…-i bertugas untuk menggantikan Kata Sendi seperti *atas*, *akan*, *kepada*, dan *tentang*.

Kata Kerja Tak Transitif	Kata Kerja Transitif
bersenjata akan	mempersenjatai
berhamba kepada	memperhambai
bertuan kepada	mempertuani
belajar tentang	mempelajari
beringat tentang	memperingati
berkebun akan	memperkebuni
bertanah akan	mempertanahi
berkuasa atas	memperkuasai

Contoh Ayat:

1. a. Tiga orang pemuda yang **bersenjata akan** sebatang besi telah merosakkan sebuah pondok telefon.
   b. Tiga orang pemuda yang **mempersenjatai** sebatang besi telah merosakkan sebuah pondok telefon.

2. a. Hamba itu telah **berhamba kepada** Tuan Mohdar selama 25 tahun.
   b. Hamba itu telah **memperhambai** Tuan Mohdar selama 25 tahun.

3. a. Upacara itu diadakan untuk **beringat tentang** bencana alam itu.
   b. Upacara itu diadakan untuk **memperingati** bencana alam itu.





Contoh Kesalahan Tatabahasa:

Kata Dasar	Betul	Salah
indah	memperindah/mengindahkan	memperindahi
cantik	mempercantik/mencantikkan	mempercantiki
lurus	memperlurus/meluruskan	memperlurusi
lunak	memperlunak/ melunakkan/melunaki	memperlunaki
muda	mempermuda/memudakan	mempermudai
untuk	memperuntuk/menguntukkan	memperuntuki
oleh	memperoleh	memperolehi
sungguh	mempersungguh/ menyungguhi menyungguhkan	mempersungguhi
tentang	menentangkan	mempertentangi


ii. Apitan Rangkap mempeR-... -kan

1. Apitan mempeR-...-kan berfungsi untuk membentuk Kata Kerja Transitif daripada Kata Kerja Tak Transitif yang berawalan beR-.

2. Namun untuk menggunakan apitan ini, kita haruslah memastikan bahawa Kata Nama haruslah diletakkan selepas Kata Kerja berapitan tersebut.
   Perhatikan jadual di bawah;

Kata Dasar	Kata Kerja Tak Transitif	Kata Kerja Transitif	Binaan Frasa Kerja Kata Kerja + Objek(KN)
juang	berjuang	memperjuangkan	memperjuangkan hak
laku	berlaku	memperlakukan	memperlakukan diri
satu	bersatu	mempersatukan	mempersatukan kaum
guna	berguna	mempergunakan	mempergunakan waktu
isteri	beristeri	memperisterikan	memperisterikan anaknya
henti	berhenti	memperhentikan	memperhentikan enjin
kata	berkata	memperkatakan	memperkatakan hal
gabung	bergabung	mempergabungkan	mempergabungkan tenaga





Contoh Ayat:

1. a. Mereka **bergabung dengan** penduduk desa untuk mendirikan masjid.
   b. Mereka **mempergabungkan** penduduk desa untuk mendirikan masjid.

2. a. Ahmad **beristeri dengan** seorang wanita berbangsa Bosnia.
   b. Ahmad **memperisterikan** anaknya dengan seorang wanita berbangsa Bosnia.

3. a. Dia telah **berhenti daripada** menagih dadah.
   b. Dia telah **memperhentikan dirinya** daripada menagih dadah.

Peringatan!

a. Awalan memperR- yang terdapat pada apitan memperR-...-i dan memperR-...-kan bertugas sebagai penanda kata untuk Ayat Aktif.

b. Apitan memperR-...-i dianggap sebagai imbuhan yang terhad penggunaannya.

c. Kata Dasar yang melekat pada apitan ini boleh terdiri daripada pelbagai jenis kata kecuali *Kata Adjektif* dan *Kata Tugas* khususnya *Kata Sendi*.





LATIHAN

A. Mencari Maksud Perkataan

Dengan merujuk kepada kamus, berikan maksud perkataan di bawah.

- **mempertontonkan**
- **memperguraukan**
- **mempergilakan**
- **memperjerihkan**
- **memperlihatkan**

B. Mengisi Tempat Kosong

Berpandukan perkataan-perkataan yang terdapat dalam Latihan A, isi tempat-tempat kosong dengan satu patah perkataan yang sesuai.

1. Kami susah bercerita kepada Andok kerana dia suka ________________ apa-apa yang diceritakan.
2. Pereka fesyen terkenal itu ________________ koleksi pakaian musim bunga di dewan itu.
3. Kisah 'Manusia Beruang' telah ________________ bukti kewujudan makhluk tersebut.
4. Menjelang peperiksaan, pelajar mula ________________ usaha mereka.
5. Kematian suami dan anak sulungnya dalam kemalangan ngeri itu telah ________________ fikiran Mak Sumpik.

C. Bina Ayat

Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan perbezaan maksudnya.

1. bertemu - mempertemukan
2. berlari - memperlarikan
3. berbual - memperbualkan
4. berkota - memperkotakan
5. bersengketa - mempersengketakan

3. Pola Ayat Frasa Nama (FN) + Frasa Nama (FN)

Pada Unit Ketujuh, para pelajar telah diperkenalkan empat Pola Ayat Dasar. Pola-pola ayat itu ialah;

1. FN + FN
2. FN + FA
3. FN + FS
4. FN + FK

Dalam Unit Kelapan ini, Pola Ayat Dasar pertama iaitu Frasa Nama + Frasa Nama akan diperkenalkan kepada para pelajar.

Apakah itu Pola Ayat Dasar Frasa Nama + Frasa Nama?

> Bagi pola ayat FN + FN, menunjukkan subjek ayat itu adalah terdiri daripada Frasa Nama, manakala predikat ayat ialah Frasa Nama.



Perhatikan contoh-contoh ayat di bawah;

Bil.	Frasa Nama(Subjek)	Frasa Nama (Predikat)
1.	Bangunan yang berwarna putih itu	Mahkamah Tinggi Ipoh.
2.	Kereta ini	milik abang.
3.	Bilik itu	kelas pelajar Junior Dua Zhong.
4.	Orang itu	pegawai polis.
5.	Lorong ini	tempat berkumpul penagih dadah.
6.	Kampungnya	pengeluar produk tenusu.
7.	Nama lorong rumahnya	Lorong Taman Meru 25.
8.	Beliau	Pengetua Sekolah Menengah Santok.
9.	Anak kecil ini	anak Puan Chong.
10.	Puan Norma	guru tingkatan kami.

Semua kata yang terdapat dalam Subjek dan Predikat ayat-ayat di atas merupakan Frasa Nama.

Ingat!

- Apabila Subjek dan Predikat sesuatu ayat itu terdiri daripada Frasa Nama, maka ayat tersebut telah menggunakan Pola Ayat Dasar iaitu Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN).
- Frasa Nama boleh terbina daripada sepatah kata atau lebih.





LATIHAN

A. Bina Ayat Berdasarkan Gambar

Berdasarkan Pola Ayat Dasar FN + FN, bina tiga ayat yang berkaitan dengan gambar tersebut.


Gambar 1
Kuching, Sarawak



Gambar 2
Stesen Kereta Api Sentral, Kuala Lumpur



Gambar 3
Puncak Gunung Kinabalu, Sabah








B. Melengkapkan Ayat

Lengkapkan subjek di bawah dengan Frasa Nama.

1. Perdana Menteri Malaysia kita ____.
2. Nama hospital besar di tempat saya ____.
3. Syarikat pengeluar kereta nasional negara ______________________________________.
4. Buku ini ____.
5. Motosikalnya ____.
6. Beliau ____.
7. Saya ____.
8. Jenama kereta baharunya ____.
9. Nama ibu negeri saya ____.
10. Nama jalan di hadapan pejabat pos itu ialah __________________________________.








Keistimewaan Otak

Setiap pelajar mempunyai kelebihan tertentu untuk mempraktikkan pemikiran mereka. Perkara yang melambatkan pemikiran adalah disebabkan tiada galakan luaran dan dalaman pelajar. Otak, minda, dan akal ialah komponen yang membantu proses pemikiran kita.



Apakah fungsi ketiga-tiga komponen ini?

Apakah itu Otak?	Apakah itu Minda?	Apakah itu Akal?
Otak ialah organ bagi manusia dan binatang. Di dalam otak manusia terdapat suatu kuasa dan potensi yang amat menakjubkan. Namun, manusia hanya menggunakan kurang daripada 10 peratus bahagian otak.	Minda ialah satu sistem yang penting dalam jasad seseorang. Minda digunakan untuk mengarah dan mengawal otak untuk berfungsi.	Akal ialah keupayaan seseorang untuk menilai sesuatu. Penilaian yang dibuat banyak berdasarkan nilai kemanusiaan sejagat. Akal ialah anugerah Tuhan yang paling istimewa kepada manusia.





Hebatkan isi kepala kita!
Malangnya,
kita kurang mahir untuk
menggunakannya.

Untuk pembelajaran Bahasa Malaysia, apakah kemahiran belajar yang perlu diserlahkan daripada OTAK, MINDA, dan AKAL anda?

Cara-cara Meningkatkan Kecerdasan Otak

- membaca dan membuat peta minda
- berinteraksi secara bersuara atau tidak bersuara
- latih tubi
- permainan kemahiran berbahasa
- penghasilan karya







Dengar dan baca syair di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Semenanjung Emas

Semenanjung Emas gelaran diberi,
negara indah lagi **berseri**[1],
raja **berdaulat**[2] di seluruh negeri,
rakyat **taat**[3] memajukan negeri.

Hutan rimba, sawah, dan bendang,
lautan dalam biru **terbentang**[4],
gua[5] dan taman tempat **bertandang**[6],
warisan alam indah dipandang.

Penduduk banyak berbilang bangsa,
beramah mesra **alam**[7] semua,
hormat-menghormati secara rela,
budi bahasa pengukuh budaya.



Adat resam amalan berzaman,
budaya bangsa terus berkekalan,
hidup muafakat menjadi amalan,
itulah teras negara aman.

Semua rakyat tersenyum **megah**[8],
pelancong banyak datang berziarah,
rezeki datang melimpah-limpah,
itulah jantung bumi bertuah.

Siti Nor Azura
(Iqra 2002)

Kamus Kaki

1. **berseri:**
   bercahaya
   灿 烂
2. **berdaulat:**
   berwibawa
   有 主 权 的
3. **taat:**
   patuh
   遵 从
4. **terbentang:**
   terhampar
   宽 阔 的
5. **gua:**
   lubang besar di kaki bukit
   山 洞
6. **bertandang:**
   berkunjung
   参 观
7. **alam:**
   dunia
   大 地
8. **megah:**
   bangga
   自 豪



Maksud Syair

Rangkap 1
Tanah air kita ini sungguh istimewa kerana kaya dengan pelbagai khazanah. Alam sekitar negara ini juga indah. Negara ini juga diperintah oleh raja-raja yang berdaulat. Khazanah negara yang paling istimewa ialah setiap rakyat berganding bahu untuk memajukan negara.

Rangkap 2
Keistimewaan khazanah alam ini telah menjadi tempat bersantai bagi setiap orang. Kita patut menikmati keindahan warisan alam ini.


Rangkap 3
Masyarakat yang berbilang bangsa dan berbudi bahasa telah mengukuhkan budaya bangsa.

Rangkap 4
Adat resam dan hidup bermuafakat terus dikekalkan dan diamalkan demi keamanan negara.

Rangkap 5
Kemanisan budi bahasa masyarakat telah mengundang pelancong. Natijahnya, hasil pendapatan negara meningkat sebagai negara yang berkat.

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah mempertahankan negara yang tercinta.
2. Kita haruslah menjaga kesantunan bahasa.
3. Kita haruslah bersyukur dengan rezeki yang diberikan.



Soalan Kefahaman

1. Yang manakah antara berikut **bukan** penyebab negara ini disebut sebagai 'Semenanjung Emas'?
   A. Negara ini sungguh kaya dengan keindahan alamnya.
   B. Setiap negerinya diperintah oleh pemerintah yang adil.
   C. Negeri-negerinya banyak terdapat galian.
   D. Setiap rakyat berganding bahu memajukan negara.

2. Apakah perkara utama yang dibincangkan dalam syair ini?
   A. Kehidupan bersatu padu menjadi teras kemajuan negara.
   B. Adat resam bangsa kian pupus.
   C. Sumber galian teras peningkatan ekonomi negara.
   D. Kehadiran pelancong menyemarakkan budaya bangsa.

3. Manakah antara yang berikut **bukan** nilai-nilai murni yang terdapat dalam syair?
   A. ketaatan kepada negara
   B. kesantunan bahasa
   C. penjagaan alam sekitar
   D. senyuman tanda kemegahan

4. Apakah bukti-bukti 'Semenanjung Emas' ini kaya dengan kesantunan bahasa?
   A. masyarakat yang saling menghormati
   B. kedatangan pelancong telah meningkatkan ekonomi negara
   C. keprihatinan bangsa terhadap alam sekitar
   D. pemerintah yang berdaulat

5. Apakah yang dimaksudkan dengan ' jantung bumi bertuah' (baris terakhir)?
   A. kampung halaman
   B. alam flora dan fauna
   C. kemesraan rakyat
   D. keamanan negara




UNIT 9:
KESABARAN



MEMBACA DAN MEMAHAMI

Kesabaran[1] Membawa Keuntungan

Wai Eng dan Wai Hua merupakan adik-beradik. Wai Eng ialah pelajar cemerlang tingkatan dua di sekolahnya tetapi pencapaian adiknya, Wai Hua yang belajar dalam tahun lima Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa tidak **setanding**[2] abangnya. Oleh yang demikian, Wai Hua selalu meminta abangnya memberikan bantuan dalam masalah pelajaran.

Sikap **panas baran**[3] Wai Eng menyebabkan dia tidak dapat memberikan tunjuk ajar yang jelas kepada adiknya. Akibat sikapnya itu Wai Hua berasa takut terhadap abangnya dan hubungan mereka juga tidak akrab. Hal ini menyebabkan Wai Eng selalu keseorangan dan **kesunyian**[4].

Bapa mereka selalu menegur Wai Eng supaya berubah sikap tetapi Wai Eng gagal berbuat demikian.

"Abang, boleh tolong jelaskan formula matematik ini kepada saya? Saya kurang faham," kata Wai Hua kepada Wai Eng.

Wai Eng menjelaskan formula matematik kepada adiknya tetapi adiknya masih kurang faham akan penjelasan itu.

"Abang, tolong semak jawapan saya," kata Wai Hua.

"Salah lagi! Dah beberapa kali abang terangkan. Kenapatah masih salah lagi!" Marah Wai Eng.

Ayah yang sedang membaca surat khabar di ruang tamu terdengar suara **lantang**[5] Wai Eng itu.

"Wai Eng, mari sini," panggil ayahnya.

"Ada hal apa, ayah?" Tanya Wai Eng.

"Ayah ada satu cerita, nak dengar tak?" Tanya ayah.

"Apa ceritanya?" Tanya Wai Eng.

Ayah pun memulakan ceritanya.

1. kesabaran:
   ketenangan hati
   耐心
2. setanding:
   setara
   旗鼓相当
3. panas baran:
   cepat marah
   容易生气
4. kesunyian:
   kesepian
   感到孤单
5. lantang:
   jelas kedengaran
   响亮

Kosa Kata






"Pada suatu hari, seorang penjual **kayu api**[6] memikul kayu api untuk dijual di pekan. Semasa dia sedang mendaki **cerun**[7] bukit, datang seorang tua lalu bertanya "Apakah yang kamu pikul itu?"

"Kayu api, pak cik," jawab penjual tersebut.

"Kamu bawa kayu api itu ke mana?" Tanya orang tua itu lagi.

" Nak dijual di pekan," jawab penjual kayu api itu dengan suara termengah-mengah.

"Kamu nak ke mana?" Tanya orang tua tersebut sekali lagi. Penjual kayu api itu tetap menjawab soalan orang tua itu dengan sabar.



Sepanjang perjalanan, orang tua itu masih bertanyakan soalan yang sama berkali-kali. Penjual kayu api itu tetap menjawab soalan orang tua itu dengan sabar walaupun dia kepenatan mendaki cerun bukit.

Setibanya di puncak bukit, penjual kayu api itu berehat sebentar. Pada masa itu, dia baru perasan bahawa orang tua itu sudah tiada lagi di **sisi**[8]nya. Selepas memandang ke sekeliling, penjual kayu api **terperanjat**[9] apabila mendapati kayu apinya sudah menjadi emas yang **berkilau-kilauan**[10].

Oleh yang demikian, penjual kayu api membawa emas itu balik ke rumahnya. Dia **mengagih-agihkan**[11] emas itu kepada semua penghuni kampung supaya dapat berkongsi kekayaannya. Kesabaran menjawab soalan yang ditanya oleh orang tua itu bukan sahaja membawa kesenangan kepada dirinya, malah kepada semua penduduk kampung.

6. **kayu api:**
   kayu yang digunakan sebagai bahan api
   柴
7. **cerun:**
   lerena
   山 坡
8. **sisi:**
   sebelah
   身 旁
9. **terperanjat:**
   terkejut
   惊 讶
10. **berkilau-kilauan:**
    bercahaya
    闪 烁 的
11. **mengagih-agihkan:**
    membahagi-bahagikan
    分 配

Kosa Kata





Selepas habis bercerita, ayah bertanya kepada Wai Eng, "Apakah pengajaran yang kamu dapat selepas mendengar cerita tadi?"

"Kesabaran akan membawa keuntungan, ayah," jawab Wai Eng.

"Tahu pun kamu kesabaran akan membawa keuntungan, tapi kenapa kamu tidak **mengamalkan**[12]nya dalam kehidupan kamu?" Tanya ayah.

"Minta maaf, ayah. Saya sedar akan kelemahan saya. Saya juga tahu sebab sikap ketidaksabaran saya ini menyebabkan Wai Hua menjauhkan dirinya daripada saya. Saya berjanji bahawa saya akan berubah, ayah," jelas Wai Eng.

Selepas beberapa bulan, sikap Wai Eng telah banyak berubah. Dia tidak mudah **naik angin**[13] semasa adiknya meminta penjelasan tentang masalah dalam pelajaran. Sejak hari itu, hubungan Wai Eng dengan adiknya menjadi rapat.

12. **mengamalkan:**
    melakukan
    实践

13. **naik angin:**
    cepat marah
    发怒

Kosa Kata







A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Apakah maksud bagi perkataan 'formula' yang terdapat dalam perenggan keempat?
   A. simbol
   B. kira
   C. format
   D. rumus

2. Mengapakah ayah Wai Eng menceritakan kisah tersebut kepada Wai Eng?
   A. untuk menenangkan hati Wai Eng yang tertekan
   B. untuk memotivasikan Wai Eng supaya rajin belajar
   C. untuk menginsafkan Wai Eng supaya berubah sikap
   D. untuk memarahi Wai Eng yang bersikap panas baran

3. Kayu api yang dipikul oleh penjual kayu api tersebut akhirnya bertukar menjadi apa?
   A. bijih timah
   B. besi
   C. gas asli
   D. emas

4. Yang manakah berikut adalah **benar** mengenai sikap penjual kayu api?
   A. malas
   B. sabar
   C. tamak
   D. segan

5. Antara pernyataan di bawah yang manakah merupakan penerangan tentang Wai Eng selepas dinasihati ayahnya?
   A. perasaan marahnya semakin membara
   B. memberikan penerangan dengan hati tenang
   C. membuat keputusan tanpa usul periksa
   D. enggan memberikan tunjuk ajar



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Berikan maksud rangkai kata di bawah;
   a. selalu menegur
   b. penghuni kampung

2. Mengapakah hubungan Wai Hua dengan abangnya tidak rapat?

3. Di manakah ayah menegur Wai Eng?

4. Siapakah yang berkongsi menikmati kekayaan penjual kayu api itu?

5. Pada pendapat anda, apakah kesan jika seseorang itu bersikap panas baran?



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

formula: for + mu + la

menegur: me + ne + gur

penjual: pen + jual

cerun: ce + run

kesunyian: ke + su + nyi + an

menjauhkan: men + jauh + kan

berkilau-kilauan: ber + ki + lau + ki + lau + an

mengagih-agihkan: meng + a + gih + a + gih + kan

adik-beradik: a + dik + be + ra + dik

kekeliruan: ke + ke + li + ruan



1. Kepentingan Berkomunikasi

Dengar rakaman dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan.



Soalan Kefahaman Secara Lisan

1. Siapakah yang terlibat dalam perbualan itu?
2. Di manakah perbualan itu berlaku?
3. Mengapakah komunikasi penting dalam kehidupan kita?
4. Pada pendapat anda, mengapakah kita akan meninggikan suara semasa kita marah?
5. Lakonkan cara-cara Hui Hua menyelesaikan masalah dengan adiknya.

2. Cara Berkomunikasi yang Berkesan

Banyak orang yang berpendapat bahawa bercakap di khalayak ramai memang menakutkan. Walau bagaimanapun, sebagai manusia kita tidak dapat mengelakkan diri daripada berkomunikasi. Bagaimanakah caranya untuk kita berkomunikasi dengan berkesan?



Selain bertutur, komunikasi juga boleh berlaku melalui gaya badan, mimik muka, isyarat, dan persekitaran.



Gembira



Marah




Bosan



Berjabat Tangan





1. Karangan Jenis Fakta

Tuliskan sebuah karangan bertajuk 'Kepentingan Semangat Kejiranan di Negara Kita'. Anda boleh menggunakan rangka di bawah sebagai panduan menulis karangan. Panjang karangan anda hendaklah antara 120 hingga 150 patah perkataan.

Pendahuluan

- definisi semangat kejiranan

Isi

- 1. kesusahan ditanggung bersama
- 2. mengekalkan keamanan dan keharmonian negara
- 3. mengelakkan jenayah di kawasan kejiranan
- 4. melahirkan semangat setia kawan

Penutup

- semua pihak perlu bekerjasama untuk menyemai budaya itu sejak kecil lagi
- memajukan negara mengukuhkan ekonomi





2. Peribahasa – Pepatah

Pepatah	Maksud	Contoh Ayat
bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk 虚怀若谷	jika telah memperoleh kedudukan atau kekayaan hendaklah bersikap rendah diri supaya tidak dibenci orang	Walaupun Rahayu berpangkat, tetapi dia tidak bersikap sombong, sikapnya itu padan dengan pepatah **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk**.
berjalan peliharakan kaki, berkata peliharakan lidah 三思而后行	hendaklah selalu beringat-ingat dalam melakukan sesuatu pekerjaan	Emak selalu menasihati abang yang berada di perantauan supaya **berjalan peliharakan kaki, berkata peliharakan lidah** kerana takut abang bertindak terburu-buru.
hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga 流芳百世，永垂不朽	walaupun sudah meninggal dunia, jasa yang baik akan diingati	Kebaikan Allahyarham Tuan Haji Mahmud dikenang oleh orang-orang kampung bak kata pepatah **hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga**.







1. Kata Arah


Kata Arah ialah sejumlah perkataan yang hadir sebelum Frasa Nama dan lazimnya selepas Kata Sendi Nama untuk menunjukkan hala atau jurusan. Antara contoh Kata Arah yang sering digunakan dalam Bahasa Malaysia ialah;

Kata Arah	Contoh Ayat
atas	Buku cerita itu berada di **atas** almari.
antara	Pokok durian ditanam di **antara** pokok rambutan dengan pokok duku.
bawah	Kucing kesayangan ibu bersembunyi di **bawah** meja.
tepi	Pak Cik Leong memberhentikan motosikalnya di **tepi** jalan apabila dia menyedari tayar motosikalnya pancit.
belakang	Rumah Cikgu Tee terletak di **belakang** rumah saya.
tengah	Pelajar yang berdiri di **tengah** itu bernama Boon Leong.
dalam	Buku di **dalam** kotak itu ialah buku cerita lucu.
luar	Emak memindahkan pasu bunga itu ke **luar** rumah.
sisi	Ibu bapa kita sentiasa berada di **sisi** kita semasa kecil.
penjuru	Almari hiasan terletak di **penjuru** ruang tamu.
sudut	Senarai nama pelajar yang tidak menghantar kerja rumah akan dicatat di **sudut** kiri papan tulis.
segi	Pertandingan pidato ini dinilai dari **segi** kepetahan bertutur.
selatan	Negeri Johor terletak di **selatan** Semenanjung Malaysia.
samping	Senapang sentiasa berada di **samping**nya semasa bertugas sebagai pengawal keselamatan.
timur	Angin yang bertiup dari arah **timur** telah membawa hujan lebat ke beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.
barat	Negeri Selangor berada di Pantai **Barat** Semenanjung Malaysia.
hadapan	Terdapat sepohon pokok rambutan di **hadapan** rumah saya.
utara	Negeri Perlis terletak di **utara** Semenanjung Malaysia.



LATIHAN

Berpandukan Kata Arah yang baru dipelajari, isikan silang kata di bawah.



MELINTANG

1. yang datang kemudian
2. sinonim 'sudut'
3. papan tulis terletak di ________ kelas
4. antonim 'dalam'
5. Negara-negara apakah juga dikenali sebagai Negara Eropah?

MENEGAK

a. arah matahari terbit

b. kutub yang paling sejuk

c. 12.00 ________ hari

d. Negara Thailand terletak di ________ Malaysia

e. Kita dilarang bermain di ________ jalan.



2. Pola Ayat Frasa Nama (FN) + Frasa Adjektif (FA)

Para pelajar sedia tahu bahawa dalam bahasa Malaysia terdapat empat pola ayat. Pada kali ini, kita akan berbincang tentang pola ayat yang seterusnya, iaitu FN + FA.

Pola ayat FN + FA, menunjukkan Subjek ayat itu adalah terdiri daripada Frasa Nama, manakala Predikat ayat ialah Frasa Adjektif.

Contoh:

Frasa Nama (Subjek)	Frasa Adjektif (Predikat)
Menara Berkembar Petronas	cantik.
Dia	cerdik.
Bapa saya	rajin sungguh.
Harimau belang itu	ganas betul.

Peringatan!
Frasa tidak semestinya terdiri daripada satu perkataan, sebaliknya boleh terdiri daripada beberapa patah perkataan.



LATIHAN

A. **Bahagian Predikat bagi ayat di bawah terdiri daripada Frasa Adjektif. Gariskan bahagian tersebut.**

1. Kanak-kanak terbiar nakal sungguh.
2. Halaman rumah Pak Silau sangat luas.
3. Negara kita yang tercinta aman damai.
4. Permukaan meja Ah Seng licin.
5. Warna rambutnya perang.
6. Rumah Aik Chong sangat besar.
7. Tidurnya nyenyak benar.
8. Kehidupan sasterawan negara itu sederhana.
9. Badan adiknya kurus kering.
10. Pembantu pejabat Azizi rajin orangnya.

B. **Bina 5 ayat yang menggunakan Pola Ayat FN + FA**

1. ____
2. ____
3. ____
4. ____
5. ____







1. Menggunakan Bahan Grafik untuk Memahami Petikan Cerpen yang Dibaca

Adakah masalah **lupa** merunsingkan anda? Hasil kajian telah menunjukkan 80% daripada bahan yang kita baca hari ini akan dilupakan hanya dalam masa 24 jam.

Selain menguasai kemahiran membaca, teknik membuat nota untuk mengukuhkan pemahaman kita adalah penting. Biasanya nota yang berbentuk grafik akan membantu pemahaman kita.

Sebagai contoh, kita dapat membina bahan grafik melalui cerpen di bawah.

Batu (Rahman Shaari)

"Encik, boleh saya tumpang bertanya?" Suara itu muncul secara tiba-tiba. Iskandar menoleh.

"Boleh," jawabnya perlahan.

"Mana Jalan Raja Angkasa?" Matanya tajam menikam wajah Iskandar.

"Maaf pak cik, saya tak tahu jalan itu. Saya ni tidak ambil pusing sangat tentang nama-nama jalan." Iskandar menerangkan sikapnya secara jujur.

"Apa ni?" Tanya seorang yang berhenti di situ. Orang lain terus berlalu ke sana sini. Setiap kaki lima dipenuhi manusia. Ada yang membelek-belek kain baju sambil kaki melangkah ke hadapan. Ada yang berjalan laju. Kadang-kadang terjadi perlanggaran semasa berjalan. Masing-masing mudah maaf-memaafi.

"Pak cik ni bertanya di mana Jalan Raja Angkasa. Saya cuma tahu Jalan Raja Laut. Itu pun saya tak cam betul. Encik taukah?" Iskandar bersuara kepada pemuda yang tercegat itu.

"Untuk apa?" Dia bertanya.

"Sebenarnya gini. Saya membawa sesuatu untuk disampaikan kepada orang di Jalan Raja Angkasa tu,' terangnya.

"Apa dia?" Pemuda itu bertanya lagi.



"Ini," orang separuh umur itu mengeluarkan gumpalan sapu tangan. Dibukanya. Ada seketul batu putih kekuning-kuningan.

"Oo, yang ini," pemuda itu semacam amat kagum.

"Tak usah bawa ke sanalah. Jualkan saja," katanya.

"Tak boleh, ini pesanan orang." Orang separuh umur itu menyimpulkan sapu tangannya kembali. Iskandar ingin melihat batu yang dikagumi oleh orang muda itu lebih lama, tetapi hampa. Simpulan itu dimasukkan ke dalam saku baju yang agak melebih.

"Mari kita cuba," kata pemuda itu.

"Boleh. Tapi saya tak boleh menjualnya kepada encik," orang separuh umur menjawab lembut.

"Tak apa. Mari kita ke Restoran Heng Ah Seng," dipegangnya bahu orang separuh usia itu. "Mari!" Dijemputnya Iskandar. Mereka menuju ke sebuah restoran kecil. Hanya tiga orang di dalamnya sedang minum. Kerusi meja tidak begitu rapi susunannya dan pada tanggapan Iskandar, restoran itu tidak begitu bersih. Mereka memilih meja yang agak tersembunyi di sudut restoran itu. Yang muda itu duduk di sebelah Iskandar, manakala yang memiliki batu itu pula duduk berhadapan dengan yang muda.

"Oo, ya lupa saya memperkenalkan diri. Nama saya Zainol." Pemuda itu menghulurkan tangannya dan disambut oleh pemilik batu.

"Saya Iskandar," katanya setiap kali tangannya bersalaman.

"Nak minum apa?" Soalan itu datang daripada seorang pelayan yang berdiri tercegat di samping Mazlan.

"Teh," jawab Mazlan.

"Serupa," Kata Zainol.

"Serupa," kata Iskandar pula.

"… dan tolong bawa pinggan kosong sekejap ya," tambah Mazlan.

"Encik nak mi?"

"Pinggan kosong. Pinjamkan saya sekejap."

Pelayan itu tidak bertanya lagi, sungguhpun pertanyaan masih ada. Dibawanya pinggan kosong. Iskandar ternanti-nanti. Mazlan bercakap tentang dirinya yang memiliki tujuh ketul batu gandapuri. Enam telah terjual dan inilah yang terakhir. Iskandar ingin melihat sekali lagi batu itu. Kenapa tak boleh dijual?

"Teh, encik," kata pelayan sambil meletakkan cawan berlapikkan piring, satu demi satu. Mazlan yang terdahulu memegang tangkai cawan dan diikuti Iskandar.

"Keluarkanlah. Kita cuba," gesa Zainol.

"Mazlan menyeluk saku bajunya, mengeluarkan sapu tangan yang bersimpul itu. Untuk kali kedua Iskandar melihat batu putih kekuning-kuningan yang menjadi tumpuan ketika itu.

"Minta limau," kata Mazlan.

Zainol meminta limau daripada pelayan yang tadi. Tanpa soalan, limau dibawa dengan kehairanan yang tidak ditunjukkan. Tadi pinggan, sekarang limau, apa ini…

Mazlan meletakkan batu itu ke dalam pinggan. Kemudian, dengan sedikit mantera entah apa-apa, diperahnya limau ke atas batu itu. Tiba-tiba batu itu bergerak, kian laju, kian laju larinya mengelilingi pinggan leper itu. Mazlan mencapai batu itu.



"Cukuplah. Nanti orang nampak, berkerumun pula mereka," katanya.

"Memang betul. Saya pun pernah bertanya-tanya orang mengenai batu gandapuri ini," Zainol berkata sambil mengangguk-angguk.

"Ambillah air limau itu. Sapukan ke tangan encik. Moga-moga ada berkatnya," Mazlan mengesyorkan. Zainol mengenakan jari tanganya pada air limau di dalam pinggan itu, kemudian menyapukan di lengannya.

"Ambillah," katanya kepada Iskandar.

Iskandar pun berbuat demikian.

* * *

"Saya amat berterima kasih kalau Encik Mazlan menjual batu ini kepada saya," kata Zainol tiba-tiba. "Berapa encik hendak, cakap sajalah."

"Tak boleh, sebab saya dah janji dengan orang di Jalan Raja Angkasa tu," Mazlan bersuara lembut.

"Berapa harganya?" Iskandar memberanikan diri mencelah perbualan itu.

"Dia berjanji nak bayar RM300.00. Saya tak berapa kira sangat. Selalu, yang lepas-lepas saya jual RM500.00," jelasnya.

Iskandar memikirkan betapa hebatnya batu itu. Dia tidak terus menyoal takut dianggap terlalu bodoh.

"Begini encik..." kata Zainol selepas berfikir.

"Saya bayar RM400.00. Encik dapat duit lebih dan tak perlu teruk-teruk mencari rumah orang di Jalan Raja Angkasa. Kalau encik menemui rumah itu pun, belum tentu dia ada di rumah." Mazlan mengangguk-angguk.

"Setuju?"

Mazlan diam.

Zainol terus bangun. "Saya ke bank keluarkan duit. Encik jangan ke mana-mana!" Dia terus pergi.

(Dipetik daripada Lukisan Bernyawa, 1993
Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.)



Nota Cerpen Dalam Bentuk Grafik

Watak : Iskandar, Mazlan, Zainol
Tempat : tepi jalan
Peristiwa 1 :

1. Mazlan bertanya tentang arah Jalan Raja Angkasa kepada Iskandar. Tiba-tiba muncul Zainol.
2. Mazlan menunjukkan batu gandapuri kepada Iskandar dan Zainol.
3. Zainal meminta Mazlan menujukkan batu itu kepadanya.

⇨

Watak : Iskandar, Mazlan, Zainol
Tempat : Restoran Heng Ah Seng
Peristiwa 2 :

1. Mazlan menunjukkan kehebatan batu gandapuri dengan meletakkan batu tersebut ke dalam pinggan lalu memerah air limau ke atas batu itu.
2. Iskandar terkejut oleh keajaiban batu gandapuri.

⇩

Watak : Iskandar, Mazlan, Zainol
Tempat : Restoran Heng Ah Seng
Peristiwa 3 :

1. Zainol memujuk Mazlan supaya menjual batu itu kepadanya.
2. Zainol sanggup membayar RM400.00 untuk membeli batu itu.
3. Zainol ke bank untuk mengeluarkan wang.

⇦

Pada pendapat anda, apakah peristiwa yang berlaku selepas itu?



2. Merumuskan Bahan Grafik - Rajah

Bagi memahami sesuatu rajah, kita hendaklah memahami perkara-perkara yang dibincangkan dalam rajah tersebut.

Berpandukan rajah di bawah buat satu rumusan tentang kegunaan pokok pisang. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 90 patah perkataan.



Tajuk

- kegunaan pokok pisang

Isi tersurat

- buah pisang dapat dimakan
- batang pokok pisang dapat dibuat rakit dan tali
- daun pisang boleh digunakan untuk membalut makanan
- jantung pisang dan buah pisang dapat dijadikan masakan
- buah pisang dapat dijadikan pencuci mulut

Isi tersirat

- terdapat banyak khasiat dan dapat membekalkan tenaga
- senang didapati kerana tidak ada musim
- pisang mudah ditanam dan harganya murah
- makanan yang dibalut dengan daun pisang berbau wangi
- sesuai bagi semua peringkat umur

Penutup

- kesimpulannya, usaha menanam pokok pisang secara komersial hendaklah berterusan agar bekalan berkekalan untuk meningkatkan pendapatan negara

Contoh Jawapan

Gambar rajah tersebut menunjukkan kegunaan pokok pisang.

Buah pisang dapat dimakan begitu sahaja. Batang pokok pisang dapat dibuat rakit dan tali. Selain itu, daun pisang boleh digunakan untuk membalut makanan serta jantung pisang dan buah pisang dapat dimasak untuk dijadikan sajian. Di samping itu, buah pisang dapat dijadikan pencuci mulut.

Pisang senang didapati kerana tidak bermusim. Pisang banyak khasiat dan membekalkan tenaga. Makanan yang dibalut dengan daun pisang akan menambahkan kewangian makanan tersebut.


Kesimpulannya, usaha menanam pokok pisang secara komersial hendaklah berterusan agar bekalan berkekalan untuk meningkatkan pendapatan negara.

(88 patah perkataan)




LATIHAN

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan kesan-kesan asap rokok. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan.



- merosakkan peparu
- kematian janin dalam kandungan
- kekurangan gas oksigen
- mempercepat denyutan jantung dan meninggikan tekanan darah
- susah bernafas
- penyakit kanser







Baca cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang disediakan.

Aku Masih Tak Mengerti
(i)

Seperti biasa aku tersedar pada subuh itu. Sambil menggosok-gosok **kelopak**[1] mata, aku sempat melihat cahaya pelita di dapur. Pasti emak telah terjaga lebih dahulu.

Aku cuba bangun, tetapi kepalaku terasa berat. Pening melayani mimpi malam tadi masih belum hilang.

Kucuba mengangkat kepala sekali lagi. Masih terasa berat. Lalu aku berbaring terlentang sambil memandang bumbung rumah. Nampak titik-titik cahaya menembusi lubang-lubang bekas kena paku.

Aku mula melayani fikiran dan perasaanku.

Kamus Kaki

kelopak:
sesuatu yang tipis yang menjadi penutup atau pembalut
薄的外皮

tempikan:
teriakan
喊叫声

bergema:
bergaung
回响

*** *** *** ***

"Tak cukupkah lagi duit yang abang beri bulan lepas?" **Tempikan**[2] abah malam tadi **bergema**[3] kembali di telingaku.

"Cuma kurang sepuluh ringgit sahaja. Hutang kain ela pada Mak Limah..." Suara emak keras cuba mempertahankan dirinya. Mak Limah ialah penjual kain yang berjaja dari rumah ke rumah.

"Abang mana ada duit lagi!" Suara abah meninggi.

"Yang dua ratus ringgit dulu?" Emak membidas.

"Dah abang simpan semuanya di pejabat pos."

"Sepuluh ringgit pun tak ada?" Emak memperlahankan suaranya.

"Abang kata tak ada, tak adalah!"

Aku cepat-cepat menutup telingaku. Tak tahan hatiku mendengar pertelingkahan abah dan emak. Aku cuba tidur **meniarap**[4]. Kuhimpitkan bantal di atas kepala sehingga terlena.

Itu ialah kali kedua aku mendengar abah dan emak bertengkar pasal wang. Aku tak tahu sejak masa bermulanya pertengkaran itu, tetapi rasanya dalam beberapa minggu yang terakhir ini.

Aku begitu terperanjat sekembali dari asrama dua hari yang lepas. Ketika itu kakiku baru sahaja memijak halaman rumah. Adik Man berlari tergesa-gesa ke arahku. Wajahnya nampak dalam kecemasan.

"Abang Am... Abang Am, abah dan emak berkelahi lagi," katanya dalam keadaan **tercungap-cungap**[5] keletihan. Sifat kejujurannya jelas kelihatan pada usianya yang baru menjangkau sepuluh tahun.

Kamus Kaki

4. **meniarap:**
   berbaring dengan dada dan perut di bawah
   俯伏

5. **tercungap-cungap:**
   menarik nafas yang pendek dan cepat
   喘息的

6. **menengking:**
   berkata-kata dengan suara yang tinggi dan keras
   嗥叫

"Bergaduh?" Hatiku tertanya-tanya kehairanan. Selama ini tak pernah aku mendengar, apatah lagi menyaksikan abah dan emak bertengkar.

Aku bergegas membimbit beg pakaian menuju ke rumah. Aku terdengar suara abah keras **menengking**[6]. Sebaik sahaja melepasi tangga dan pintu depan rumah, kulihat abah dan emak terdiam dan saling berpandangan. Aku tidak dapat bersuara. Abah dan emak seolah-olah cuba menyembunyikan sesuatu daripadaku.

Aku terus masuk ke bilik. Kulemparkan beg pakaian ke suatu sudut dan terus merebahkan tubuhku di atas katil. Banyak kemungkinan yang kubayangkan dan sebanyak itu pula perkara yang kukhuatiri akan timbul dalam kehidupanku.

*** *** *** ***



Lamunan[7]ku mati secara tiba-tiba. Bilikku menjadi terang. Emak muncul di pintu dengan pelita minyak tanah di tangannya.

"Bangunlah. Hari dah siang. **Lekas**[8] mandi dan berpakaian. Nanti tertinggal bas pulak." Emak menegur mesra. Namun, kemesraan itu tidak dapat kurasakan sepenuhnya. Kemesraan emak mulai tawar sejak kepulanganku dua hari lepas.

Aku bangkit perlahan-lahan meninggalkan tempat tidur. Terasa kedinginan pagi mula menusuk tulang. Teguran emak sekali lagi menjadikan aku pantas menuju ke bilik air.

Selepas berpakaian aku bersarapan bersama emak.

"Abah mana, mak?" Aku bertanya sekadar menghilangkan kesepian suasana.

Kamus Kaki

7. **lamunan:** angan-angan 幻 想
8. **lekas:** cepat 赶 快
9. **membelit:** berlegar 围 绕
10. **terlontar:** terlempar 抛

"Masih tidur lagi. Biarlah dulu, nanti emak kejutkan. Habiskan kuih tu cepat." Emak seperti tidak suka aku menyebut tentang abah.

Perbualan dengan emak pendek sahaja. Aku tidak sanggup menyoal fasal pertengkaran malam tadi. Aku bimbang kalau-kalau perkara itu akan melukakan hati emak.

"Nah, dua puluh ringgit. Ini sahaja yang mak ada." Emak menghulurkan dua keping wang kertas berwarna merah kepada aku.

Aku menyambutnya dengan pelbagai persoalan yang **membelit**[9] kepalaku. Apakah makna semua ini? Apakah sebenarnya punca pertengkaran abah dan emak.

(ii)

Sejak kembali ke asrama yang lebih dua tahun kuhuni, ketenanganku telah **terlontar**[10] jauh. Pertengkaran abah dan emak yang tidak aku fahami merenggut kebahagiaan yang aku nikmati.

Siapakah yang harus aku salahkan? Abah atau emak? Kedua-duanya aku sangat sayangi.



Aku bingung. Amat bingung. Malah aku turut berasa bimbang. Apakah yang akan terjadi kalau pertengkaran abah dan emak berlanjutan? Mungkinkah abah dan emak akan berpisah? Tidakkah aku dan Adik Man yang akan menjadi mangsa? Tidakkah pelajaranku akan terganggu nanti? Mungkin persekolahanku terpaksa diakhiri. Bagaimanakah dengan Peperiksaan Bersama(UEC) yang akan aku tempuhi akhir tahun ini?

Hari-hari berikutnya kuhadapi dalam keresahan hati.

Ingin rasanya aku menulis kepada abah dan emak. Ingin kunyatakan betapa ketenanganku telah tiada. Ingin juga kunyatakan tentang kebimbangan yang memeluk perasaanku.

"Ayahanda dan Bonda," begitulah aku akan memulakan tarian penaku seperti selalu. Tetapi dapatkah aku terus menulis ayat-ayat yang bergelora di **benak**[11]ku?

Selama ini aku tidak pernah menulis hal-hal begini kepada abah dan emak. Selalunya aku cuma menyatakan kegembiraan dalam menghadapi kehidupan seharian di asrama. Tidak pernah aku menulis hal-hal yang mungkin akan menimbulkan kebimbangan abah dan emak.

Haruskah aku berterus terang sekarang? Tidakkah nanti abah dan emak akan berasa tersinggung membacanya kerana aku **mengesyaki**[12] perkara yang kurang baik itu? Perkara yang kuanggap boleh terjadi dalam keluargaku. Mengapakah aku terlalu memikirkan berbagai-bagai kemungkinannya? Tidakkah aku ini terlalu banyak **prasangka**[13]? Entahlah. Aku sendiri tidak dapat menilai diriku.

Kamus Kaki

11. **benak:**
otak
脑

12. **mengesyaki:**
mencurigai
怀疑

13. **prasangka:**
anggapan buruk
偏见

Entahlah. Kepada siapa lagi tempatku mengadu? Haruskah aku membiarkan perkara itu berlalu sendiri? Haruskah aku terus membiarkan hati terus resah? Haruskah aku membiarkan pelajaranku terus terganggu?

(iii)

Sudah seminggu berlalu. Tetapi aku masih tidak nampak tanda-tanda masalahku akan selesai. Masih tidak nampak tanda-tanda keresahan hatiku akan hilang. Cuma petang itu tanpa diduga aku berasa seolah-olah segala masalahku akan berakhir.

Abah datang ke asrama bersendirian petang itu. Inilah yang menghairankan aku kerana abah sebenarnya jarang-jarang melawatku. Malah boleh dikatakan tidak pernah walaupun aku sering mengharapkannya. Cuma sekali ketika menghantarku pada kali pertama dahulu. Ketika itu emak dan Adik Man turut bersama.

Aku tidak mengetahui tujuan kedatangan abah. Abah cuma bertanyakan serba sedikit tentang pelajaranku. Abah menyuruh aku belajar lebih tekun lagi di samping nasihat-nasihat yang takkan kulupakan. Nasihat yang sering abah ulangkan, "tanpa ilmu hidup takkan sempurna".

Ketika abah hendak pulang barulah aku tahu yang aku telah **dilalaikan**[14] oleh sangkaan bahawa masalahku telah selesai. Aku berasa seperti baru dikejutkan dari lena tidur.

"Ini wang dua ratus ringgit untuk bayaran yuran peperiksaan." Abah menghulurkan sekeping sampul biru kepada aku sambil wajahnya membayangkan **kemurungan**[15]. Abah **mendakap**[16]ku seakan-akan tidak mahu berpisah.

Aku terharu menatap wajah abah. Aku masih tidak memahami semua yang berlaku. Apakah perkara yang terjadi? Mengapa?

Tiga hari kemudian, sepucuk surat tiba ke tanganku. Aku kenal tulisannya. Pasti surat daripada emak. Seperti juga kunjungan abah dulu, isi surat daripada emak serupa sahaja nadanya. Emak mahukan aku belajar bersungguh-sungguh. Yang paling menyentuh hatiku: "...bonda akan menanggung segala perbelanjaan pelajaran anakanda walau setinggi mana sekali pun..."

Baru aku sedar, selepas mengunjungiku di asrama, rupa-rupanya abah tidak lagi pulang ke rumah. Aku terasa hendak terlepas surat emak daripada pegangan. Hatiku berbisik.

"Abah, emak... berilah aku kepastian. Apakah makna semua ini? Aku, anakmu, masih tidak mengerti."

Tiba-tiba air mataku menitis lalu membasahi pipiku.

Kamus Kaki

14. **dilalaikan:**
    dilekakan
    被疏忽

15. **kemurungan:**
    kesedihan
    忧郁

16. **mendakap:**
    memeluk
    紧抱

Maksud Rangkai Kata

1. menghilangkan kesepian suasana : memecahkan kesunyian 消除寂寞的氛围
2. merenggut kebahagiaan : merampas kesenangan 夺走幸福
3. memeluk perasaan : menghantui jiwa 缠着
4. memulakan tarian pena : sedia menulis sesuatu 开始着笔

Sinopsis

Pengarang ialah pelajar Junior Tiga dan akan menghadapi Peperiksaan Bersama(UEC) pada akhir tahun. Selama ini pengarang mempunyai keluarga yang bahagia, namun ibu dan ayahnya sering bertengkar sejak akhir-akhir ini. Perkara yang mencetuskan pertelingkahan itu ialah masalah wang, tetapi punca yang sebenar tidak diketahuinya. Pergaduhan antara ibu bapa pengarang telah menyebabkan dia berasa muram dan risau sekiranya mereka bercerai. Hal ini juga menyebabkan pemikirannya terganggu untuk menghadapi peperiksaan. Pengarang juga ingin menulis surat kepada ibu bapanya untuk meminta penjelasan tetapi dia tidak berani. Bapa pengarang datang ke asramanya untuk menjenguk dan memberinya RM200 untuk membayar yuran peperiksaan. Tiga hari kemudian, pengarang menerima sepucuk surat daripada ibunya. Dalam surat tersebut, dia mendapat tahu bahawa bapanya tidak pulang ke rumah selepas menemuinya di asrama. Pengarang semakin tidak mengerti kejadian itu.

作者是一名初三学生，年底将要面临统考。之前，作者拥有幸福的家庭，最近他的双亲常为了金钱而吵闹，这也是他自己瞎猜，真正起争执的原因他也不清楚。因为父母亲的问题，所以使到作者闷闷不乐，同时也担心会影响他面对考试的情绪。除此之外，作者也试过要写信给他的父母，希望可以得知真正的原因，最后打消写信的念头。当作者还为他父母的事情烦恼时，他的父亲到学校去探望他同时也给了他两百令吉作为考试费。过了三天，作者收到他母亲寄来的信，在信里他才知道他的父亲自从探望他后就没回家。由始致终，作者还是不了解事情的来龙去脉 。



Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah menyelesaikan masalah dengan harmoni.
2. Kita hendaklah berani berhadapan dengan masalah.

Soalan Kefahaman

1. 'Aku' berasal daripada keluarga apa?
   - A. berada
   - B. mewah
   - C. kaya
   - D. sederhana

2. Apakah nasihat yang diberikan oleh ayah 'aku' semasa menjenguknya?
   - A. ilmu penting semasa pendidikan sekolah
   - B. ada ilmu ada peluang pekerjaan
   - C. ilmu penting untuk kehidupan
   - D. di sekolah pasti dapat ilmu

3. Siapakah yang menulis surat kepada 'aku'?
   - A. nenda
   - B. kakanda
   - C. adinda
   - D. bonda

4. Antara berikut yang manakah **bukan** menggambarkan perwatakan 'aku'?
   - A. berani
   - B. berdikari
   - C. kurang berkeyakinan
   - D. bertimbang rasa

5. Antara pernyataan berikut yang manakah **benar** tentang penulis?
   - A. sentiasa resah tentang masalah keluarganya
   - B. sentiasa memberitahu masalah kepada keluarganya
   - C. sering membincangkan masalahnya dengan guru pembimbing
   - D. seorang pelajar yang sentiasa mendapat nombor satu di dalam kelas




UNIT 10:
MENDAPAT PERTOLONGAN





Kebakaran Belukar

Pada suatu petang, semasa cuaca panas **terik**[1], Puan Lim **terkejut**[2] melihat asap tebal akibat kebakaran **belukar**[3] yang berlaku berhampiran dengan rumahnya. Secepat kilat Puan Lim mendail nombor 999 untuk menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat. Kebetulan pada masa itu pegawai yang sedang bertugas ialah Encik Suffian Kasim. Yang berikut ialah perbualan antara Puan Lim dengan Encik Suffian.

Puan Lim : Helo, itu balai bomba?

Encik Suffian : Selamat petang. Ya, ini Balai Bomba dan Penyelamat Miri. Apakah yang dapat saya bantu, puan?

Puan Lim : (cemas) Encik, tolong saya. Saya putus akal. Rumah saya **diselubungi**[4] asap. Saya tak dapat bernafas dengan **sempurna**[5].



Encik Suffian : Bertenang, puan. Apakah sebenarnya yang sedang berlaku? Sila tarik nafas dan jawab soalan-soalan saya. Siapakah nama puan? Apakah nombor telefon dan di manakah **lokasi**[6] rumah puan sekarang?


Puan Lim : Saya Puan Lim Siaw Mei. Nombor telefon saya ialah 656565. Alamat rumah saya ialah Lot 167, Kuala Baram, Miri.

Encik Suffian : Baiklah. Apakah yang telah berlaku?

1. **terik:** terlampau panas 炎热的
2. **terkejut:** terperanjat 惊吓
3. **belukar:** hutan kecil 丛林
4. **diselubungi:** ditutupi 被笼罩
5. **sempurna:** baik 正常
6. **lokasi :** kedudukan 位置

Kosa Kata





Puan Lim : Ada kebakaran belukar berhampiran dengan rumah saya dan api itu semakin **marak**[7]. Saya berasa sangat takut kerana hanya saya dan cucu-cucu saya yang kecil berada di rumah. Suami saya bekerja dan dia belum balik. Apakah yang harus saya buat? Saya tak ada kereta. Jiran pun jauh.

Encik Suffian : Sekali lagi bertenang, puan. Pihak kami akan menghantar pasukan penyelamat ke sana dengan segera. Perkara yang perlu puan lakukan adalah tutup semua suis elektrik. Selepas itu, bawa cucu-cucu puan keluar dari rumah dan pergi ke tempat yang lebih selamat. Kami akan sampai di sana secepat mungkin.


Puan Lim : Baiklah encik. Saya akan lakukannya seperti yang encik **arahkan**[8]. Terima kasih.

Encik Suffian : Sama-sama.

7. **marak** :
menyala dengan lebih besar
猛 烈

8. **arahkan**:
mintakan
吩 咐

Kosa Kata





A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai


1. Apakah jenis kebakaran yang berlaku berhampiran dengan rumah Puan Lim?
   A. kebakaran sampah
   B. kebakaran semak
   C. kebakaran kilang
   D. kebakaran rumah

2. Apakah perasaan Puan Lim semasa kejadian tersebut?
   A. gembira
   B. cemburu
   C. gelisah
   D. sedih

3. Mengapakah Puan Lim begitu cemas pada waktu kejadian itu?
   A. cucunya sakit teruk sejak beberapa hari
   B. ditinggalkan oleh suaminya tanpa apa-apa berita
   C. kebakaran berlaku berhampiran dengan rumahnya
   D. jirannya sangat jauh untuk memberikan bantuan

4. Apakah talian panggilan Jabatan Bomba dan Penyelamat?
   A. 993
   B. 998
   C. 999
   D. 996


5. Apakah maksud simpulan bahasa 'putus akal' dalam petikan?
   A. tidak tahu apa yang harus dibuat
   B. sudah menjadi gila
   C. hampir-hampir pengsan
   D. cuba mendapat bantuan



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah alamat rumah Puan Lim?
2. Mengapakah Puan Lim menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat?
3. Apakah sifat-sifat murni yang dimiliki oleh Encil Suffian dalam menangani kejadian tersebut?
4. Bagaimanakah langkah-langkah pencegahan kebakaran dapat dilakukan?
5. Pada pendapat anda, mengapakah orang ramai tidak wajar menyalahgunakan talian kecemasan?



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

penyelamat : pe + nye + la + mat

pegawai : pe + ga + wai

sempurna : sem + pur + na

asap : a + sap

belukar : be + lu + kar

kebetulan : ke + be + tu + lan

marak : ma + rak

elektrik : e + lek + trik


arahkan : a + rah + kan

diselubungi : di + se + lu + bu + ngi

MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Dengar perbualan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan yang disediakan.





LATIHAN

1. Siapakah yang terlibat dalam perbualan tadi?
   A. Khairil dan Kai Seng
   B. Kai Seng dan Khairul
   C. guru disiplin dan Kai Seng
   D. pengusaha kantin dan Khairul


2. Bilakah Kai Seng menyedari bahawa dia kehilangan dompet?
   A. semasa berada di dalam kelas
   B. semasa tiba di sekolah
   C. semasa hendak membayar makanan di kantin
   D. semasa berada di bilik guru disiplin

3. Apakah yang terdapat di dalam dompet Kai Seng?
   A. kad pengenalan dan wang sebanyak RM250
   B. kad pengenalan sahaja
   C. kad perpustakaan dan RM250
   D. kad pengenalan, kad perpustakaan, dan RM250

4. Apakah tujuan bapa Kai Seng memberikan RM250 kepada Kai Seng?
   A. untuk menabung dan membeli buku rujukan
   B. untuk membayar yuran sekolah dan selebihnya dijadikan wang saku
   C. untuk membayar yuran sekolah, tambang bas sekolah dan membeli buku rujukan
   D. untuk membayar tambang bas sekolah dan membeli buku

5. Apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh Kai Seng sekiranya dia masih gagal menemukan dompetnya?
   A. terus balik ke kelasnya
   B. menemui guru disiplin sekolahnya
   C. menangis kerana terlalu sedih
   D. menjerit-jerit di kantin


2. Dengar rakaman yang dimainkan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang disediakan.



LATIHAN

1. Apakah nama syarikat yang dihubungi oleh pelancong tersebut?
2. Pelancong itu hendak melancong ke mana?
3. Apakah kemudahan yang terdapat di sekitar Hotel Bunga Raya?
4. Berapakah perbezaan antara bayaran penginapan sehari yang bersarapan dengan tidak bersarapan?
5. Nyatakan kebaikan-kebaikan pelancongan domestik.





1. Karangan Perbincangan

Bincangkan punca-punca kemalangan jalan raya di Malaysia. Tuliskan karangan perbincangan itu selengkapnya. Panjang karangan anda hendaklah antara 120 hingga 150 patah perkataan.

2. Surat Kiriman Rasmi

Anda terasa terkilan dengan kadar kemalangan jalan raya di negara kita yang semakin meningkat saban tahun, walaupun pelbagai kempen telah dijalankan oleh pihak berkuasa untuk mengurangkan kadar kemalangan. Tulis sepucuk surat yang lengkap kepada Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ) untuk mengemukakan beberapa cadangan bagi mengurangkan kadar kemalangan.






1. Kata Pemeri

Kata Pemeri ialah kata yang menjadi penghubung subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Terdapat dua jenis Kata Pemeri dalam bahasa Malaysia, iaitu **ialah** dan **adalah**.

Kata Pemeri	Contoh Ayat
1. **ialah** kata yang menjadi penghubung antara Subjek dengan Frasa Nama.	1. Bandar Raya Kuching **ialah** ibu negeri Sarawak. 2. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi **ialah** Perdana Menteri Malaysia yang kelima. 3. Soon Peng **ialah** Ketua Kelas Tingkatan Dua Merah.
2. **adalah** Kata yang menjadi penghubung antara Subjek dengan Frasa Adjektif dan Frasa Sendi Nama.	1. Makanan yang dihidangkan oleh emak Siew Hua **adalah** terlalu masin. 2. Soalan-soalan dalam ujian itu **adalah** sukar bagi pelajar tingkatan dua. 3. Hadiah tersebut **adalah** daripada rakan sekelas saya.

Kata Pemeri





Perhatian!

A. Kata Pemeri **adalah** tidak boleh hadir bersama-sama Kata Nafi kecuali dalam binaan ayat.

Adalah + Kata Nafi + Frasa Adjektif

Contoh:

1. Cerpen yang dihasilkannya **adalah** tidak panjang.
2. Kompaun yang dikenakan terhadap Zaini **adalah** tidak adil.

B. Kata Pemeri **tidak** boleh digunakan di hadapan Kata Kerja.


Contoh:

Reka bentuk rumah itu **adalah** diilhamkan oleh Balasigam. (✗)
Reka bentuk rumah itu diilhamkan oleh Balasigam. (✓)

LATIHAN

Isikan Kata Pemeri yang sesuai dalam tempat kosong ayat-ayat berikut.

1. Putrajaya ________ pusat pentadbiran kerajaan Malaysia.
2. Menanam padi ___________ pekerjaan utama bagi penduduk Kampung Dalat.
3. Wang derma itu ____________ untuk mangsa banjir.
4. Persembahan drama itu ____________ sangat baik.
5. Perbuatan berlumba-lumba di jalan raya _____________ salah di sisi undang-undang.
6. Komputer baharu itu _____________ hadiah hari jadi kakak saya.
7. Tindakan segera yang diambil oleh lelaki itu _____________ bijak.
8. Pertolongan yang dihulurkan oleh penumpang bas tadi __________ amat bermakna.
9. Tan Kit Hua ___________ pelajar contoh Sekolah Menengah Pei Min, Miri.
10. Perempuan yang menegur saya di pasar ikan tempoh hari ___________ sepupu saya.



2. Imbuhan Apitan di-...-i dan di-...-kan

A. Imbuhan Apitan di-...-i

- Imbuhan Apitan di-…-i ialah gabungan daripada Imbuhan Awalan di- dengan Imbuhan Akhiran –i
- Imbuhan Apitan di-…-i ialah bentuk pasif bagi Imbuhan Apitan meN-…-i

Contoh:

Apitan di- ... -i

Kata Dasar	Imbuhan Awalan + Kata Dasar + Imbuhan Akhiran	Kata Terbitan
hormat	di + hormat + i	dihormati
tutup	di + tutup + i	ditutupi
banjir	di + banjir + i	dibanjiri

B. Imbuhan Apitan di-...-kan

- Imbuhan Apitan di-…-kan ialah gabungan daripada Imbuhan Awalan di- dengan Imbuhan Akhiran –kan
- Imbuhan Apitan di-…-kan ialah bentuk pasif bagi Imbuhan Apitan meN-…-kan

Contoh:

Apitan di- ... -kan

Kata Dasar	Imbuhan Awalan + Kata Dasar + Imbuhan Akhiran	Kata Terbitan
beri	di + beri + kan	diberikan
jatuh	di + jatuh + kan	dijatuhkan
pasar	di + pasar + kan	dipasarkan

Peringatan!
Kata Terbitan yang berimbuhan di-…-i atau di-…-kan hanya digunakan untuk Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga.



LATIHAN

Kenal pasti perkataan yang tertinggal imbuhan di-...-i atau di-...-kan.

1. Rombongan lawatan sambil belajar ke tapak semaian padi itu ketua oleh Cikgu Hamdan.
2. Amir berasa sedih kerana anak tiri oleh ibu bapanya yang lebih mengambil berat terhadap adik-beradiknya.
3. Negeri Pulau Pinang juga kenal sebagai Pulau Mutiara.
4. Pemuda tersebut kena denda kerana merokok di kawasan hospital.
5. Segenap pelosok desa telah jelajah demi mendapatkan penawar bagi menyembuhkan penyakitnya yang ganjil itu.
6. Rakyat negara itu berkabung sebagai menghormati nenda raja mereka yang akan makam pada hari Isnin.
7. Majlis penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar cemerlang itu turut hadir oleh ibu bapa mereka.
8. Semua ramuan biskut itu telah adun dalam sebuah mangkuk aluminium.
9. Hancur hati Mak Cik Limah apabila derhaka anak lelakinya yang memungkiri janji untuk menjaganya.
10. Pelbagai cabaran perlu hadap oleh ahli rombongan ekspedisi itu sebelum mereka berjaya sampai di puncak gunung.


3. Pola Ayat Frasa Nama (FN) + Frasa Sendi Nama (FS)

Pola ayat FN + FS menunjukkan Subjek ayat itu adalah terdiri daripada Frasa Nama, manakala Predikat ayat ialah Frasa Sendi Nama.

Contoh:

Frasa Nama (Subjek)	Frasa Sendi Nama (Predikat)
Kamal	**dari** Kampung Sri Medan.
Saya	**ke** sekolah
Berita itu	**tentang** kejadian kebakaran.
Surat ini	**daripada** abang saya.
Hadiah tersebut	**untuk** emak Ling Ling.

FN + FS




LATIHAN

A. Isi tempat kosong dengan Frasa Sendi Nama yang sesuai.

pada tembok	kepada Mansur	akan buah durian
kepada pengurus kilang	ke padang	daripada kawannya
di dalam almari	pada lewat malam	di pintu masuk
akan kampung halamannya		

1. Kain rentang ini perlu digantungkan ________________ pintu utama.
2. "Tolong sampaikan salam saya ____________ jika kamu bertemu dengannya", cakap Alimin kepada Azlan.
3. Sesiapa yang ingin memohon jawatan ini diminta supaya menulis surat ___________________.
4. Dia masih hendak ____________ dalam keadaan hujan lebat begini.
5. Dia telah menerima ucapan tahniah _______________ di Australia.
6. Apakah yang kamu sembunyikan ________________ sebentar tadi?
7. Pelancong-pelancong itu diminta untuk berkumpul ________________ balai ketibaan lapangan terbang.
8. Setelah berada sekian lama di luar negara kini dia rindu _______________________.
9. Dalam keluarganya, hanya dia seorang tidak gemar _____________________.
10. Suami kakak akan selamat sampai dari London __________________ nanti.






B. Masukkan Frasa-frasa Sendi Nama yang sesuai untuk membentuk ayat.

1. Anak gadis Pak Ismail ______________________________ .
2. Kereta mewah itu ______________________________ .
3. Novel ini ______________________________ .
4. Buku geografi itu ______________________________ .
5. Perabot itu ______________________________ .
6. Bas itu ______________________________ .
7. Hadiah itu ______________________________ .
8. Aktiviti Persatuan Bahasa Inggeris ______________________________ .
9. Rumah saya ______________________________ .
10. Surat itu ______________________________ .







Panduan Menulis Karangan Perbincangan

A. Ciri-ciri Karangan Perbincangan

Ciri-ciri Karangan Perbincangan

- pendapat anda hendaklah bernas, tidak prejudis, tidak beremosi, dan tidak berunsurkan isu-isu sensitif
- jawab berdasarkan kehendak dan permintaan soalan
- perlu menyatakan pendirian anda dengan jelas
- kebiasaannya arahan bermula dengan rangkai kata seperti 'bincang', 'nyatakan kebaikan dan keburukan', dan 'bersetujukah anda'
- membincangkan sesuatu isu semasa

B. Contoh Karangan Jenis Perbincangan

Tajuk: Bincangkan punca-punca pelajar ponteng sekolah.

Masalah pelajar ponteng memang biasa dihadapi oleh kebanyakan sekolah di negara ini. Banyak sebab dan alasan yang sering kita dengar daripada pelajar yang ponteng sekolah. Ada antara pelajar ini yang keluar dari rumah dengan berpakaian sekolah yang lengkap bagi mengaburi mata ibu bapa atau penjaga, tetapi tidak pergi ke sekolah sebaliknya melencong ke tempat lain. Pelajar ini hanya akan balik ke rumah setelah tamat waktu persekolahan atau mungkin berlarutan sehingga petang.


Majoriti mereka yang suka ponteng ini disebabkan sikap minat belajar tidak dipupuk dalam jiwa mereka. Oleh yang demikian, kehadiran mereka di sekolah bukanlah sesuatu yang menarik minat mereka. Sebaliknya, mereka lebih berminat mengunjungi pusat hiburan, kafe siber, pusat beli-belah dan sebagainya. Keseronokan di tempat tersebut menyebabkan mereka terus menganggap proses pembelajaran di sekolah amat membosankan.

Fenomena tersebut bertambah serius jika sikap guru garang atau bersikap pilih kasih. Hal ini akan mengakibatkan pelajar berasa diri mereka sengaja diabaikan oleh guru. Sementara itu, mereka akan menganggap guru hanya mementingkan pelajar yang bijak. Keadaan ini menyebabkan pelajar yang lemah akan berasa kecewa lalu mencari jalan untuk ponteng sekolah.

Selain itu, pelajar yang lemah dalam sesuatu mata pelajaran juga berasa tertekan dan bosan berada di dalam kelas. Hal ini kerana mereka langsung tidak memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Jadi, mereka akan menganggap bahawa kehadiran mereka di sekolah adalah sia-sia sahaja. Di samping itu, pihak sekolah tidak mengadakan kelas bimbingan untuk pelajar yang lembam dalam pelajaran menyebabkan mereka mengambil jalan mudah untuk keluar daripada keadaan yang menjemukan melalui ponteng sekolah.

Selain itu, sikap pihak sekolah yang tidak serius dalam menguatkuasakan peraturan sekolah juga menyebabkan berlakunya pelajar ponteng sekolah. Tindakan mereka yang memandang remeh terhadap tabiat buruk pelajar yang ponteng ini menyebabkan pelajar biasa dengan perbuatan tersebut. Pihak sekolah tidak mengambil apa-apa tindakan seperti mendenda, merotan atau memaklumkan perkara tersebut kepada ibu bapa. Sebaliknya, mereka membiarkan gejala ponteng berleluasa.


Sesungguhnya, amalan ponteng sekolah ini bukan sahaja merugikan, pelajar tersebut tetapi juga pada diri ibu bapa, masyarakat, dan negara. Remaja sebagai generasi pewaris perlu berketerampilan dalam segenap aspek. Sebagai pelajar, sememangnya tugas mereka adalah untuk belajar. Ponteng bukanlah jalan penyelesaian masalah yang dihadapi baik di dalam atau di luar bilik darjah.





Dengar dan baca pantun di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Pantun Budi	Maksud
Tenang-tenang air di laut, sampan **kolek**[1] **mudik**[2] ke **tanjung**[3], hati terkenang mulut menyebut budi sedikit rasa nak **junjung**[4].	Budi yang baik walaupun sedikit akan sentiasa disanjung tinggi.
Pulau Pandan jauh ke tengah, Gunung Daik bercabang tiga; hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga.	Budi yang mulia tetap akan terus dikenang sepanjang hayat.
Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti; hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati.	Budi yang baik tidak dapat dinilai dengan harta benda dan akan dikenang buat selama-lamanya.
Tanam **serai**[5] tanam halia, tanam juga pokok **sengkuang**[6]; orang berbudi disanjung mulia, ke mana pergi tiada terbuang.	Orang yang berbudi akan dipandang mulia walaupun ke mana-mana dia pergi.
Kalau ada jarum yang patah, jangan disimpan di dalam peti; kalau ada silap dan salah, jangan disimpan di dalam hati.	Segala kesalahan dan kesilapan haruslah dimaafkan jangan disimpan di dalam hati.



Kamus Kaki

1. **kolek:**
   sejenis sampan kecil
   小舟

2. **mudik:**
   belayar ke hulu
   逆流而上

3. **tanjung:**
   hujung tanah yang menganjur ke laut
   海角

4. **junjung:**
   hormat
   尊重


5. **serai:**
   sejenis tumbuhan herba
   香茅

6. **sengkuang:**
   sejenis tumbuhan berubi
   沙葛

Unsur Pengajaran

1. Kita mestilah mengenang budi orang.
2. Kita hendaklah menghargai jasa orang.
3. Kita haruslah sedia memaafkan kesalahan orang lain.





Soalan Kefahaman

1. Apakah jenis pantun di atas?
   - A. pantun dua kerat
   - B. pantun empat kerat
   - C. pantun enam kerat
   - D. pantun lapan kerat

2. Apakah nilai murni yang ingin disampaikan di dalam pantun ini?
   - A. jasa dan bakti
   - B. tatasusila
   - C. budi pekerti
   - D. mengenang budi

3. Apakah yang dimaksudkan dengan 'hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati'?
   - A. Harga emas sangat mahal di pasaran.
   - B. Budi bahasa penting dalam kehidupan.
   - C. Budi tidak akan dilupakan selama-lamanya.
   - D. Emas boleh dijual tetapi budi bahasa tidak dihargai.

4. Tentukan bahagian pembayang bagi pantun di bawah.

   Kalau ada jarum yang patah
       Jangan simpan di dalam peti;
   Kalau ada silap dan salah,
       Jangan simpan di dalam hati.

   - A. baris pertama dan kedua
   - B. baris pertama dan keempat
   - C. baris kedua dan ketiga
   - D. baris ketiga dan keempat

5. Apakah yang dimaksudkan dengan rangkai kata 'tiada terbuang' dalam rangkap keempat?
   - A. tidak berguna lagi
   - B. tidak mendapatkan hasil
   - C. pasti berguna lagi
   - D. pasti mendatangkan hasil


UNIT 11:
KEYAKINAN DIRI





Keyakinan Kunci Kejayaan

Assalamualaikum dan salam sejahtera saya ucapkan kepada yang dihormati saudara pengerusi majlis, Yang Berusaha Pengetua Tuan Haji Salleh Bin Mohamad, Yang Dihormati Penolong Kanan Hal-ehwal Murid(HEM) Encik Yusoff Ibrahim, guru-guru, pelajar-pelajar serta hadirin sekalian. Terlebih dahulu saya sebagai Pegawai Pendidikan Daerah Johor Bahru, ingin merakamkan terima kasih kepada pihak majlis kerana sudi menjemput saya untuk memberikan ucapan dalam majlis ini.

Hadirin yang dihormati,

Keyakinan diri penting dalam kehidupan setiap **individu**[1]. Keyakinan diri tetap menjadi faktor penentu kejayaan. Tanpa keyakinan diri, kita sukar mencapai kejayaan. Hal ini kerana tanpa keyakinan diri, kita seolah-olah kehilangan daya dan semangat berjuang. Akibatnya, kita akan ditimpa kegagalan yang amat mengecewakan.

Kita sedia maklum bahawa kehidupan manusia disarati **rentetan**[2] cabaran yang menduga ketabahan kita. Jika kita tiada keyakinan diri yang **mapan**[3] dan **mantap**[4], segala cabaran dan masalah akan menjadi halangan yang sukar ditentang. Sebaliknya, jika kita mempunyai keyakinan diri yang kukuh, segala **dugaan**[5] dan **rintangan**[6] akan dihadapi dengan tabah. Justeru, keyakinan diri dapat disinonimkan dengan sikap keberanian dan kecekalan yang menabahkan diri kita untuk berjuang dengan lebih gigih.

Kosa Kata

1. **individu:** orang perseorangan
   个人
2. **rentetan:** urutan
   一连串
3. **mapan:** tidak berubah-ubah
   不变的
4. **mantap:** kukuh
   稳固
5. **dugaan:** ujian
   考验
6. **rintangan:** halangan
   障碍



Hadirin sekalian,

Kini, golongan muda mudah kecewa ketika ditimpa masalah. Faktor utama yang menjurus ke arah **fenomena**[7] ini disebabkan kurang keyakinan diri untuk menghadapi segala masalah yang menghimpit kehidupan **realiti**[8]. Sesungguhnya, kita perlu sedar bahawa perjalanan hidup kita dipenuhi **ranjau**[9] dan **onak**[10]. Keyakinan diri menjadi daya **penggerak**[11] yang **memangkinkan**[12] semangat agar terus berjuang.

Sebagai seorang pelajar, keyakinan diri perlu ada untuk menghadapi segala masalah yang mungkin wujud dalam proses pembelajaran. Jika tidak, seseorang pelajar itu sukar untuk memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang malah senantiasa **kecundang**[13].



Lazimnya, seseorang pelajar yang kurang keyakinan diri itu bersikap pasif dan malas berusaha dalam pelajarannya. Akibatnya, prestasi pencapaian akademiknya kian merosot. Betapa bijak pun seseorang itu jikalau tidak disertai semangat keyakinan diri dia tetap mengalami kegagalan.



Natijahnya, keyakinan diri merupakan **prasyarat**[14] untuk mencapai kejayaan. Seribu satu cabaran yang ditempuhi dalam setiap elemen kehidupan kita harus dihadapi dengan keyakinan diri yang kental demi cita-cita.

Akhir kata, diharapkan ucapan saya ini dapat menjana minda para hadirin agar meningkatkan keyakinan diri untuk menghadapi rutin kehidupan.

Sekian, terima kasih.

7. **fenomena:**
   gejala
   现象
8. **realiti:**
   hakikat
   事实
9. **ranjau:**
   cabaran
   考验
10. **onak:**
    kesusahan
    困境
11. **penggerak:**
    pendorong
    推动者
12. **memangkinkan:**
    mempercepat pergerakan
    激发
13. **kecundang:**
    gagal
    失败
14. **prasyarat**
    syarat utama
    先决条件

Kosa Kata







A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Apakah yang akan berlaku jika kita kehilangan keyakinan diri?
   A. keriangan
   B. kelesuan
   C. kelekaan
   D. kegagalan

2. Apakah faktor utama dalam menentukan kejayaan seseorang?
   A. pendidikan sekolah
   B. harta benda
   C. kepercayaan diri
   D. kasih sayang

3. Apakah maksud perkataan 'mantap' berdasarkan petikan?
   A. teguh
   B. senang
   C. susah
   D. degil

4. Apakah sikap yang perlu diamalkan untuk menghadapi rentetan cabaran hidup?
   A. rajin
   B. tabah
   C. setia
   D. jujur

5. Bagaimanakah sikap seseorang pelajar yang kurang keyakinan diri dan malas berusaha dalam pelajaran?
   A. positif
   B. panik
   C. pasti
   D. pasif



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah faktor penentu kejayaan dalam hidup kita?

2. Mengapakah keyakinan diri boleh disinonimkan dengan sikap ketabahan dan kecekalan?

3. Nyatakan faktor utama yang menjurus ke arah fenomena golongan muda yang mudah kecewa ketika ditimpa masalah.

4. Terangkan maksud 'seribu satu cabaran' yang wujud dalam kehidupan kita.

5. Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang pelajar itu dapat meningkatkan prestasi pencapaian akademiknya?



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

individu: in + di + vi + du

ranjau: ran + jau

mapan: ma + pan

fenomena: fe +no + me + na

menabahkan: me + na + bah + kan

aspek: as + pek

memangkinkan: me + mang + kin + kan

realiti: rea + li +ti

akademik: a + ka + de + mik

disinonimkan: di + si + no + nim + kan





MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Motivasi Berucap



Salah seorang pelajar kelas Tingkatan 2B telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan di sekolah. Pelajar tersebut berasa ragu-ragu dan gementar ketika tampil ke depan untuk bersyarah. Guru tingkatan telah menasihatinya dan memberikan sokongan untuk meningkatkan keyakinan dirinya. Dengar lakonan tersebut kemudian lakonkan situasi itu dalam kelas.

Loceng telah berbunyi. Semua pelajar Tingkatan 2B memasuki kelas dan mengambil tempat duduk masing-masing. Guru tingkatan mereka, Puan Zaiton telah masuk ke dalam kelas.

Pelajar-pelajar : Selamat sejahtera Cikgu Zaiton.

Cikgu Zaiton : Selamat pagi pelajar sekalian. Hari ini, cikgu telah mengambil keputusan untuk memilih Teo Wen Sheng sebagai wakil dalam pertandingan syarahan Bahasa Malaysia sekolah kita. Baiklah sekarang, Wen Sheng, sila tampil ke depan. Cikgu ingin menunjukkan cara atau teknik bersyarah.

Teo Wen Sheng : Err…. Err…. cikgu, saya khuatir saya tidak berupaya untuk bersyarah dengan baik. Saya agak berkeberatan ……

Cikgu Zaiton : Wen Sheng, sebenarnya sebutan Bahasa Malaysia kamu jelas. Intonasinya pun baik. Mungkin kamu tidak berkeyakinan agaknya.

Teo Wen Sheng : Mungkin juga , cikgu. Saya berasa panik dan kaku ketika hendak berdiri di hadapan orang ramai.

Cikgu Zaiton : Wen Sheng, kamu harus berkeyakinan diri dan cuba melenyapkan segala halangan yang wujud itu. Ingatlah bahawa keyakinan yang kukuh pemangkin keberanian diri.

Teo Wen Sheng : Benar cikgu?

Cikgu Zaiton : Benar, di samping itu kamu perlu membuat persiapan yang lengkap untuk memupuk keyakinan diri. Anggaplah semua penonton di depan mata itu sebagai penyokong kita.

Teo Wen Sheng : Seterusnya cikgu…


Cikgu Zaiton : Seterusnya, anggaplah pertandingan ini sebagai cabaran dan kita harus tabah menghadapinya untuk memperoleh kejayaan.

Teo Wen Sheng : Terima kasih atas nasihat yang cikgu berikan itu. Saya akan menghadapi cabaran ini dengan penuh keyakinan.

Cikgu Zaiton : Akhir kata, keyakinan diri itu penunjang kejayaan.

2. Melengkapkan Bahan Grafik

Selepas menyaksikan persembahan lakonan tersebut, terangkan cara-cara yang dikemukakan oleh Cikgu Zaiton untuk meningkatkan keyakinan diri semasa bersyarah.



3. Cerita Bergambar

Berikan maklumat yang berkaitan dengan gambar tersebut.





Karangan Jenis Peribahasa

Tulis sebuah karangan berdasarkan salah satu peribahasa yang berikut. Panjang karangan anda hendaklah antara 120 hingga 150 patah perkataan.

1. Tulis sebuah cerita yang berkaitan dengan peribahasa 'alang-alang menyeluk pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan'.

2. Peribahasa Melayu ada menyebut 'jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya'. Huraikan penggunaan peribahasa tersebut.

3. Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa 'harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama'.






1. Imbuhan Apitan peN-...-an

Imbuhan Apitan peN-…-an dapat dibentuk dengan mengimbuhkan Imbuhan Awalan peN- dan Imbuhan Akhiran -an pada Kata Dasar.

Imbuhan Apitan peN-…-an bertugas untuk membentuk Kata Nama Terbitan daripada Kata Kerja, Kata Nama, Kata Adjektif, dan Kata Bilangan. Imbuhan ini mempunyai enam bentuk kelainan ejaan apabila berganbung dengan huruf pertama Kata Dasar.

Bentuk-bentuk Imbuhan Apitan peN-…-an



peN- ... -an



Contoh:

Kata Dasar	Awalan + Kata Dasar + Akhiran	Kata Nama Terbitan
faham	pe + faham + an	pemahaman
lari	pe + lari + an	pelarian
bina	pem + bina + an	pembinaan
cuci	pen + cuci + an	pencucian
duduk	pen + duduk + an	pendudukan
dalam	pen + dalam + an	pendalaman
siar	pe + siar + an	penyiaran
guna	peng + guna + an	penggunaan
khayal	peng + khayal + an	pengkhayalan
lihat	peng + lihat + an	penglihatan
sah	penge + sah + an	pengesahan
had	penge + had + an	pengehadan
ajar	pel + ajar + an	pelajaran

Imbuhan Apitan peN-…-an juga dapat digabungkan dengan Frasa Kerja, Frasa Nama, dan Frasa Sendi Nama untuk membentuk Kata Nama Terbitan.

Contoh:

Frasa	Imbuhan Awalan + Frasa + Imbuhan Akhiran	Kata Terbitan
bakul sampah	pem + bakul sampah + an	pembakulsampahan
ubah suai	peng + ubah suai + an	pengubahsuaian
ke bumi	peng + ke bumi + an	pengebumian



2. Imbuhan Apitan peR-... -an

Imbuhan Apitan peR-…-an dapat dibentuk dengan mengimbuhkan Imbuhan Awalan peR- dan Imbuhan Akhiran –an pada Kata Dasar.

Imbuhan Apitan peR-…-an bertugas untuk membentuk Kata Nama Terbitan daripada semua Kata Dasar. Imbuhan ini mempunyai dua bentuk kelainan ejaan apabila bergabung dengan huruf pertama Kata Dasar.

Bentuk-bentuk Imbuhan Apitan peR-…-an

peR-...-an
- pe-...-an
- per-...-an

peR- ... -an

Contoh:

Kata Dasar	Imbuhan Awalan + Kata Dasar + Imbuhan Akhiran	Kata Nama Terbitan
perang	pe + perang + an	peperangan
kerja	pe + kerja + an	pekerjaan
pustaka	per + pustaka + an	perpustakaan
henti	per + henti + an	perhentian

LATIHAN

Bubuhkan imbuhan apitan peR-...-an atau peN-...-an pada kata dalam kurungan untuk melengkapkan ayat.

1. Ibu bapa perlu memberikan (hati) terhadap tingkah laku anak-anak.
2. Bangunan pencakar langit banyak terdapat di kawasan (bandar) Kuala Lumpur.
3. Ahli-ahli Persatuan Bahasa Malaysia sekolah kami telah mengadakan (temu) dengan tokoh bahasa yang terkenal itu.
4. Pelajar-pelajar seharusnya berusaha dalam (belajar) agar memperoleh keputusan yang baik.



5. (dapat) ayah cukup untuk menyara kehidupan kami sekeluarga.
6. Guru Bahasa Malaysia kami sedang membuat (jelas) tentang teknik penulisan karangan.
7. Kedua-dua orang pemandu telah terbunuh dalam (langgar) antara kereta dengan van itu.
8. Kerajaan negara kita sedang giat berusaha untuk memajukan industri (lancong).
9. Abang telah membuat (mohon) biasiswa kepada pihak yang berkenaan.
10. Majlis (sampai) hadiah akan diadakan selepas ucapan pengetua sekolah.
11. Proses (tin) makanan itu dilakukan dengan terkawal.
12. Syarikat itu sedang mengadakan (ambil) pekerja baharu.



3. Penjodoh Bilangan

Fahamkan penggunaan Penjodoh Bilangan di bawah ini.

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
angkatan 队	kumpulan manusia atau benda yang berkelompok **contoh:** tentera, penulis, dan kapal laut	**Angkatan** Tentera Laut Malaysia bertugas untuk mengawal keselamatan perairan negara.
bentuk 枚、个、只、把	benda-benda yang berkeluk **contoh:** cincin, subang, mata kail	Ayah membeli dua **bentuk** mata kail untuk memancing ikan.
hiris 片	benda-benda yang dipotong tipis-tipis **contoh:** bawang, daging, lobak	Beberapa **hiris** bawang telah dimasukkan ke dalam masakan itu.
ketul 块、团	benda-benda yang berketul dan padu **contoh:** batu, sabun, ais	Adik melontarkan beberapa **ketul** batu ke dalam sungai itu.
rumpun 丛、簇	benda-benda tumbuhan yang tumbuh berkumpul **contoh:** lalang, serai, tebu	**Serumpun** serai telah ditanam di tepi rumahnya.
tangkai 茎、梗、枝	benda-benda yang bertangkai **contoh:** bunga, rambutan, langsat	Ibu memetik beberapa **tangkai** bunga di taman itu.



LATIHAN

Isi ruang kosong dalam ayat-ayat berikut dengan Penjodoh Bilangan yang baru dipelajari.

1. Beberapa ____________ tomato disediakan untuk menghiasi hidangan itu.
2. Adik tergelincir akibat terpijak se____________ sabun di lantai.
3. Seperempat daripada kawasan tanah itu telah ditanami beberapa __________ serai.
4. Pemuda itu menghadiahkan se____________ cincin kepada bakal isterinya.
5. Pelajar-pelajar tingkatan dua memberi se____________ bunga mawar kepada guru kesayangan mereka.
6. Se____________ tentera sedang mengawal rusuhan di kem sementara pendatang asing itu.
7. Beberapa ___________ ais dimasukkan ke dalam jus oren.
8. Tukang masak itu memasukkan beberapa ___________ daging ke dalam Nasi Goreng Paprik.
9. Pak Ali telah mengait beberapa __________ buah langsat di kebunnya.
10. Manimala memakai se____________ subang di hidungnya.
11. Pak Rahman menebang beberapa ____________ buluh untuk dibuat lemang.
12. Beberapa ____________ kapal perang Portugis telah dihantar untuk menyerang Melaka.



4. Pola Ayat Frasa Nama(FN) + Frasa Kerja(FK)

Ayat-ayat yang berpola Frasa Nama(FN) + Frasa Kerja(FK) merupakan ayat yang Subjeknya Frasa Nama dan Predikatnya Frasa Kerja.

Contoh:

Frasa Nama (Subjek)	Frasa Kerja (Predikat)
Ibu	menanak nasi.
Kakak	termenung.
Petani itu	menanam padi.
Saya	mengirimi ibu sepucuk surat.
Ekonomi negara	kian meleset.
Meja itu	beralaskan kain putih.
Pulau Langkawi	menjadi pulau bebas cukai.
Dia	berasal dari Johor Bahru.
Mereka	melancong ke negara asing.

LATIHAN


Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan Frasa Nama atau Frasa Kerja yang sesuai untuk membentuk ayat yang sempurna.

1. ______________________________ mengahwini rakan kakak saya.
2. ______________________________ dihantar ke bengkel untuk dibaiki.
3. Abang ______________________________.
4. ______________________________ sedang menjalankan tugas itu.
5. Ayah ______________________________.
6. Pengemis itu ______________________________ semasa tidur.
7. ______________________________ memuji kecantikan bakal isteri abang saya.
8. Angin ______________________________ hari itu.
9. ______________________________ bertambah sihat.
10. Bas persiaran itu ______________________________.
11. Dinding rumahnya ______________________________.
12. ______________________________ sedang belajar di bawah pokok itu.





Panduan Menulis Karangan Jenis Peribahasa



A. Rangka

Soalan: Peribahasa 'Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan' selalu dijadikan panduan dalam kehidupan kita. Berdasarkan peribahasa tersebut, tulis sebuah cerita yang menggambarkan usaha gigih untuk mencapai kejayaan. Panjang karangan anda hendaklah antara 120 hingga 150 patah perkataan.





Pendahuluan

- definisi peribahasa – seseorang yang rajin berusaha itu pasti akan memperoleh kejayaan
- memperkenalkan watak yang ingin diceritakan
    - Linda seorang pelajar yang lemah prestasi dalam pelajaran
    - ditempatkan dalam kelas terakhir

Isi-isi penting

- rajin berusaha tetapi masih gagal dalam peperiksaan
    - tidak berputus asa
    - terus mendapatkan tunjuk ajar daripada guru
    - mendapatkan bantuan daripada pelajar pintar
- pelbagai ikhtiar untuk meningkatkan keperibadian
    - menambahkan keyakinan diri
    - menguatkan hati
    - banyak membaca buku motivasi
- pelbagai ikhtiar untuk meningkatkan cara pembelajaran
    - rajin mengikuti kelas tuisyen
    - mematuhi jadual belajar yang telah dibuat
    - rajin membuat nota kecil selesai sahaja mengikuti pelajaran
- hasil segala kepayahan
    - berjaya mencapai keputusan yang baik dalam setiap ujian
    - perasaan Linda gembira kerana jerah-jerihnya selama ini mendatangkan hasil
    - masih meneruskan usaha

Penutup

- berkat kejayaan dalam pelajaran
    - dilantik sebagai pelajar contoh di sekolah
    - keyakinan diri semakin meningkat
- harapan anda terhadap para pembaca
    - menjadikan pedoman dalam hidup terutama golongan yang beranggapan dirinya lemah
    - melipatgandakan usaha demi memperoleh kejayaan





B. Contoh Karangan

Di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Peribahasa ini sering dituturkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Peribahasa ini bermaksud seseorang yang rajin berusaha itu pasti akan memperoleh kejayaan. Peribahasa ini amat sesuai untuk disinonimkan dengan kisah Linda yang merupakan seorang pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Puncak Jaya.

Linda merupakan seorang pelajar yang lemah prestasinya dalam pelajaran di sekolahnya. Kelemahannya ini telah menempatkannya di dalam kelas paling hujung. Namun demikian, hal itu tidak mematahkan semangatnya. Dia tidak berpatah arah dan terus mendapatkan tunjuk ajar daripada guru-guru. Selain itu, dia juga mula rapat dengan pelajar-pelajar pintar di sekolahnya untuk meminta bimbingan daripada mereka. Linda selalu berpegang pada peribahasa segan bertanya sesat jalan.

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh Linda, namun dia masih gagal dalam peperiksaan. Sekali lagi Linda teruja untuk meningkatkan usaha. Dia bertindak untuk membaca buku-buku motivasi yang dibeli di pasaran. Hasilnya, Linda berjaya menambahkan keyakinan dirinya. Dia berazam untuk berjaya pada suatu hari.

Linda bukan sahaja membaca buku-buku motivasi, bahkan juga mengubah cara pembelajarannya dengan membuat jadual belajar. Selain itu, Linda tidak alpa untuk menghadiri kelas tuisyen lebih-lebih lagi bagi mata pelajaran yang tidak dapat dikuasainya. Dia juga mula belajar membuat nota-nota kecil selepas mengulang kaji pembelajaran.

Hasil daripada usahanya, prestasi Linda semakin meningkat dan dia telah ditukarkan ke kelas yang lebih baik. Sejak hari itu, dia berjaya mendapat keputusan yang membanggakan dalam setiap peperiksaan yang didudukinya. Akhirnya, dia mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan Bersama (UEC) di sekolahnya. Segala usaha yang dilakukan selama lebih setahun itu telah membuahkan hasil yang sungguh membanggakan.

Berkat usaha Linda, dia telah dipilih sebagai pelajar cermelang di sekolahnya. Keyakinan diri Linda untuk meneruskan kecemerlangan dalam pelajaran kian kukuh. Kita seharusnya mencontohi sikap proaktif yang ditunjukkan oleh Linda. Kita perlu melipatgandakan segala usaha jika inginkan kejayaan bak kata pepatah 'di mana ada kemahuan, di situ ada jalan'.





Dengar dan baca sajak berikut dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Menuju Puncak Jaya

Bermula dari hati,
bertunaslah keinginan,
yang menanti saat,
terukir[1]nya **arca**[2] usaha,
demi keazaman yang tidak pernah **pudar**[3].



Biarpun badai kritikan menimpa,
bayu ejekan melambai,
namun semangatnya tetap kental.

Onak, duri, dan **liku-liku**[4] yang mencabar,
ditempuhinya dengan tabah,
ke arah satu matlamat yang jitu;
Puncak Jaya,
berbekalkan tekad dan keyakinan,
yang membara.

Akhirnya,
dengan izin dan limpah kurnia yang Esa,
penat lelahnya terbalas jua,
apabila terlakarnya kejayaan,
pada **lembaran**[5] realiti, yang manisnya tidak terungkap
dengan kata-kata.

Maisarah Mohd Azmi
(Dewan Pelajar)

Kamus Kaki

1. terukir:
   tercapai
   被实现
2. arca:
   kejayaan
   成就
3. pudar:
   lenyap
   消失
4. liku-liku:
   halangan-halangan
   障碍
5. lembaran:
   kehidupan
   生活





Maksud Sajak

Rangkap 1:
Cita-cita mencapai kejayaan bercambah daripada keazaman kukuh yang tidak pernah goyah.

Rangkap 2:
Meskipun kritikan dan ejekan sering datang menimpa, namun semangat berjuang untuk mencapai kejayaan tetap teguh.

Rangkap 3:
Segala cabaran ditempuhi dengan penuh ketabahan, keazaman, dan keyakinan untuk menuju ke puncak kejayaan.

Rangkap 4:
Dengan kehendak dan berkat Tuhan, segala usaha yang dilakukan telah membuahkan hasil kejayaan yang realiti. Kemanisan kejayaan yang dikecap sesungguhnya tidak terungkai dalam bentuk kata-kata.

Maksud rangkai kata

1. bertunaslah keinginan: bercambahlah cita-cita 萌 生 理 想
2. terlakarnya kejayaan: tercapainya cita-cita 实 现 理 想

Unsur Pengajaran

1. Kita hendaklah menghadapi segala cabaran dan dugaan dengan tabah.
2. Kita hendaklah mempunyai keazaman dan keyakinan yang mantap.



Soalan Kefahaman

1. Apakah maksud rangkai kata 'onak, duri, dan liku hidup yang mencabar'?
   - A. kesyukuran
   - B. kesenangan
   - C. kesedihan
   - D. kesusahan

2. Apakah unsur yang harus kita pegang untuk mencapai kejayaan?
   - A. kekuatan
   - B. keyakinan
   - C. kelebihan
   - D. kekasihan

3. Bagaimanakah keadaan penyajak selepas memperoleh kejayaan?
   - A. membisu
   - B. meraung
   - C. menjerit
   - D. mengilai

4. Antara perkara berikut yang manakah dihubungkaitkan dengan Yang Esa?
   - A. izin dan limpah
   - B. penat lelah
   - C. onak duri
   - D. puncak kejayaan

5. Apakah yang dicapai oleh penyajak selepas berpenat lelah?
   - A. hasil kekayaan
   - B. hasil pendapatan
   - C. hasil kejayaan
   - D. hasil keuntungan





CATATAN

UNIT 12: KENEGARAAN







Lambang Kenegaraan

Tiap-tiap negara yang **merdeka**[1] mempunyai **lambang**[2] kenegaraan yang menjadi kemegahan. Negara kita Malaysia, seperti negara-negara merdeka yang lain juga mempunyai beberapa lambang kenegaraan yang tersendiri seperti lagu kebangsaan, bendera kebangsaan, dan bunga kebangsaan.

Lagu kebangsaan berperanan untuk membangkitkan semangat **patriotik**[3] terhadap negara, melambangkan sosiobudaya, dan memaparkan cita-cita, **hasrat**[4] dan harapan bangsa. Lagu kebangsaan Malaysia dinamakan Negaraku. Maksud **lirik**[5] lagu Negaraku adalah **menyeru**[6] rakyat daripada berbagai-bagai bangsa, agama, dan sosiobudaya supaya hidup bersatu padu demi mengejar kemajuan. Di samping itu, lagu ini juga memohon **rahmat**[7] dan perlindungan daripada Allah untuk kesejahteraan raja, rakyat, dan negara tercinta Malaysia. Apabila lagu kebangsaan dimainkan atau dinyanyikan, semua orang hendaklah berdiri tegak sebagai tanda hormat. Perbuatan merendah-rendahkan kemuliaan lagu kebangsaan adalah dianggap tidak menghormati lagu kebangsaan. Pihak polis diberi kuasa untuk menangkap mereka yang tidak menghormati lagu kebangsaan tanpa **waran**[8].






Kosa Kata

1. **merdeka:**
   bebas
   独立
2. **lambang:**
   simbol
   象征
3. **patriotik:**
   semangat cinta akan negara
   爱国精神
4. **hasrat:**
   keinginan
   期望
5. **lirik:**
   seni kata lagu
   歌词
6. **menyeru:**
   melaungkan
   呼吁
7. **rahmat:**
   berkat
   恩赐
8. **waran:**
   surat kuasa
   拘捕令







Selain lagu kebangsaan, bendera kebangsaan **Jalur**[9] Gemilang juga melambangkan kemegahan negara Malaysia. Jalur Gemilang mengandungi empat warna, iaitu merah, putih, biru, dan kuning. Reka bentuknya berjalur-jalur dengan petak biru yang mengandungi bulan sabit dan bintang. Tiap-tiap bahagian yang membentuk Jalur Gemilang itu mempunyai maksud tertentu. Jalur-jalur merah dan putih itu melambangkan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan yang membentuk Malaysia. Warna biru pada petak di **penjuru**[10] kiri sebelah atas menunjukkan perpaduan rakyat.

Bentuk bulan sabit melambangkan agama **rasmi**[11] negara, iaitu agama Islam. Bintang berbucu 14 melambangkan perpaduan negeri-negeri yang membentuk Malaysia. Warna kuning pada bulan dan bintang melambangkan raja-raja. Warna ini mencerminkan sistem pemerintahan negara ini, iaitu pemerintahan beraja dan berperlembagaan.



Bunga kebangsaan negara kita ialah Bunga Raya. Bunga Raya yang berwarna merah melambangkan semangat keberanian, manakala lima helai **ranggi**[12] melambangkan lima **prinsip**[13] Rukun Negara. Bunga kebangsaan melambangkan perpaduan pelbagai bangsa di Malaysia. Secara ringkasnya, lambang kenegaraan menunjukkan keperibadian rakyat Malaysia dan wajar kita pertahankan.

9. **jalur:**
   loreng
   条纹
10. **penjuru:**
    sudut
    角
11. **rasmi:**
    formal
    官方
12. **ranggi:**
    kelopak bunga
    花瓣
13. **prinsip**
    dasar
    原则

Kosa Kata



A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Apakah maksud lirik lagu yang terdapat dalam lagu kebangsaan, Negaraku?
   I. memohon rahmat dan perlindungan daripada Allah
   II. menyeru rakyat berbilang bangsa supaya hidup bersatu padu
   III. membangkitkan semangat patriotik terhadap negara
   IV melambangkan kemegahan negara Malaysia

   A. I , II
   B. I, IV
   C. II, III
   D. III, IV

2. Apakah yang harus kita lakukan apabila lagu kebangsaan dinyanyikan?
   A. berjalan-jalan
   B. berdiri tegak
   C. berbual-bual
   D. berjabat tangan

3. Bahagian manakah dalam Jalur Gemilang yang melambangkan agama rasmi negara kita?
   A. jalur merah
   B. bintang berbucu empat belas
   C. warna kuning
   D. bulan sabit

4. Apakah warna-warna yang terdapat pada Jalur Gemilang?
   I. merah II. putih
   III. biru IV. kuning

   A. I dan II
   B. I, II dan III
   C. II, III dan IV
   D. I, II, III dan IV



5. Warna merah pada Bunga Raya melambangkan apa?
   A. kemasyhuran
   B. keberanian
   C. kehormatan
   D. kesejahteraan

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah peranan lagu kebangsaan?
2. Apakah yang akan berlaku terhadap seseorang yang tidak menghormati lagu kebangsaan?
3. Nyatakan fungsi jalur-jalur merah dan putih yang terdapat pada Jalur Gemilang.
4. Apakah maksud lima helai ranggi yang terdapat pada bunga kebangsaan?
5. Senaraikan lima prinsip Rukun Negara Malaysia.



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

merdeka: mer + de + ka	rahmat: rah + mat
kemegahan: ke + me + ga + han	menghormati: meng + hor + ma +ti
jalur: ja + lur	gemilang: ge + mi + lang
sosiobudaya: so + sio + bu + da + ya	semangat: se + ma + ngat
ranggi: rang + gi	waran: wa + ran







1. Lagu: Keranamu Malaysia


Dengarlah rakaman lagu 'Keranamu Malaysia' dengan teliti, kemudian lengkapkan lirik lagu.

Keranamu Malaysia

Buruh, nelayan dan juga petani
Gaya hidup kini dah _____(1) ________
Anak-anak terasuh mindanya
Lahir ______(2)______ bijak pandai

Pakar IT pakar ekonomi
Jaguh sukan dan juga jutawan
Berkereta ______(3)_______ negara
______(4)______ menyusur di jalan raya

Alam siber ______(5)_______ terkini
Kejayaan semakin hampiri
Biar di kota ataupun desa
Kita semua pasti berasa _______(6)________



Keranamu kami mendakap _____(7)______
Keranamu kami bangsa berjaya
Keranamu kami hidup selesa
Limpah budi ______(8)______ negara

Keranamu kami bebas ______(9)________
Keranamu nyawa dipertaruhkan
Keranamu rela kami berjuang
Demi bangsa ______(10)________ negara


(kali ke-2)
Keranamu negara Malaysia
Malaysia

Terima kasih Malaysia




2. Mengenali Jata Negeri dan Bendera Negeri

Anda diminta melayari internet untuk mendapatkan maklumat mengenai jata negeri anda. Kemudian terangkan dapatan anda.



Karangan Jenis Laporan

Persatuan Bahasa Malaysia sekolah anda telah mengadakan satu lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur baru-baru ini. Sebagai setiausaha persatuan tersebut, tuliskan satu laporan lengkap tentang lawatan itu.



Menara Kembar Petronas



Jalan Petaling





1. Kata Ganda

Kata Ganda boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu;

Kata Ganda
- Kata Ganda Seluruh
- Kata Ganda Separa
- Kata Ganda Berentak

Kata Ganda

Kata Ganda	Kata Terbitan
Kata Ganda Seluruh	agar-agar, tinggi-tinggi, bulat-bulat, pahit-pahit, rata-rata, buku-buku
Kata Ganda Separa	jejentik, lelangit, beburung, rerama, peparu, tetamu, hormat-menghormati, teringat-ingat, bantu-membantu
Kata Ganda Berentak	kuih-muih, cerai-berai, rumput-rampai, semak-samun, lalu-lalang, riuh-rendah





LATIHAN


A. Berikan jenis Kata Ganda yang sesuai pada perkataan bergaris di bawah.

1. <u>Tiba-tiba</u> muncul seekor beruang yang besar dari sebalik semak di tepi khemah itu.
   (   )

2. Sawah padi itu telah menjadi <u>kering-kontang</u> akibat kemarau yang berpanjangan.
   (   )

3. Majlis <u>kenduri-kendara</u> patut dibuat secara sederhana untuk mengelakkan pembaziran. (   )

4. <u>Majalah-majalah</u> yang terdapat di atas meja itu dibeli oleh Rosni.
   (   )



5. Kebanyakan rumah sekarang dipasang <u>kekisi</u> pada tingkapnya. (   )

6. Ali <u>tertanya-tanya</u> sebab-sebab guru itu memarahinya.
   (   )

7. Rakyat akan hidup sengsara sekiranya negara dalam keadaan <u>huru-hara</u>. (   )

8. Pada waktu petang, saya suka <u>berjalan-jalan</u> mengelilingi kampung sambil melihat keindahan alam semula jadi. (   )

9. Darah disalurkan ke <u>sel-sel</u> badan melalui rerambut darah. (   )


10. Jangan <u>bersaing-saing</u> semasa menunggang motosikal untuk mengelakkan kemalangan. (   )





B. Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan Kata Ganda yang sesuai.

1. Raja menitahkan askar-askar supaya menangkap penjahat itu ____________(hidup).
2. Masakan itu lazat sekali kerana cukup dengan ____________(rempah).
3. Encik Johan menggunakan __________(siku) untuk membuat garisan lurus.
4. Sejak menjawat jawatan sebagai seorang ___________(mata), Encik Johari amat sibuk dengan tugasnya.
5. Bantal baharu itu diisi dengan ____________(kabu) yang lembut.
6. Baju Keong Huat menjadi ___________(comot) kerana terjatuh ke dalam lumpur.
7. Semut merasa dengan menggunakan __________(sungut) yang terdapat di bahagian kepalanya.
8. Pasukan Wilayah Persekutuan bermain ___________(mati) untuk mendapat kemenangan.
9. Meja yang cantik itu tidak boleh digunakan lagi kerana sudah dimakan oleh ____________(anai).



10. Rambutnya __________(kusut) kerana ditiup angin.
11. Datuk membawa adik ___________(siar) ke tepi pantai pada setiap petang.
12. Ayah sedang sibuk menebas ____________(semak) di belakang rumah.
13. _____________(bola) ikan sedap dimakan jika dicecah dengan sos cili.
14. Majlis perkahwinan anak ketua kampung itu diadakan secara ____________(besar).
15. Kentang itu perlu dihiris _____________(nipis) supaya garing ketika digoreng.



2. Ulangan Imbuhan Awalan

Imbuhan Awalan

- teR-
- beR-
- ke-
- mempeR-
- meN-
- peN-
- peR-
- se-
- di-

LATIHAN

A. Masukkan Imbuhan Awalan se- pada perkataan yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

1. Kami isi keluarga akan melancong ke Jepun pada cuti semester ini.
2. Ayah akan datang menjemput saya lewat-lewatnya pada pukul tiga petang.
3. Abang menghadiahkan bentuk cincin kepada teman wanitanya.
4. Saya pernah pergi ke Melaka kali sahaja.
5. Semua ahli persatuan bulat suara menyokong cadangan pengerusi.
6. Saya berusia tahun lebih tua daripada adik perempuan saya.
7. Ayahnya baya dengan ayah saya.
8. Akmi akan pergi melancong ke Jepun lama dua minggu.





B. **Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan perkataan yang sesuai.**

dijual	dicat	disimpan	ditutup	dikibar
dimarah	dihukum	dibeli	dicuri	dihiris

1. Surat khabar lama itu telah __________ oleh emak pada pagi tadi.
2. “Bawang itu mesti ____________ nipis-nipis,” kata ibu kepada Minah.
3. Buku komik itu ____________ oleh adik bongsu saya.
4. Bendera Malaysia akan ____________ pada Hari Kebangsaan.
5. Murid nakal itu telah _____________ oleh guru disiplin tadi.
6. Buah mangga di halaman rumah saya telah _____________ orang semalam.
7. Banglo yang lama itu kelihatan baharu setelah ______________ semula.
8. Dokumen-dokumen penting mesti ______________ di tempat selamat.

C. **Bubuhkan imbuhan Awalan ke- pada perkataan-perkataan yang sesuai dalam ayat di bawah.**

1. Encik Tan dan isterinya menghadiri majlis konvokesyen dua-dua orang anak mereka di Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Pelantikan Pak Yusof sebagai tua kampung mendapat sokongan daripada penduduk kampung.
3. Abang telah mendirikan rumah tangga dengan kasihnya pada bulan lepas.
4. Peserta dua dalam pertandingan menyanyi itu ialah seorang budak lelaki.
5. Saya mendapat tempat tiga dalam pertandingan syarahan peringkat sekolah.
6. Semua harta penduduk di kampung itu musnah dijilat api semalam.
7. Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah Perdana Menteri Malaysia yang empat.
8. Semua pelajar yang terlibat dalam pertunjukan Malam Budaya dibenarkan menginap di asrama sekolah.





3. Kesalahan Umum Ayat

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

1. Terdapat setengah pelajar yang suka membuang masa dengan merayau-rayau di
   A B
   kompleks beli-belah. Tiada kesalahan.
   C D

2. Bangunan Tabung Haji yang terletak di Kuala Lumpur itu sungguh cantik sekali.
   A B C
   Tiada kesalahan.
   D

3. Semak di belakang rumah itu telah dibersihkan oleh Pak Yahya pada petang tadi.
   A B C
   Tiada kesalahan.
   D

4. Sikap malas berusaha tidak patut ada pada diri seseorang jika mahu berjaya
   A B
   di dalam hidup. Tiada kesalahan.
   C D

5. Pengisytiharan Kemerdekaan Malaysia akan dilakukan oleh Y.M. Tuanku
   A B C
   Abdul Rahman di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957. Tiada kesalahan.
   D

6. Ibu bapa tidak harus mengabaikan tanggungjawab mereka untuk menyekolahkan
   A B C
   anak-anak. Tiada kesalahan.
   D

7. Iklan-iklan yang terdapat di television mudah mempengaruhi
   A B
   pemikiran kanak-kanak. Tiada kesalahan.
   C D





8. Mereka-mereka membelah buah kelapa muda itu dengan parang di dapur.
A B C
Tiada kesalahan.
D

9. Ahmad tendang bola itu dengan sekuat-kuat hati untuk menjaringkan gol.
A B C
Tiada kesalahan.
D

10. Guru-guru menegaskan bahawa kejayaan seseorang pelajar bergantung pada usaha
A B C
gigih. Tiada kesalahan.
D

11. Orang kaya yang itu sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk membeli
A B
barang-barang antik. Tiada kesalahan.
C D

12. Tiap umat Islam dilarang keras mengeji dan mengumpat orang lain. Tiada kesalahan.
A B C D

13. Kandungan protein dalam daging arnab ialah lebih tinggi berbanding dengan daging
A B C
ayam. Tiada kesalahan.
D

14. Masyarakat Malaysia yang berbilang-bilang kaum harus membina ikatan yang
A B
kukuh sesama mereka. Tiada kesalahan.
C D

15. Malaya Universiti yang tersergam di Kuala Lumpur merupakan universiti yang tertua
A B C
di Malaysia. Tiada kesalahan.
D

16. Pengajaran komponen sastera dapat meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia
A B
dan mewujudkan patriotisme di dalam kalangan pelajar. Tiada kesalahan.
C C

17. Puisi tradisional tidak lagi menjadikan bahan hiburan dalam kalangan masyarakat
A B C
sekarang. Tiada kesalahan.
D

18. Pihak kilang akan mengadakan sesi temu duga untuk mengambil pekerja-pekerja
A B C
baharu. Tiada kesalahan.
D

19. Susan dan Hasni suka belajar kerana kawan-kawan mereka tidak suka belajar.
A B C
Tiada kesalahan.
D

20. Pengetahuan mengenai tatabahasa bahasa Malaysia tidak harus diabaikan oleh
A B C
pelajar. Tiada kesalahan.
D



Panduan Menulis Karangan Laporan

Karangan laporan menceritakan sesuatu peristiwa atau keadaan yang telah berlaku di sesuatu tempat pada jangka waktu yang tertentu hasil daripada pengalaman penulis.

A. Bentuk Karangan Laporan


Karangan laporan dibahagikan kepada empat bentuk iaitu;

Bentuk Karangan Laporan

- laporan tragedi atau peristiwa
- laporan kelab, persatuan, pasukan, dan pakaian seragam
- laporan persediaan sesuatu acara atau majlis
- laporan seminar, bengkel, pameran, dan kursus



B. Format


Tajuk
(bila, siapa, apa, mana, tujuan)
pendahuluan
isi
i. perjalanan aktiviti
ii. rentetan peristiwa
iii. tarikh, tempat, dan bilangan orang yang terlibat
iv. tujuan/faedah/kesan
penutup
pengakuan pelapor
tandatangan pelapor
Nama(ditulis dalam HURUF BESAR)
jawatan
Tarikh(bulan ditulis dalam HURUF BESAR)





C. Rangka Karangan

Anda sebagai setiausaha Persatuan Bahasa Malaysia ditugaskan menyediakan satu laporan tentang lawatan ke rumah anak-anak yatim.

Pengenalan
- lawatan ke rumah anak-anak yatim
- 36 ahli Persatuan Bahasa Malaysia dan empat orang guru penasihat menyertai lawatan ini
- tujuan lawatan adalah untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan pelajar supaya bersyukur dengan apa-apa yang dimiliki oleh mereka, menghargai dan menyayangi keluarga mereka, menambah pengetahuan pelajar

Isi-isi
- disambut oleh pengelola rumah anak-anak yatim
- penerangan mengenai latar belakang rumah anak-anak yatim tersebut
- melawat sekitar rumah anak-anak yatim itu
- anak-anak yatim yang dalam peringkat remaja akan diberikan tugas untuk membantu anak yatim yang masih kecil
- menyumbangkan derma kepada penghuni rumah anak-anak yatim

Penutup
- lawatan ini menimbulkan kesedaran kepada pelajar
- pengetahuan dapat dimanfaatkan dalam pemelajaran dan kehidupan seharian



D. Contoh Karangan

Laporan tentang Lawatan Persatuan Bahasa Malaysia ke Rumah Anak-anak Yatim Aman, Cheras

Persatuan Bahasa Malaysia sekolah ini telah mengadakan lawatan ke Rumah Anak-anak Yatim Aman, Cheras, Selangor Darul Ehsan. Lawatan ini diadakan pada 30 Mei 2007. Lawatan ini disertai oleh 36 orang pelajar dan diiringi oleh empat orang guru penasihat, iaitu Cikgu Maimunah Yaacob, Cikgu Khairi Hussien, Cikgu Lok Hock Peng, dan Cikgu Sarakhan Raju. Rombongan ini bertolak dari sekolah pada pukul 8.30 pagi.

Lawatan ini diadakan untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan pelajar supaya bersyukur dengan apa-apa yang dimiliki oleh mereka dan menghargai serta menyayangi keluarga mereka. Selain itu, lawatan ini diharapkan dapat menambah pengetahuan pelajar.

Rombongan kami disambut oleh Pengelola Rumah Anak-anak Yatim, Puan Chan Hui Ming. Setiba di sana, kami dijamu minum pagi. Makanan tersebut disediakan oleh anak-anak yatim di sana. Selepas minum pagi, kami diberikan penerangan mengenai latar belakang rumah anak-anak yatim itu. Kemudian, kami dibawa melawat sekitar rumah anak-anak yatim tersebut.

Penghuni-penghuni yang sudah menuntut di sekolah menengah akan diberikan tugas, seperti memasak, membersih kawasan rumah anak-anak yatim, dan membasuh pakaian untuk membantu mereka yang masih kecil. Sebelum rombongan kami berangkat pulang, kami telah menyumbangkan derma kepada penghuni Rumah Anak-anak Yatim Aman.

Kami berangkat pulang pada pukul 1.30 petang. Lawatan ini dapat menimbulkan kesedaran kepada pelajar untuk lebih menghargai ibu bapa mereka. Kami berharap agar dapat melawat ke tempat-tempat lain pula. Melalui kegiatan seumpama ini, kami dapat menambah pengetahuan untuk dimanfaatkan dalam pemelajaran dan kehidupan seharian. Selain itu, kami juga dapat berbakti kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Disediakan oleh,   6 JUN 2007.

Mariamyusoff

(MARIAM BINTI YUSOFF)
Setiausaha,
Persatuan Bahasa Malaysia,
Sekolah Menengah Persendirian Cina Kwang Hwa,
Klang.





Dengar dan baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan di bawah.

Bendera Kita

Bendera negara bendera Malaysia,
berkibar **megah**[1] di puncak jaya,
menjadi **lambang**[2] **kedaulatan**[3] negara,
bukti kesetiaan rakyat jelata.

Empat belas jalur menghiasi diri,
merah dan putih berselang-seli,
kedudukannya sama di antara negeri,
milik pemimpin kerajaan **bestari**[4].

Di sebelah kiri di atas **penjuru**[5],
empat persegi berwarna biru,
menjadi lambang rakyat sepadu,
cogan[6] Bersekutu Bertambah Mutu.

Sebuah bintang indah berseri,
empat belas **bucu**[7] di sisi kiri,
lambang kesatuan semua negeri,
bersama kerajaan kekal **abadi**[8].

Bulan sabit **bersinar**[9] di sebelah,
menjadikan bintang serinya bertambah,
agama Islam agama **ummah**[10],
bukti **keesaan**[11] keagungan Allah.

Kamus Kaki

1. megah:
bangga
自豪的
2. lambang:
simbol
象征
3. kedaulatan:
kekuasaan yang tertinggi
主权
4. bestari:
cerdas
杰出的
5. penjuru:
sudut
角落
6. cogan:
slogan
标志
7. bucu:
penjuru
角落
8. abadi:
kekal
永恒
9. bersinar:
bercahaya
发光
10. ummah:
pengikut agama
教徒
11. keesaan:
tunggal
独一无二



Gabungan warna lambang bermakna,
warna kuning kedaulatan raja,
biru bermaksud perpaduan bangsa,
merah melambangkan keberanian kita.

Putih bersih lambang kesucian,
pilihan hasrat setiap insan,
marilah kita membina **keazaman**[12],
untuk menuju kecemerlangan.

Kamus Kaki

12. **keazaman:**
tekad
意志

Maksud Syair

Rangkap 1:
Bendera Malaysia merupakan lambang negara kita yang berdaulat. Bendera tersebut membuktikan sikap kesetiaan semua rakyat.

Rangkap 2:
Empat belas jalur warna merah dan putih yang berselang-seli pada bendera kita menunjukkan kedudukan yang sama taraf di semua negeri.

Rangkap 3:
Petak berwarna biru di sebelah kiri atas bendera kita melambangkan perpaduan rakyat.

Rangkap 4:
Bintang pecah empat belas bucu di sisi kiri atas bendera kita mewakili kesatuan negeri.

Rangkap 5:
Bulan sabit yang terdapat dalam bendera kita menunjukkan agama Islam ialah agama rasmi.

Rangkap 6:
Warna kuning yang terdapat dalam bendera kita melambangkan pemerintahan raja yang berdaulat; warna biru membawa maksud perpaduan negara; dan warna merah pula menunjukkan keberanian rakyat negara kita.

Rangkap 7:
Warna putih melambangkan kesucian rakyat. Rakyat diseru agar mempunyai keazaman untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.



Maksud Rangkai Kata

1. kerajaan bestari : pemerintah yang cekap
2. kekal abadi : tetap dan berterusan

Unsur Pengajaran

1. Kita haruslah memupuk semangat kesetiaan terhadap negara.
2. Kita mestilah mencintai tanah air kita.
3. Kita haruslah berbangga akan bendera negara kita.

Soalan Kefahaman

1. Mengapakah kita mengibarkan bendera kita?
   A. menunjukkan kemegahan rakyat
   B. menunjukkan kesetiaan rakyat
   C. menunjukkan kesatuan negeri
   D. menunjukkan keagungan Allah

2. Apakah warna petak yang terdapat di sebelah kiri bendera Malaysia?
   A. merah
   B. putih
   C. biru
   D. kuning

3. Apakah maksud cogan kata ' Bersekutu Bertambah Mutu'?
   A. perpaduan rakyat melahirkan bangsa Malaysia
   B. perpaduan antara rakyat membawa kejayaan
   C. perpaduan tidak akan tercapai tanpa persefahaman
   D. perpaduan meningkatkan kualiti barangan

4. Apakah maksud warna merah yang terdapat dalam bendera Malaysia?
   A. keberanian
   B. keazaman
   C. keesaan
   D. kecemerlangan

5. Antara berikut yang manakah **bukan** ciri-ciri syair 'Bendera Kita'?
   A. Syair ini terdiri daripada tujuh rangkap.
   B. Bilangan baris dalam setiap rangkap adalah sama.
   C. Setiap rangkap syair terdiri daripada pembayang dan maksud.
   D. Rima akhir bagi setiap rangkapnya ialah aaaa.

UNIT 13:
PENGARUH BAHASA ASING







Sejarah Peminjaman Bahasa

Pertembungan[1] peradaban dan kebudayaan manusia sama sekali tidak dapat mengetepikan peminjaman bahasa. Proses peminjaman bahasa telah berjaya **memperkasa**[2] semua bidang kehidupan. Peminjaman bahasa asing juga menjadikan bahasa berkenaan mempunyai **daya saing**[3] dan **melewatkan**[4] **kepupusan**[5]nya.

Apakah maksud peminjaman bahasa? Peminjaman bahasa ialah proses meminjam kata-kata atau istilah daripada bahasa lain. Peminjaman ini bertujuan untuk mencapai kepentingan tertentu kepada masyarakat yang meminjam bahasa tersebut.



Peminjaman bahasa tidak menjejaskan bahasa peminjam dan **jati diri**[6] bahasa berkenaan. Proses peminjaman mampu mengangkat bahasa itu lebih tinggi dan dihormati. Tambahan pula, penutur sesuatu bahasa dapat **berinteraksi**[7] dengan penutur bahasa lain tanpa **memulangkan**[8] perkataan yang dipinjam.

Proses peminjaman bahasa berpunca daripada banyak faktor. Antara faktor itu adalah melalui **penghijrahan**[9], perkahwinan, penjajahan, penyebaran agama, perniagaan dan perdagangan, peperangan, pendidikan, dan pentadbiran. Suasana ini berlaku hampir kepada semua bahasa di dunia termasuklah bahasa Malaysia. Sebagai contoh, hampir sekurun lamanya bahasa Inggeris kehilangan jati diri kemudian pulih semula setelah memperoleh kekuatan kuasa dan kekuatan nilai wang. Kini, bahasa Inggeris menjadi bahasa utama yang **merangkumi**[10] semua bidang.

1. **pertembungan:**
   pertemuan
   相 遇
2. **memperkasa:**
   memperkemas
   巩 固
3. **daya saing:**
   keupayaan menandingi
   竞 争 力
4. **melewatkan:**
   melengahkan
   拖 延
5. **kepupusan:**
   kelenyapan
   消 失
6. **jati diri:**
   identiti
   特 性
7. **berinteraksi:**
   bergaul
   交 流
8. **memulangkan:**
   mengembalikan
   归 还
9. **penghijrahan:**
   berpindah dari satu tempat ke satu tempat
   搬 迁
10. **merangkumi:**
    melibatkan
    涵 盖

Kosa Kata



Mengikut sejarah, pengaruh bahasa asing dalam bahasa Malaysia telah berlaku sejak awal kurun ke-7 Masihi melalui penggunaan **bahasa Sanskrit**[11] diikuti pengaruh bahasa Jawa. Penyebaran agama Islam di **Gugusan**[12] Kepulauan Melayu yang dilakukan oleh pedagang-pedagang dan pendakwah Arab pada awal abad ke-14 telah menyebabkan kemasukan pengaruh bahasa Arab. **Pengislaman**[13] Parameswara melalui proses perkahwinan turut membantu penyerapan bahasa Arab dalam bahasa Melayu. Usaha Kesultanan Melayu Melaka mendapatkan **suaka**[14] politik melalui pengiktirafan kedaulatan Maharaja China juga **menyerlahkan**[15] kepentingan bahasa Melayu.

Penaklukan Portugis pada tahun 1511 dan Belanda pada tahun 1641 terhadap Melaka turut meninggalkan **sisa-sisa**[16] bahasanya yang **terpakai**[17] dalam bahasa Melayu. Kehadiran pihak Inggeris di Tanah Melayu pada awal abad ke-19 telah menyebabkan bahasa Inggeris digunakan secara meluas. Bahasa Melayu semakin **terpinggir**[18] kerana dasar penjajah yang mengutamakan bahasa mereka. Semenjak Perang Dunia Kedua, bahasa Melayu tidak meminjam bahasa Arab lagi. Tempat bahasa Arab sebagai sumber pinjaman diambil alih oleh bahasa Inggeris.



Kemasukan pelbagai bahasa asing dalam bahasa Malaysia tidak dianggap sebagai ancaman. Bahasa Malaysia semakin dinamik dan tidak **jumud**[19]. Unsur-unsur asing yang dipinjam oleh bahasa Malaysia ialah bunyi, huruf dan sistem tulisan, perkataan, imbuhan, struktur frasa, dan peribahasa. Kini, bahasa Malaysia menjadi rujukan dan kajian para sarjana luar negara.

Kosa Kata

11. **bahasa Sanskrit:** bahasa kesusasteraan Hindu kuno
梵文(印度古文)
12. **gugusan:** kumpulan
群
13. **pengislaman:** proses menjadikan seseorang bukan Islam kepada Islam
皈依伊斯兰教
14. **suaka:** perlindungan
避难所
15. **menyerlahkan:** menonjolkan
明显的
16. **sisa-sisa:** tinggalan
剩余
17. **terpakai:** telah digunakan
已被使用的
18. **terpinggir:** terabai
被边缘化
19. **jumud:** beku
僵化







A. Soalan Objektif
Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan peminjaman bahasa?
   A. meminjam ayat
   B. memulangkan kata-kata
   C. meminjam istilah-istilah
   D. mengubah struktur bahasa

2. Bilakah mula berlaku peminjaman bahasa asing dalam bahasa Malaysia?
   A. akhir abad ke-7 Masihi
   B. awal abad ke-7 Masihi
   C. awal abad ke-14 Masihi
   D. awal abad ke-19 Masihi

3. Antara berikut manakah padanan yang **tidak** tepat?
   A. abad ke-7 - bahasa Jawa.
   B. abad ke-14 - bahasa Arab
   C. abad ke-7 - bahasa Sanskrit
   D. abad ke-19 - bahasa Inggeris

4. Apakah faktor kekuatan bahasa Inggeris?
   A. kekuasaannya
   B. kekuatan nilai wangnya
   C. kebudayaannya
   D. kekuasaan dan kekayaan nilai wangnya

5. Bilakah Melaka jatuh ke tangan Portugis?
   A. 1403
   B. 1511
   C. 1641
   D. 1824



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah perkara yang tidak dapat mengetepikan peminjaman bahasa berlaku?

2. Nyatakan tiga faktor yang mempengaruhi proses peminjaman bahasa.

3. Siapakah yang bertanggungjawab membawa pengaruh bahasa Arab di Gugusan Kepulauan Melayu?

4. Dari manakah Melaka memperoleh suaka politik?

5. Bilakah pengaruh bahasa Inggeris tiba di Tanah Melayu?



SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

pertembungan: per + tem + bu + ngan

terpinggir: ter + ping + gir

berinteraksi: ber + in + te + rak + si

penghijrahan: peng + hij + ra + han

menyerlahkan : me + nyer + lah + kan

suaka: sua + ka

kepupusan: ke + pu + pu + san

memulangkan: me + mu + lang + kan

merangkumi: me + rang + ku + mi

pengislaman: peng + is + la + man





MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Salah satu punca bahasa Malaysia menjadi bahasa yang dinamik adalah disebabkan peminjaman bahasa asing. Di bawah tersenarai bahasa pinjaman yang diambil daripada sumber beberapa bahasa. Baca bahasa pinjaman berkenaan di hadapan kelas dengan sebutan yang betul. Kemudian, minta rakan-rakan anda mengulangi sebutan perkataan yang sama.

Sumber Bahasa	Contoh Bahasa Pinjaman
Bahasa Sanskrit	neraca, sutera, mutiara, anugerah, raksasa, angsa, mempelam, senjata, negeri
Bahasa Tamil	apam, ketumbar, logam, pili, ladam, katil
Bahasa Hindi	acar, nanas, roti, topi
Bahasa Parsi	baju, cokmar, firasat, garam, gandum, kapur, askar
Bahasa Cina	kuih, kekwa, loceng, tangsi, tekong, bangsal, ponteng, dacing
Bahasa Arab	kiblat, darab, arif, majalah, miskin, akhirat, muharam
Bahasa Portugis	kemeja, mentega, minggu, sekolah, renda
Bahasa Belanda	dam, duit, laci, senapang
Bahasa Inggeris	geran, majistret, kelindan, mancis, opera, saman
Bahasa Indonesia	bagus, catat, calon, gamelan, obor
Bahasa Siam	senarai, wat, menora, makyung





2. Para pelajar diminta mencari dan menyenaraikan kata-kata pinjaman yang terdapat dalam kotak di bawah. Kemudian, para pelajar diminta membaca dapatan mereka dengan sebutan yang betul di hadapan kelas.

K	E	T	U	M	B	A	R	A	G	U	D	A	N	G
A	E	O	S	A	A	P	A	Y	U	R	N	I	A	E
C	A	M	Y	A	N	A	C	A	U	U	T	M	D	R
A	K	E	E	F	G	M	I	T	G	U	E	G	N	A
R	H	N	T	J	S	R	N	E	R	L	N	E	I	N
G	I	T	A	E	A	U	R	A	A	O	R	A	L	A
T	R	E	C	K	L	A	M	N	K	A	N	A	E	L
E	A	G	A	I	H	K	E	E	C	G	D	U	K	A
R	T	A	L	N	O	O	T	A	S	A	R	I	F	W
T	N	E	O	C	G	L	D	A	M	K	S	L	T	A
S	I	C	N	A	M	S	A	A	S	A	S	K	A	R
I	T	A	N	M	I	K	C	I	N	C	A	U	N	E
J	E	D	I	H	A	N	I	A	O	B	O	R	G	K
A	U	U	I	L	U	E	N	U	D	E	W	A	S	A
M	A	R	A	H	U	M	G	R	E	N	D	A	I	C

Bahasa Pinjaman	**Senarai Perkataan Pinjaman**							
Bahasa Tamil								
Bahasa Portugis								
Bahasa Hindi								
Bahasa Parsi								
Bahasa Sanskrit								
Bahasa Cina								
Bahasa Arab								
Bahasa Indonesia								
Bahasa Inggeris								



1. Bina Ayat

Bina satu ayat bagi setiap perkataan pinjaman berikut.

1. tokong
2. tanglung
3. pencen
4. bijaksana
5. juadah
6. modal
7. majalah
8. nakhoda
9. arif
10. mergastua



2. Melengkapkan Teks

Lengkapkan ayat di bawah dengan kata-kata pinjaman yang sesuai.

mandur	khasiat	notis	kebaya	Muharam
koyok	renda	wisel	koperal	loteng
zuriat	peluru	ponteng	tinta	kongsi
elaun	fitrah	lokap	maruah	kucai


1. Setiap anak dilahirkan mengikut________________yang telah ditentukan Tuhan.
2. Semua ibu bapa berdoa agar mereka dikurniakan ________________yang baik.
3. Ulam pegaga mempunyai_____________yang tinggi.
4. Peristiwa Nabi Muhammad berhijrah ke Madinah berlaku pada 1 ___________.
5. Para pelajar perlu menjaga_______________ diri dan keluarga mereka.
6. Ladang kelapa sawit itu dijaga oleh seorang_______________yang tegas.
7. Pihak forensik menjumpai sebutir____________tertanam pada tulang belakang mayat itu.
8. Tulisan pada plak aluminium itu ditulis dengan _________ emas.
9. Pakaian ______________tradisional Melaka itu mendapat sambutan yang baik dalam kalangan wanita moden.
10. ___________pada langsir rumah Siti sangat cantik.
11. Pihak berkuasa tempatan mengeluarkan__________kepada mereka yang lewat membayar cukai pintu.
12. Polis yang berpangkat ____________ itu didapati bersalah kerana menerima rasuah.
13. Beberapa orang banduan berjaya melarikan diri dari___________ pada waktu malam.
14. Polis trafik meniup___________untuk memberi laluan kepada kereta dari sebelah kiri.
15. Semua kakitangan awam diberi___________tambahan sempena Hari Pekerja.
16. Sayur__________itu sedap digoreng dengan tauge.
17. __________cili padi itu sangat panas dan mujarab.
18. Kebanyakan rumah tradisional Cina mempunyai __________.
19. Pihak polis menahan beberapa orang pelajar di pusat permainan video kerana _________ sekolah.
20. Rumah______________ di tapak pembinaan itu terbakar semalam.





3. Perumpamaan

Fahami maksud perumpamaan di bawah.

Peribahasa	Maksud	Contoh Ayat
1. bagai si pekak tertanya-tanya 不断询问 	Orang yang tidak mengetahui sesuatu akan kerap bertanya untuk mendapatkan jawapan.	Orang tua itu **bagai si pekak tertanya-tanya** akan perkhabaran anaknya yang meninggalkan kampung setelah berkahwin dengan warga asing.
2. seperti kerbau dicucuk hidung 亦步亦趋 	Orang yang hanya menurut kemahuan orang lain tanpa banyak soal.	Azman **seperti kerbau dicucuk hidung** jika bersama-sama ayahnya.
3. seperti talam dua muka 双面人 	Manusia yang berpura-pura baik terhadap kedua-dua pihak yang bermusuhan.	Lelaki itu **seperti talam dua muka** kerana dia berpihak kepada Aziman dan pesaingnya Muthusammy.
4. ikan dalam belat 非常拥挤	Keadaan orang ramai yang tersesak-sesak di dalam sesuatu tempat.	Encik Hock membawa anak-anaknya sebanyak lapan orang dalam sebuah kereta bagai **ikan dalam belat**.
5. mulut tempayan boleh ditutup, mulut manusia tidak 不能守口如瓶 	Seseorang yang tidak pandai menyimpan rahsia orang lain.	Rozana kecewa dengan sikap Normala yang membongkarkan rahsianya kerana **mulut tempayan boleh ditutup, mulut manusia tidak**.
6. memasang lukah di pergentingan 趁火打劫	mencari keuntungan daripada kesusahan orang	Tindakan ceti haram mengenakan kadar faedah yang tinggi kepada peminjam umpama **memasang lukah di pergentingan**.





LATIHAN

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan peribahasa yang tepat.

1. En. Naim ______________________ kerana dia menyokong kedua-dua pihak yang bertanding dalam plihan raya di kawasan itu.

2. Bas yang membawa penumpang melebihi muatan bagai ______________________ itu telah ditahan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Raya.

3. Segala kemahuan isterinya dipenuhi ______________________ dan tidak pernah dibantahinya.

4. Tindakannya yang banyak bertanyakan soalan kepada penceramah itu diibaratkan ______________________.

5. Tindakan peruncit menaikkan harga keperluan harian di kawasan yang dilanda banjir itu seperti ______________________.

6. Perbuatan Raju yang tidak amanah itu diibaratkan ______________________ kerana dia telah membocorkan rahsia syarikat.





1. Imbuhan Pinjaman

Imbuhan pinjaman ialah imbuhan yang dipinjam daripada bahasa asing dan diserap pakai dalam sistem tatabahasa bahasa Malaysia. Imbuhan pinjaman yang dimaksudkan iaitu;

(a) imbuhan pinjaman daripada bahasa Sanskrit
(b) imbuhan pinjaman daripada bahasa Arab
(c) imbuhan pinjaman daripada bahasa Inggeris

Bahasa Malaysia hanya mempunyai dua bentuk imbuhan pinjaman, iaitu:
(a) imbuhan pinjaman awalan
(b) imbuhan pinjaman akhiran

A. Imbuhan Pinjaman Awalan Bahasa Sanskrit

Jenis Imbuhan	Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Pinjaman
maha-	raja	maha + raja	maharaja
	guru	maha + guru	mahaguru
tata-	bahasa	tata + bahasa	tatabahasa
	susila	tata + susila	tatasusila
juru-	jual	juru + jual	jurujual
	bahasa	juru + bahasa	jurubahasa
tuna-	susila	tuna + susila	tunasusila
	karya	tuna + karya	tunakarya
pra-	bayar	pra + bayar	prabayar
	syarat	pra + syarat	prasyarat



Jenis Imbuhan	Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Pinjaman
swa-	raya	swa + raya	swaraya
	daya	swa + daya	swadaya
eka-	nada	eka + nada	ekanada
	bahasa	eka + bahasa	ekabahasa
dwi-	fungsi	dwi + fungsi	dwifungsi
	bahasa	dwi + bahasa	dwibahasa
tri-	kaki	tri + kaki	trikaki
	bulan	tri + bulan	tribulan
panca-	indera	panca + indera	pancaindera
	warna	panca + warna	pancawarna

B. Imbuhan Pinjaman Akhiran Bahasa Sanskrit

Jenis Imbuhan	Kata Dasar	Kata Dasar + Imbuhan	Kata Pinjaman
-wan	harta	harta + wan	hartawan
	jelita	jelita + wan	jelitawan
-man	seni	seni + man	seniman
	budi	budi + man	budiman
-wati	peraga	peraga + wati	peragawati
	olahraga	olahraga + wati	olahragawati
-nita	biduan	biduan + nita	biduanita



C. Imbuhan Pinjaman Awalan Bahasa Inggeris

Jenis Imbuhan	Kata Dasar	Imbuhan + Kata Dasar	Kata Pinjaman
mono-	log	mono + log	monolog
	poli	mono + poli	monopoli
poli-	klinik	poli + klinik	poliklinik
	teknik	poli + teknik	politeknik
pro-	kerajaan	pro + kerajaan	prokerajaan
	aktif	pro + aktif	proaktif
anti-	barat	anti + barat	antibarat
	Jepun	anti + Jepun	anti-Jepun
sub-	editor	sub + editor	subeditor
	topik	sub + topik	subtopik
supra-	sistem	supra + sistem	suprasistem
	nasional	supra + nasional	supranasional
auto-	mobil	auto + mobil	automobil
	graf	auto + graf	autograf

D. Imbuhan Pinjaman Akhiran Bahasa Arab

Jenis Imbuhan	Kata Dasar	Kata Dasar + Imbuhan	Kata Pinjaman
-in	muslim	muslim + in	muslimin
	hadir	hadir + in	hadirin
-at	muslim	muslim + at	muslimat
	hadir	hadir + at	hadirat
-ah	qari	qari + ah	qariah
	sultan	sultan + ah	sultanah



LATIHAN

Berikan imbuhan pinjaman yang sesuai bagi kata-kata berhuruf condong.

1. Umat *muslim* diwajibkan membayar zakat untuk diri dan tanggungannya.
2. Semua perusuh yang *kerajaan* itu telah ditangkap oleh polis.
3. Kamus *bahasa* itu mempunyai satu bahasa sumber dan dua bahasa sasaran.
4. Majalah National Geographic diterbitkan dalam *bahasa* di China.
5. Umat Islam bersolat lima kali sehari semalam kepada Tuhan Yang *Esa*.
6. *Kamera* itu dianugerahkan pingat kebesaran oleh Sultan Selangor.
7. Semua jemputan dikehendaki mematuhi *cara* berpakaian dalam Majlis Santapan Diraja.
8. Semua *syarat* peminjaman itu dapat dipenuhinya.
9. Mata pelajaran *negara* telah digantikan dengan mata pelajaran Pendidikan Moral.
10. Kejayaannya sebagai usahawan berjaya banyak bergantung pada *daya*nya.
11. Sukarno telah memperkenalkan *sila* sebagai teraju negara Indonesia.
12. Hajah Khadijah terpilih sebagai *qari* hafazan Al-Quran peringkat negeri Selangor.



2. Kesalahan Umum Penggunaan Kata

Jenis-jenis Kesalahan	Contoh Kesalahan	Pembetulan Kesalahan
kesalahan penggunaan kata yang sudah membawa makna jamak	☛ **Mereka-mereka** yang berkenaan sudah pun dijemput. ☛ **Rakyat-rakyat** dinasihati supaya keluar mengundi beramai-ramai.	☛ **Mereka** yang berkenaan sudah pun dijemput. ☛ **Rakyat** dinasihati supaya keluar mengundi beramai-ramai.
kesalahan penggunaan Kata Nama yang diulang bentuk membawa pengertian jamak yang diikuti pengulangan Kata Adjektif	☛ **Buku-buku** di mejanya **tebal-tebal**. ☛ **Bangunan-bangunan** di Kuala Lumpur **tinggi-tinggi** belaka.	☛ **Buku** di mejanya **tebal-tebal**. ☛ **Buku-buku** di mejanya **tebal.** ☛ **Bangunan** di Kuala Lumpur **tinggi-tinggi**. ☛ **Bangunan** di Kuala Lumpur **tinggi belaka.**
kesalahan penggunaan perkataan 'bila' dan 'apabila'	☛ Kamu boleh pergi **bila** dia pulang. ☛ **Apabila** dia akan datang ke Kuala Lumpur lagi?	☛ Kamu boleh pergi **apabila** dia pulang. ☛ **Bila**kah dia akan datang ke Kuala Lumpur lagi?
kesalahan penggunaan perkataan 'banyak' dan 'ramai'	☛ **Banyak** orang di Pesta Pulau Pinang semasa pembukaan dan penutupannya. ☛ **Ramai** calon menduduki peperiksaan itu.	☛ **Ramai** orang di Pesta Pulau Pinang semasa upacara pembukaan dan penutupannya. ☛ **Banyak** calon menduduki peperiksaan itu.
kesalahan penggunaan perkataan 'golongan' dan 'gulungan'	☛ Dalam sistem demokrasi, **gulungan** pembangkang merupakan saingan pihak kerajaan. ☛ **Golongan** kertas itu kurang rapi.	☛ Dalam sistem demokrasi, **golongan** pembangkang merupakan saingan pihak kerajaan. ☛ **Gulungan** kertas itu kurang rapi.
kesalahan penggunaan perkataan 'guna' dan 'pakai'	☛ **Pakai**kan pisau yang tajam untuk membelah ikan itu. ☛ **Guna**lah baju yang terdapat di dalam almari itu.	☛ **Guna**kan pisau yang tajam untuk membelah ikan itu. ☛ **Pakai**lah baju yang terdapat di dalam almari itu.
kesalahan penggunaan perkataan 'pedalaman' dan 'pendalaman'	☛ Saya pernah menjadi guru di **pendalaman** selama lima tahun. ☛ Kerja-kerja **pedalaman** sungai dilakukan selepas berlakunya banjir kilat.	☛ Saya pernah menjadi guru di **pedalaman** selama lima tahun. ☛ Kerja-kerja **pendalaman** sungai dilakukan selepas berlakunya banjir kilat.





3. Penjodoh Bilangan

Penjodoh Bilangan	Maksud Penjodoh Bilangan	Ayat
bilah 条、把、 枝、枚	benda yang tajam dan runcing, biasanya digunakan untuk alat pemotong contoh: pisau, keris	☛ Beberapa **bilah** mata tombak ditemukan di Ulu Sungai Melaka.
das 射击的 次数 （枪、炮）	bunyi tembakan senjata api contoh: pistol, meriam	☛ Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melepaskan beberapa **das** tembakan ke arah perompak itu. ☛ Tujuh **das** tembakan meriam dilepaskan bagi menyempurnakan istiadat pertabalan sultan.
gulung 卷、捆	benda yang boleh dilingkar contoh: sijil, tikar	☛ Beberapa **gulung** ijazah telah disampaikan oleh naib canselor universiti itu. ☛ Nippon membeli dua **gulung** tikar dari kedai Syamsul.
jambak 串、束、 渣、簇	benda yang berangkai contoh: bunga, kunci	☛ Brendan menghadiahi Maria Lopez se**jambak** mawar merah. ☛ Pada tali pinggangnya tersangkut beberapa **jambak** kunci.
longgok 准	himpunan sesuatu yang bertindih-tindih dan tidak teratur contoh: sampah, buah	☛ Semua **longgok** sampah itu diangkut oleh lori sampah. ☛ Setiap **longgok** durian itu dijual dengan harga yang berbeza.
senduk 勺	benda yang diambil dengan senduk contoh: kuah, gula, air minuman	☛ Beberapa **senduk** air dari tempayan itu diambil bagi mencuci tangannya. ☛ Tukang masak memastikan supaya semua pelajar mendapat tiga **senduk** nasi.



LATIHAN

Isikan Penjodoh Bilangan yang baru anda pelajari ke dalam ruangan yang disediakan.

1. Perompak itu terbunuh selepas pengawal keselamatan bank itu melepaskan dua ________ tembakan yang menembusi dadanya.
2. Dua ________ ikan rebus itu berharga RM10.00.
3. Dia meminta tambah beberapa __________ nasi.
4. Setiap __________ sampah ini perlu dibuang ke tempat pembuangan sampah.
5. Pelajar itu menghadiahi gurunya se________ mawar kuning.
6. Wanita itu mengikat reben berwarna hijau pada beberapa ________ sijil.
7. Lelaki itu mengaku memiliki se_________ keris kepunyaan Sultan Melaka.
8. Sebanyak 21 ______ tembakan dilepaskan apabila menjelang pukul 12.00 tengah malam 31 Ogos.
9. Penoreh getah itu memasukkan se________ cuka getah bagi setiap takung susu getah.
10. Emak terpaksa menggantikan bunga yang layu itu dengan se________ bunga yang segar.
11. Pihak polis menemui kesan cap jari pada se__________ parang yang digunakan oleh perompak.
12. Beberapa _________ sejadah telah dicuri dari madrasah itu.



Panduan Merumuskan Carta Pai

Cara-cara Mengungkapkan Isi-isi Tersirat

Pada unit yang lalu telah dibincangkan takrifan dan kaedah mencari isi-isi tersurat daripada bahan-bahan grafik seperti rajah, graf, pelan, jadual, peta, dan gambar tunggal. Pada kali ini, kita akan membincangkan cara-cara mendapatkan isi-isi tersirat daripada bahan grafik.

Secara umumnya, rumusan yang dihasilkan hendaklah mempunyai empat bahagian, iaitu:

a. Pendahuluan
b. Isi Tersurat
c. Isi Tersirat
d. Kesimpulan

A. Pengenalan

Isi-isi tersirat terhasil daripada isi-isi tersurat yang diperoleh daripada sesuatu bahan grafik. Penulisan isi-isi tersirat ditulis berasingan daripada isi-isi tersurat. Walau bagaimanapun, kedua-dua bahagian isi berkenaan perlu berkaitan.

B. Cara-cara Untuk Membentuk Isi-isi Tersirat


i. dapatkan perbezaan jumlah atau peratus tentang dua perkara
Contohnya: membuat perbandingan peratus atau jumlah tertinggi dengan yang terendah

ii. mengubah angka yang terdapat pada bahan grafik kepada nilai peratus
Contohnya: sebanyak 50 peratus penduduk kampung itu bekerja sebagai kakitangan kerajaan

iii. nyatakan kesan, sebab atau cara-cara mengatasi daripada isi tersurat
Contohnya: aktiviti-aktiviti pelancongan itu menyumbangkan pendapatan yang lumayan kepada peniaga-peniaga kraf tangan

C. Contoh Merumuskan Carta Pai

Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam carta pai buat satu huraian tentang pekerjaan penduduk Kampung Tanjung Daik bagi tahun 2006. Huraian anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan.





D. Rangka Merumuskan Carta Pai

Pengenalan	Isi-isi Tersurat	Isi-isi Tersirat	Kesimpulan
carta tersebut menunjukkan maklumat pekerjaan penduduk Kampung Tanjung Daik bagi tahun 2006	1. sebanyak 42 peratus penduduk Kampung Tanjung Daik bekerja dengan syarikat swasta 2. sebanyak 30 peratus lagi melakukan kerja kampung 3. sebanyak 5 peratus penduduknya berniaga 4. 15 peratus melakukan kerja kerajaan 5. baki sebanyak 8 peratus terlibat dalam pelbagai pekerjaan	1. kawasan industri yang berhampiran kampung telah memberikan peluang pekerjaan dalam sektor swasta 2. penduduk Kampung Tanjung Daik kurang terlibat dalam bidang perniagaan kerana hanya terdapat sebuah pekan kecil 3. masalah penggangguran dapat dikurangkan dengan adanya pelbagai jenis pekerjaan	kesimpulannya, pihak kerajaan perlu mempergiat sektor perindustrian di kawasan pedalaman agar penghijrahan pemuda ke bandar dapat dikurangkan

E. Contoh Rumusan Carta Pai

Carta tersebut menunjukkan maklumat pekerjaan penduduk Kampung Tanjung Daik bagi tahun 2006.

Sebanyak 42 peratus penduduk Kampung Tanjung Daik bekerja dengan syarikat swasta. Sebanyak 30 peratus penduduk melakukan kerja kampung dan lima peratus penduduk berniaga. Penduduk yang bekerja dengan kerajaan adalah sebanyak 15 peratus. Selebihnya lapan peratus menceburi pekerjaan-pekerjaan yang lain.


Kawasan industri yang berhampiran kampung telah memberikan peluang pekerjaan dalam sektor swasta. Mereka kurang terlibat dalam bidang perniagaan kerana Kampung Tanjung Daik hanya merupakan sebuah pekan kecil. Masalah pengangguran dapat dikurangkan dengan adanya pelbagi jenis pekerjaan.

Kesimpulannya, pihak kerajaan perlu mempergiat sektor perindustrian di kawasan pedalaman agar penghijrahan pemuda ke bandar dapat dikurangkan.

(**Perenggan yang dihitamkan itu ialah isi-isi tersirat**) (98 patah perkataan)

LATIHAN

A. Berdasarkan maklumat daripada carta pai berikut, lengkapkan bahagian isi-isi tersirat yang berkaitan dengan kedatangan pelancong ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 2006. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan.






Pengenalan	Isi-isi Tersurat	Isi-isi Tersirat	Kesimpulan
Carta pai menunjukkan bilangan pelancong yang datang ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 2006.	1. Tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancong ialah Pulau Pinang, Johor, Wilayah Persekutuan, Pahang, dan Terengganu.	1. ______________________ ______________________ ______________________	Kesimpulannya, sektor pelancongan perlu dimajukan supaya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.
	2. Pulau Pinang dan Johor banyak dikunjungi pelancong, iaitu sebanyak 24.8 peratus dan 23.2 peratus masing-masing.	2. ______________________ ______________________ ______________________	
	3. Kunjungan pelancong ke Wilayah Persekutuan dan Melaka masing-masing 18 peratus dan 14 peratus.	3. ______________________ ______________________ ______________________	
	4. Negeri Terengganu, kurang dikunjungi pelancong, iaitu hanya sembilan peratus.	4. ______________________ ______________________ ______________________	

B. Perhatikan carta pai di bawah dengan teliti kemudian buat rumusan tentang tahap kemahiran penggunaan komputer dalam kalangan rakyat Malaysia pada tahun 2004. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan.

Tahap Kemahiran Menggunakan Komputer dalam kalangan Rakyat Malaysia pada Tahun 2004



UNIT 14:
ADAT RESAM BUDAYA BANGSA







Budaya Rewang

Budaya Rewang merupakan suatu amalan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu di Malaysia sejak zaman-berzaman. Namun pengistilahan yang berbeza menyebabkan sesetengah masyarakat **terpinga-pinga**[1] akan harfiah 'rewang' itu sendiri. Berdasarkan kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, halaman 977, rewang diertikan sebagai:

- merewang tidak tetap, selalu berubah-ubah (tempat, fikiran, dan lain-lain), oleng-oleng (perahu dan lain-lain);
- merambang, merawak;
- gotong-royong sebagai persiapan menjayakan sesuatu majlis (terutamanya majlis kenduri perkahwinan)

Di negeri Johor, amalan rewang disinonimkan dengan masyarakat Melayu negeri ini. Perkataan rewang itu berasal daripada masyarakat Melayu-Jawa dan terkenal dalam kalangan mereka. Bukan setakat itu sahaja, amalan ini juga diamalkan ketika berlangsungnya sesuatu majlis perkahwinan. Rewang juga sering digunakan untuk membantu tuan rumah membuat persediaan majlis kenduri yang dijalankan secara kecil-kecilan, misalnya kenduri kesyukuran.

1. **terpinga-pinga:**
   kehairanan
   惊愕

Kosa Kata



Sementara itu di negeri Hang Tuah, amalan rewang lebih dikenali dalam majlis **berolek**[2] . Contohnya, di daerah Alor Gajah, berolek perlu didahului dengan amalan **berkampung**[3] iaitu pertemuan antara ketua kampung, ketua suku, dan keluarga. Mereka akan bermesyuarat sebelum penduduk setempat datang membantu. Pertemuan ini akan diadakan selewat-lewatnya tiga minggu sebelum berlangsungnya majlis tersebut. Sudah menjadi tradisi di kawasan ini, mereka selalunya akan membawa beras ke rumah pengantin. Sebagai balasan mereka akan dihidangkan dengan pulut kuning yang dimasak secara bergotong-royong sehari sebelum majlis. Golongan tua membantu dalam urusan masak-memasak. Golongan muda pula dikehendaki membantu membina penanggah, pemasangan **pelamin**[4] dan menjayakan upacara **berinai**[5].

Selain itu, di negeri Adat Perpateh ini, amalan rewang menjadi **kemestian**[6] masyarakat Melayu. Kebiasaannya masyarakat menempah makanan dari restoran untuk majlis keramaian. Amalan adat resam silam ini masih dijadikan keutamaan dalam memulakan sesuatu majlis. Pemberian sagu hati seperti bungo talor (bunga telur) dan pinggan mangkuk sebagai sagu hati bagi menghargai jasa kaki rewang. Jiran dan sanak saudara akan disajikan dengan daging masak 'lomak cili api' dan 'randang **maman**[7], serta wajik.

2. **berolek:**
   aktiviti perkahwinan
   婚宴
3. **berkampung:**
   berkumpul
   集合
4. **pelamin:**
   pentas untuk pengantin
   新郎新娘的座位
5. **berinai:**
   membungkus jari jemari dengan sejenis daun yang dilumatkan
   染红指甲
6. **kemestian:**
   kewajipan
   责任
7. **maman:**
   sejenis ulam
   植物（可食用）

Kosa Kata



Perubahan zaman turut berubah cara hidup sesuatu masyarakat. Kini, dewan-dewan serba guna dan hotel-hotel merupakan lokasi pilihan masyarakat bandar untuk melangsungkan majlis perkahwinan. Makanan siap terhidang dengan cara **swasraya**[8]. Fenomena ini berlaku di mana-mana sahaja di negara ini termasuk Metropolitan Kuala Lumpur. Namun demikian terdapat juga beberapa kawasan seperti Selayang, Gombak, dan Sungai Besi masih **melestarikan**[9] budaya rewang. Dengan bantuan ahli jawatankuasa surau, jiran tetangga, dan sanak saudara mereka dapat merewang bagi menjayakan sesuatu majlis.

(diubahsuai daripada www.beritaharian majalah I-kon; bulan Julai 2006)

8. **swasraya:**
   layan diri
   自 助
9. **melestarikan:**
   mengekalkan
   保 留

Kosa Kata





A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kenyataan yang mana satukah tidak benar tentang 'rewang'?
   A. amalan semenjak turun-temurun oleh masyarakat Melayu-Jawa
   B. lebih mengutamakan semangat berganding bahu semasa bekerja
   C. segala pekerjaan telah ditentukan harganya
   D. bermatlamat untuk meringankan beban oleh tuan rumah

2. Antara berikut yang mana satukah tidak diberikan oleh tuan rumah kepada para jemputannya?
   A. pinggan mangkuk
   B. wajik
   C. bunga telur
   D. beras

3. Bilakah pertemuan antara ahli keluarga dengan ketua kampung dan ketua suku berlaku?
   A. sebelum majlis perkahwinan berlangsung
   B. sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum majlis perkahwinan berlangsung
   C. dua hari atau sehari sebelum majlis perkahwinan berlangsung
   D. sehari sebelum majlis perkahwinan dan sehari selepas majlis perkahwinan

4. Pilih perkataan yang sesuai untuk mewakili 'rewang'.
   I. toleransi
   II. cuci tangan
   III. berganding bahu
   IV. membanting tulang

   A. I , II dan III
   B. I, II dan IV
   C. I, III dan IV
   D. II, III dan IV

5. Pilih nilai-nilai yang ingin diterap dalam budaya ‘rewang’.
   I. mengakrabkan perhubungan antara golongan yang tua dan muda
   II. mengurangkan pembaziran dalam penyediaan makanan
   III. meningkatkan semangat berkampung
   IV. merapatkan tali persaudaraan yang kian merenggang

   A. I, II dan III
   B. I, II dan IV
   C. I, III dan IV
   D. II, III dan IV

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Bilakah budaya rewang memainkan peranannya?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘amalan berkampung’?
3. Bagaimanakah masyarakat Negeri Sembilan menghargai jasa kaki rewang?
4. Pada pendapat anda, mengapakah amalan rewang ini tidak diamalkan oleh masyarakat Melayu pada masa kini.
5. Berikan dua kebaikan budaya rewang.





SEBUTAN

Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

pengistilahan: peng + is + ti + la + han

merawak: me + ra + wak

berinai: ber + i + nai

beban: be + ban

terpinga-pinga: ter + pi + nga + pi + nga

oleng-oleng: o + leng + o + leng

berolek: ber + o + lek

swasraya: swas + ra + ya

melestarikan: me + les + ta + ri + kan







MENDENGAR DAN BERTUTUR

1. Pesta Kaul



Dengar rakaman petikan dengan teliti. Setelah itu jawab soalan-soalan yang telah disediakan.

LATIHAN

1. Suku kaum apakah yang meraikan Pesta Kaul?
   A. Melanau
   B. Bajau
   C. Iban
   D. Kadazan

2. Bilakah Pesta Kaul ini diraikan?
   A. selepas musim tengkujuh
   B. sepanjang tahun
   C. setahun sekali
   D. selepas musim menuai

3. Apakah unsur yang mempengaruhi Pesta Kaul pada masa kini?
   A. sosiobudaya
   B. keagamaan
   C. kepercayaan
   D. individu

4. Di manakah Pesta Kaul ini disambut?
   A. Sabah
   B. Sarawak
   C. Kelantan
   D. Johor

5. Apakah unsur sambutan Pesta Kaul pada masa silam?
   A. keagamaan
   B. perayaan masyarakat
   C. kesyukuran
   D. kebaktian

2. Berdasarkan peta dan gambar-gambar di bawah, huraikan lokasi-lokasi yang terdapat dalam peta tersebut.

http://members.tripod.com/pdbesut/pperhentian/peta.htm





MENULIS

Surat Kiriman Tidak Rasmi

Baru-baru ini anda telah menerima sepucuk surat daripada rakan pena anda yang berasal dari negara lain. Dalam suratnya, dia ingin mengetahui serba sedikit tentang adat istiadat melenggang perut. Balas surat sahabat anda itu.

No. 276 Jalan Mesra 3, Taman Maluri Damai , 64730 Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur.	alamat pengirim surat
26 Disember 2007.	tarikh
Ke hadapan sahabat penaku yang jauh di mata dekat di hati, semoga keadaan dan situasi saudari selalu ceria. Kehidupan saya di sini mulus dan teratur, cuma kebelakangan ini agak sibuk dengan peperiksaan.	pendahuluan
Saudari,	kata penghadapan
Dalam surat saudari yang saya terima, saudari menyatakan keinginan mengetahui adat 'Melenggang Perut'.	tujuan surat
Adat melenggang perut dijalankan dalam masyarakat Melayu. Adat ini dijalankan ke atas isteri yang telah genap hamil tujuh bulan. Upacara ini dijalankan untuk membetulkan kedudukan kepala bayi di pintu rahim. Adat ini penting bagi memudahkan si ibu bersalin dan bayi tidak kelemasan di dalam perut. Seorang bidan kampung akan diupah untuk melangsungkan adat melenggang perut ini.	isi 1





Kelengkapan yang digunakan untuk upacara ini ialah tujuh helai kain yang berlainan warna, satu gantang beras, sebiji buah kelapa, dan beberapa urat benang. Selain itu, satu batang damar, sedikit minyak kelapa atau minyak urut, beberapa batang lilin dan satu tepak sirih yang lengkap dengan isinya juga diperlukan. Wang pengeras sebanyak lima suku (RM1.25) akan diletakkan di dalam tepak itu. } isi 2



Mula-mula tok bidan membentangkan ketujuh-tujuh helai kain berwarna itu secara melintang sehelai demi sehelai. Ibu yang hamil itu akan dibaringkan di atas lapisan-lapisan kain tersebut. Setelah itu, tangan tok bidan akan memegang kedua-dua belah bucu kain. Kemudian kain itu akan diangkat sedikit sambil dilenggang-lenggangkan pada badan ibu itu. Dari sinilah terbitnya panggilan 'Lenggang Perut'. Selepas itu, kain itu ditarik keluar dari bawah badan ibu tersebut. } isi 3

Biasanya, pada hari melenggang perut akan diadakan kenduri kecil-kecilan yang akan dihadiri oleh orang tua-tua dan kaum keluarga yang rapat. Pada masa kenduri itu berlangsung, ibu yang akan berlenggang perut itu akan dipakaikan dengan pakaian yang baharu dan cantik. } isi 4

Saya berharap agar penerangan ini dapat memberikan serba sedikit maklumat kepada saudari. Akhir kata, terimalah salam persahabatan daripada saya. Semoga kita akan berjumpa dalam warkah yang lain. } penutup

Sahabatmu, } pengakuan penulis

Mariamusa } tandatangan
.... } pengirim







LATIHAN

Anda telah menerima sepucuk surat daripada rakan pena anda. Rakan anda itu tertarik untuk mengetahui budaya masyarakat di negara anda. Balas surat rakan anda itu. Untuk mendapat maklumat, anda digalakkan untuk melayari internet. Klik sahaja sesawang 'adat resam' pasti anda akan dipaparkan dengan pelbagai maklumat.



1. Pengukuhan Tatabahasa

Berikut merupakan imbasan kembali tajuk-tajuk tatabahasa yang telah anda pelajari selama setahun di Junior Dua.

Bil	Jenis-jenis Kata Tugas	Jenis-jenis Ayat	Jenis-jenis Imbuhan
1.	Kata Sendi	Ayat Tunggal	-an
2.	Kata Bantu	Ragam Ayat	-kan
3.	Kata Penguat	Ayat Aktif	beR-...-an
4.	Kata Penegas	Ayat Pasif	beR-...-kan
5.	Kata Nafi	Pola-pola Ayat	ke-...-an
6.	Kata Bilangan		meN-...-kan
7.	Penjodoh Bilangan		meN-...-i
8.	Kata Hubung		mempeR-...-i
9.	Kata Arah		mempeR-...-kan
10.	Kata Pemeri		di-...-i



Bil	Jenis-jenis Kata Tugas	Jenis-jenis Ayat	Jenis-jenis Imbuhan
11.	Kata Ganda		di-...-kan
12.			peN-...-an
13.			peR-...-an
14.			Imbuhan Pinjaman

2. Menganalisis Teks

Baca teks di bawah kemudian jawab soalan-soalan yang telah disediakan.

Seni bina rumah Melayu tradisional dikaitkan **dengan** sifat kreatif masyarakat Melayu. Binaan rumah Melayu juga sangat erat dengan alam sekitar. Rumah orang Melayu berbumbung panjang **dan** bertebar layar serta **tidak** berpaku. Rotan atau akar digunakan oleh tukang-tukang rumah untuk mengikat persendian pada zaman silam. Bahagian dalaman rumah dihiasi pelbagai bentuk ukiran **yang** bermotifkan alam semula jadi. Seni bina rumah Melayu tradisional juga dipengaruhi oleh unsur-unsur luar. Namun, pengaruh dari alam Melayu seperti Minangkabau, Patani, Aceh, Jawa, Bugis, Riau, Jambi, dan Bajau **amat** ketara kelihatan.





A. Berikan jenis-jenis kata yang dicetak tebal dalam teks.

Bil	Perkataan	Jenis-jenis Kata
1.	dengan	
2.	dan	
3.	tidak	
4.	yang	
5.	amat	

B. 'Rotan atau akar digunakan oleh tukang-tukang rumah untuk mengikat persendian pada zaman silam'.
Apakah jenis ayat di atas?
- A. Ayat Aktif Transitif
- B. Ayat Aktif Tak Transitif
- C. Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Ketiga
- D. Ayat Pasif Kata Ganti Nama Diri Kedua

C. 'Seni bina rumah Melayu tradisional juga dipengaruhi oleh unsur-unsur luar'.
Apakah ragam ayat di atas?
- A. Ayat Penyata
- B. Ayat Perintah
- C. Ayat Tanya
- D. Ayat Larangan

D. Senaraikan beberapa kata berimbuhan dari petikan.

Kata Berawalan	Kata Berapitan	Kata Berakhiran



3. Membetulkan Kesalahan Umum

A. Memberikan Imbuhan

Setiap ayat di bawah mengandungi satu perkataan yang telah dihilangkan imbuhan. Berikan imbuhan yang sesuai pada perkataan itu.

1. Setiap pagi Baba Chong akan ke kuala untuk dagang hasil taninya di pasar pagi.
2. Keamanan negara haruslah lestari agar tidak tergugat.
3. Paras kak long iras dengan wajah ayah semasa muda.
4. Pulangnya dari sekolah, dia terus masuk ke dalam bilik.
5. Hujan sepanjang hari gusar hati penduduk yang tinggal di tepi sungai.
6. Lagak main pemuda itu amat mencurigakan kami.
7. Penghuni-penghuni rumah pangsa syor agar selalu menjaga kebersihan.
8. Atur barang-barang permainan ini ke tempat asalnya semula.
9. Sesiapa sahaja tidak dibenarkan ceroboh kawasan pencawang elektrik.
10. Kita harus harga air supaya tidak belaku pembaziran.
11. Teguh jiwa adik banyak disokong oleh Abang Ngah.
12. Elakkan daripada mudah percaya seseorang yang tidak kita kenali.
13. Pelbagai imbuh telah disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada ahli-ahli sukan yang berprestasi.
14. Pasti peralatan-peralatan belajar dan buku-buku sekolah anda tidak tertinggal.
15. Seyogianya kamu perlu berhati-hati ketika keluar wang dari dompet.





B. Soalan Objektif: Jenis-jenis Kata

Pilih jawapan yang sesuai.

1. Dia bercita-cita tinggi, ... tiada usaha yang dilakukan olehnya.
   A. sambil B. walhal C. seraya D. lalu

2. .... mengikuti kuliah ini, saya akan ke hospital.
   A. Selepas B. Apabila C. Seraya D. Semenjak

3. Kotak itu ada .... abang dan akan dibuka pada malam nanti.
   A. dengan B. pada C. kepada D. untuk

4. Mereka mengucapkan tahniah .... kejayaan pasukan negara dalam Sukan SEA yang diadakan di Bangkok.
   A. tentang B. terhadap C. dalam D. atas

5. Syarikat pengeluar makanan itu .... mempertimbangkan pemohonan kita untuk melawat kilang tersebut.
   A. dalam B. bagi C. masih D. untuk

6. Makanan yang dibeli dari restoran pada petang tadi .... basi.
   A. sedang B. sudah C. mahu D. akan

7. Warna pakaian yang .... terang menarik perhatian binatang di dalam hutan itu.
   A. terlalu B. kian C. benar D. nian

8. Lukisan itu cantik .... jika dipamerkan di bilik tamu itu.
   A. terlalu B. benar C. paling D. agak

9. Dia memberitahu .... agar mendengar ceramah itu dengan penuh perhatian.
   A. sekalian B. hadirin C. para D. orang

10. Anak-anak muda itu .... mengambil berat terhadap keselamatan mereka ketika menunggang motosikal.
    A. tidak B. boleh C. benar D. adalah

11. Sumbangan anda berharga .... dan amat bermakna kepada kami semua.
    A. ialah B. tidak C. benar D. adalah

12. Penggunaan internet amat berfaedah kepada masyarakat. ………… penyalahgunaannya boleh membawa kesan buruk.

A. Sementara B. Serta C. Sungguhpun D. Namun

13. Apabila wartawan mengajukan soalan itu, dia memberitahu wartawan ……………… pemuda itu pernah tinggal di rumahnya.

A. semasa B. yang C. bahawa D. kerana

14. Pakaian di dalam mesin pembasuh itu ………… ketika dicuci.

A. berketul-ketul
B. bergumpal-gumpal
C. bersimpul-simpul
D. berbonggol-bonggol

15. Perjumpaan itu hanya diadakan untuk membincangkan hal yang ………… hingga menyebabkan ahli-ahli yang hadir berasa bosan.

A. remeh-temeh
B. kusut-masai
C. hingar-bingar
D. riuh-rendah



C. Soalan Objektif: Jenis-jenis Ayat

1. Yang mana satukah Ayat Tunggal?
   A. Pemandangan di Pulau Sulu sangat indah.
   B. Perahu Wak Karto bocor kerana terlanggar batu karang.
   C. Semenjak ditimpa kemalangan, ayah dan ibu tidak pergi ke mana-mana lagi.
   D. Pelancong-pelancong akan ke Pulau Perhentian dengan menaiki bot.

2. Yang mana satukah Ayat Tunggal?
   A. Liza mengajak Sin Woon serta Mageswari ke bandar.
   B. Mona menyapu lantai dan mengelap tingkap.
   C. Baik abang mahupun kakak mempunyai kegemaran yang sama.
   D. Sultan Johor akan merasmikan majlis pembukaan Sukan Malaysia.

3. Yang mana satukah Ayat Majmuk?
   A. Perpustakaan Negara dibuka pada setiap hari.
   B. Hang Jebat menikam Hang Tuah bertalu-talu.
   C. Kakak Lina belajar di London atau di Australia?
   D. Manaf berazam untuk berniaga secara kecil-kecilan.

4. Pisahkan Ayat Majmuk di bawah menjadi dua Ayat Tunggal yang betul.
   Kakinya bengkak maka dia tidak dapat turun ke padang.
   A. i. Bengkaknya kakinya.
      ii. Dia tidak dapat turun ke padang.
   B. i. Kakinya bengkak.
      ii. Maka dia tidak dapat turun ke padang.
   C. i. Maka kakinya bengkak.
      ii. Maka dia tidak dapat padang turun.
   D. i. Kakinya bengkak.
      ii. Dia tidak dapat turun ke padang.

5. Pisahkan Ayat Majmuk di bawah menjadi dua Ayat Tunggal yang betul.
   Apabila matahari mula terbenam, burung-burung berterbangan kembali ke sarang.
   A. i. Matahari mula terbenam.
      ii. Burung-burung berterbangan kembali ke sarang.
   B. i. Matahari terbenam.
      ii. Mulalah burung-burung berterbangan kembali ke sarang.
   C. i. Mula matahari terbenam.
      ii. Burung-burung ke sarang berterbangan kembali.
   D. i. Matahari mula terbenam.
      ii. Kembali berterbangan sarang ke burung-burung.



6. Tukarkan Ayat Aktif di bawah menjadi Ayat Pasif.
Kamu menyiram pokok-pokok bunga itu?
A. Kamu disiram oleh pokok-pokok bunga itu?
B. Pokok-pokok bunga itu siram kamu?
C. Kamu kena siram pokok-pokok bunga?
D. Pokok-pokok bunga itu kamu siram?

7. Tukarkan Ayat Aktif di bawah menjadi Ayat Pasif.
Mereka meminjam beberapa buah buku dari perpustakaan desa.
A. Beberapa buah buku mereka pinjam dari perpustakaan desa.
B. Pinjam beberapa buah buku oleh mereka dari perpustakaan desa.
C. Beberapa buah buku dipinjam oleh mereka dari perpustakaan desa.
D. Dari perpustakaan desa beberapa buah buku mereka meminjam.

8. Pilih Ayat Tanya yang sesuai untuk ayat yang diberikan.
Alat-alat ini digunakan untuk memadamkan api.
A. Bagaimanakah alat-alat ini digunakan?
B. Kegunaan alat-alat ini apakah?
C. Alat-alat ini digunakan untuk apakah?
D. Apakah kegunaan alat-alat ini?

9. Pilih Ayat Tanya yang sesuai untuk ayat yang diberikan.
Pertunjukan itu akan dimulakan sebentar lagi.
A. Sebentar lagikah pertunjukan itu akan dimulakan?
B. Bilakah pertunjukan itu akan dimulakan?
C. Lambatkah lagi pertunjukan ini dimulakan?
D. Bila pertunjukan itu akan dimulakan?

10. Pilih Ayat Perintah yang sesuai untuk ayat yang diberikan.
Nenek menyuruh Sze Wan mengambilkannya sebiji bantal.
A. Sze Wan mengambilkan nenek sebiji bantal.
B. Suruh Sze Wan mengambilkan sebiji bantal.
C. Sze Wan, ambilkan sebiji bantal untuk nenek.
D. Arahkan nenek mengambil sebiji bantal untuk nenek.





11. Pilih Ayat Perintah yang sesuai untuk ayat di bawah.
Mak Long menasihati Farahin supaya memandu kereta dengan berhati-hati.
   A. Hati-hati ketika memandu kereta itu, Farahin.
   B. Farahin, hati-hati ya.
   C. Farahin memandu kereta dengan berhati-hati.
   D. Memandu dengan berhati-hati.

12. Pilih Ayat Seruan yang sesuai untuk ayat di bawah.
Aiman ditegur kerana kurang sopan di hadapan orang tua .
   A. Nah, tidak baik kamu bersikap kurang sopan di depan orang tua!
   B. Ah, tidak sopan kamu tadi!
   C. Eh Aiman, kamu kurang sopan di hadapan orang tua!
   D. Aduh, sungguh kurang sopan kamu tadi!

Soalan 13 hingga Soalan 15

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, tandakan sama ada A, B atau C. Jika tiada kesalahan dalam ayat tandakan D.

13. Kamal mendermakan (A) sebahagian daripada hartanya kepada anak yatim-anak yatim (B) kerana berasa simpati dengan golongan (C) tersebut. Tiada kesalahan (D)

14. Semoga penerbitan (A) akhbar Minda Pelajar dapat menarikkan (B) minat membaca dalam kalangan (C) pelajar. Tiada kesalahan (D).

15. Bekas yang berisikan (A) pakaian itu akan di hantar (B) ke pusat penempatan sementara (C) mangsa-mangsa gempa bumi. Tiada kesalahan (D).







Melayari Internet

Internet ialah satu ciptaan manusia yang amat dikagumi. Kini, semua orang telah mengenali internet sebagai salah satu cara untuk mendapatkan sumber maklumat yang bersifat global. Kita boleh mendapat pelbagai faedah ketika melayari internet. Di bawah ini diterakan beberapa alamat sesawang. Layarilah alamat sesawang tersebut.



Sesawang Bahasa

1. www.dbp.gov.my
2. www.utusan.com.my

Sesawang Sains dan Teknologi

1. www.angkasawan.gov.my

Peringatan!


Semasa melayari sesawang, jadilah seorang pelayar yang budiman.

Jangan melayari sesawang yang berunsur pornografi.

Jangan sebarkan virus.

Layarilah internet untuk menambah ilmu pengetahuan.





CATATAN